



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 11 NOVEMBER 2015 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

(Dewan disambung semula pada jam 10.00 pagi)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim. Assalammualaikum Warahmatullahitaallah Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Pada 11 November 2015 dimulakan dengan Bacaan Doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat Seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat Pagi Semua. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, soalan saya soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK: TERDAPAT GERAI-GERAI DI PASAR BESAR KLANG DAN PASAR BORONG PUCHONG DIUSAHAKAN OLEH WARGA ASING

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak gerai di Pasar Besar Klang dan Pasar Borong Puchong dikendalikan oleh warga asing?
- b) Apakah langkah Kerajaan supaya warga asing ini tidak dibenarkan untuk mengendalikan gerai-terai tersebut?
- c) Senaraikan kewarganegaraan warga asing yang mengendalikan gerai-gerai tersebut.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Kota Anggerik. Berdasarkan prosedur Majlis Perbandaran Klang warga asing tidak dibenarkan menjadi penyewa gerai Majlis. Warga asing hanya dibenarkan sebagai pembantu penyewa sahaja.

Berdasarkan prosedur Majlis, pembantu-pembantu bagi penyewa Majlis di Pasar Besar Klang perlu mendaftarkan pembantu mereka dan sekiranya diluluskan, pihak Majlis akan mengeluarkan Kad Tanda Nama bergambar supaya pembantu-pembantu penyewa yang diluluskan dapat dikenal pasti.

Warga asing yang mempunyai Kad Tanda Nama bergambar kebanyakannya terdiri daripada warganegara Myanmar dan Bangladesh.

Pasar Borong Selangor diuruskan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Pendatang haram dan warga asing tidak dibenarkan memohon dan menjalankan aktiviti perniagaan di pasar-pasar awam milik PBT. Tindakan penguatkuasaan akan diambil seperti sitaan barangan dan penutupan gerai. Setakat ini tiada pendatang haram atau warga asing mendapatkan lesen daripada Majlis di Pasar-pasar Awam milik Majlis.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, ada dua polisi yang Kerajaan Negeri *impus*. Satu namanya *owner operator* keduanya kita *stop rental class* iaitu kita nak pastikan pemilik gerai berada di gerai masing-masing sekurang-kurangnya dalam dua hingga empat jam dan tidak benarkan menyewakan gerai-gerai ini pada warga asing. Dalam lawatan saya ke Pasar Borang Puchong, kita dapati keseluruhan hampir sebahagian besar gerai-gerai itu diusahakan oleh Warga Asing Myanmar begitu juga di Klang

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalannya tadi dikatakan bahawa tidak ada yang disewakan. Saya rasa itu pihak Kerajaan kena semak semula jawapan tersebut.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik bahawa saya akan meminta PKPS khususnya kerana ini mengenai isu tentang Pasar Borang di Puchong. Saya akan menyemak semula supaya memang operator yang menjalankan operasi dia di dalam Pasar Borang tersebut.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Bagaimanakah dengan syarat yang mensyaratkan pemilik lesen tersebut berada di tapak gerai adakah dia dilaksanakan setakat ini?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kalau untuk pasar awam memang itu salah satu syarat yang diperlukan seperti apa yang saya maklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini tadi bahawa pemilik hanya dibenarkan untuk mengambil pekerja dia sebagai apa ni, warga asing sebagai pekerja sahaja tapi pemilik dia kita mensyaratkan supaya sentiasa kena berada di dalam, ditapak gerak mereka.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Untuk makluman Pasar Borang lebih kurang 100 peratus peniaga bangsa asing jadi Seri Serdang ingin bertanya kepada Pihak Kerajaan boleh tak pemutihan peniaga-peniaga ini dibuat dalam waktu yang terdekat dan apakah usaha Kerajaan untuk memberi peluang kepada rakyat sendiri untuk berniaga.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Seri Serdang dan seperti apa yang saya maklumkan tadi bahawa Pasar Borang Puchong ini adalah di kendali di bawah PKPS dan kita akan minta PKPS untuk menjalankan satu semakan untuk memastikan bahawa isu ini dapat diatasi dengan segera.

TUAN SPEAKER: Morib tidak hadir. Soalan 100 telah dijawab bersekali dengan soalan 20. Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Speaker, soalan 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK: PEKELILING PERKHIDMATAN AWAM

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2, Tahun 1993 yang bertujuan untuk mengehadkan jumlah elaun pengarah yang diterima oleh penjawat awam diguna pakai dan dikuatkuasakan di Negeri Selangor
- b) Jika tidak, ada tak pekeliling lain yang sama tujuan diguna pakai?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gasing. Pada dasarnya, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993 hanya dijadikan panduan asas bagi melayakkan pegawai Kerajaan menerima bayaran elaun dan pampasan bagi yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi atau Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan Berkanun / Kuasa-kuasa Tempatan mahupun Badan-badan Perniagaan yang pihak Kerajaan mempunyai kepentingan ataupun GLC.

Hal sedemikian kerana penetapan jumlah kadar bayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Menteri Besar ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) / Badan-badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan mahupun Anak Syarikat Kerajaan Negeri masing-masing dan tidak terikat dengan kadar yang dinyatakan oleh Pekeliling tersebut.

b) Sehingga 26 Oktober 2015, pihak JPA ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia selaku agensi pusat yang menyelaraskan dasar atau polisi berkaitan saraan penjawat awam masih belum mengeluarkan sebarang pekeling baharu selain daripada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1993 ini.

Berdasarkan semakan, pihak JPA sedang dalam proses penelitian dan mengkaji elemen-elemen penambahbaikan terhadap Pekeliling Perkhidmatan berkenaan dengan kerjasama Kementerian kewangan ataupun MOF.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker. Jadi jika had di dalam Pekeliling ini tidak diguna pakai oleh Kerajaan Negeri Selangor ada tak sebarang had dan jika ada berapa amaun dia yang dihadkan untuk penerimaan elaun daripada GLC dan Perbadanan yang lain.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Ini merupakan satu soalan yang spesifik Tuan Speaker boleh saya berikan secara bertulis respons kepada soalan tersebut.

TUAN SPEAKER: Baiklah. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 102.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK: ISU PASIR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar masih ada kes-kes perusahaan pasir haram di Selangor?
- b) Jika ya, apakah langkah-langkah pengawalan yang telah dan akan diambil?
- c) Mohon nyatakan kedudukan hasil pasir sebelum dan selepas Kerajaan Pakatan ambil alih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin memberi maklum balas tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua berhubung kes-kes kecurian pasir dan juga apakah langkah-langkah pengawalan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada Yang Berhormat Dusun Tua juga ingin mengetahui kedudukan hasil pasir sebelum dan selepas tahun 2008.

Untuk makluman Yang Berhormat, tiada kes-kes kecurian pasir berskala besar dan dalam konteks ini definisi skala besar ialah 5 ekar ke atas di Negeri Selangor. Namun demikian, Kerajaan Negeri menyedari masih terdapat kes-kes kecurian pasir berskala kecil dan Unit Penguatkuasaan di Pejabat Tanah dan Daerah senantiasa menjalankan rondaan dan pemantauan bagi membanteras aktiviti ini dan antara langkah-langkah kawalan yang telah diambil adalah seperti berikut:-

Pertama, menjalankan tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965;

Kedua, menjalankan tindakan statik di kawasan yang telah dibuat penguatkuasaan bagi mengelakkan pengusaha pasir haram ini beroperasi kembali;

Ketiga, seperti yang saya umumkan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah pun meluluskan bagi pengambilan 100 orang Anggota Penguat kuasa dan 15 orang Penolong Pegawai Tanah bagi meningkatkan pengawalan pengeluaran bahan batuan; dan yang

Keempat, PTG Selangor juga telah mengambil tindakan menyeragamkan penggunaan doket pengeluaran bahan batuan di setiap daerah bagi memastikan pengeluaran bahan-bahan batuan ini mengguna pakai doket yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil kutipan royalti bagi bahan batuan khususnya pasir adalah lebih tinggi daripada yang dicatatkan sebelum 2008. Sebagai contoh, pada tahun 2008 bayaran royalti berjumlah RM525,000.00 sahaja dan pada tahun 2009 meningkat kepada RM5.1 juta. 2010 meningkat kepada RM10.8 juta. 2011, RM16 juta. 2012, RM10.3 juta. 2013, RM14.1 juta. 2014, RM15.7 juta dan pada tahun ini sehingga September 2015 telah pun mencatatkan jumlah bayaran royalti sebanyak RM14.1 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah produksi pasir bermula tahun 2008 sehinggalah 30 September 2015 yang baru lalu berjumlah 44 juta tan metrik dan keuntungan bersih yang diperolehi adalah sebanyak RM84.6 juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ijok. Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyanjung usaha Kerajaan Negeri untuk membanteras pencuri-pencuri pasir ini tapi yang saya nak bangunkan di sini yang saya nak bangkitkan ialah ada dua tiga tempat di tempat saya ini masih lagi berterusan sungguhpun perkara ini telah di bawa dalam Mesyuarat JKTD. Satu contoh iaitu di Kampung Batu 14. Boleh katakan dua tiga kali satu hari pasir keluar dekat kawasan kampung itu ya. Jadi saya minta lah supaya kalau boleh pihak-pihak yang terlibat ataupun agensi....

TUAN SPEAKER: Soalannya Dusun Tua?

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Soalan saya ialah ambil tindakan supaya benda ini tidak berterusan berlaku dan masyarakat akan melihat bahawa apa yang kita cuba nak buat tapi tak dapat kita laksanakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Itu bukan soalan ya. Tak payah jawab Bukit Antarabangsa. Itu cadangan. Ijok. Tidak hadir. Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Tuan Speaker, soalan 104.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK: TAMAN KEKAL PENGELUAR MAKANAN (TKPM)

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program susulan kepada peserta TKPM?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu dalam memasarkan hasil produk peserta TKPM?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Bukit Melawati yang bertanya berkenaan dengan Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan program susulan kepada para peserta.

Sebagai program susulan kepada peserta TKPM, Jabatan Pertanian telah pun menubuhkan pasukan teknikal yang terdiri daripada pegawai-pegawai pakar dalam bidang teknikal pertanian untuk memantau dan memberi khidmat nasihat dan teknikal secara berjadual kepada peserta sekurang-kurangnya empat kali setahun. Selain itu kesemua peserta TKPM akan terus dibimbing untuk mendapatkan pensijilan *My GAP* dan *My Organic* supaya hasil yang dikeluarkan dapat dipasarkan di pasar raya dengan harga premium. Mereka juga akan sentiasa diberi pendedahan tentang teknologi terkini melalui seminar dan latihan yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian.

Bagi menyokong usaha peserta untuk membangunkan inovasi yang boleh meningkatkan hasil dan pendapatan mereka. Jabatan Pertanian menyediakan peruntukan melalui insentif R & D Teknologi Tanaman. Kerajaan Negeri juga melalui Jabatan Pertanian telah bekerjasama dengan FAMA dalam melaksanakan program ladang kontrak bagi membantu petani memasarkan hasil keluaran mereka.

Pada tahun 2015, seramai 20 orang peserta TPKM telah terlibat dalam program ini dengan pengeluaran berjumlah 642 metrik tan dengan nilai RM850,000.00. Di samping itu juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah membina pusat-pusat pengumpulan bagi membantu petani memasarkan hasil mereka di beberapa tempat seperti di TPKM Kundang, TPKM Sungai Kelambu, TPKM Bukit Changgang, TPKM Sungai Belangan dan TPKM Ulu Cucuh. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Bukit Melawati.

Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH: Terima kasih Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Cuma apa yang dinyatakan tadi yang hendak saya tanyakan di sini, ini soalan tambahan saya ada tak perbandingan ataupun nyatakan prestasi ya TKPM di Selangor berbanding dengan TPKM di negeri-negeri lain. Ada tak perbandingan prestasinya. Terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Dari sudut perbandingan prestasi mungkin Bukit Melawati boleh memberikan pengkhususan dari sudut, dari sudut ataupun perkara yang mana tapi seperti mana yang dinyatakan sebelum daripada ini hasil dari sudut hasil TPKM jauh lebih baik daripada negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih. Soalan saya 105.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK: PUSAT JAGAAN KEBAJIKAN

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan kerajaan untuk menyelesaikan permasalahan kejiranan yang timbul apabila sesebuah pusat jagaan beroperasi di kawasan perumahan.
- b) Adakah kerajaan mewartakan tanah untuk kegunaan kebajikan? Senaraikan mengikut lokasi sekiranya ada.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Balakong. Tuan Speaker terdapat dua kategori pusat jagaan yang disediakan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Pusat Jagaan Harian yang mana pusat ini beroperasi di premis yang menerima empat orang atau lebih untuk jagaan selama tempuh yang berterusan melebihi tiga jam sehari sekurang-kurangnya tiga hari seminggu sama ada menerima upah atau selainya. Keduanya pusat jagaan berkediaman. Pusat ini beroperasi di premis yang menerima empat orang atau lebih untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya sama ada menerima upah atau selainya. Bagi keperluan sokongan dan kelulusan agensi teknikal, pihak yang bertanggungjawab adalah antaranya Pihak Berkuasa Tempatan sama ada Majlis Daerah atau Perbandaran atau Bandar Raya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Kesihatan. Antara perkara yang diperlukan bagi Pihak Berkuasa Tempatan meluluskan atau menyokong permohonan pendaftaran Pusat jagaan ini antaranya setiap premis yang

berada di sesebuah kawasan perumahan perlu menukar status kegunaan premis tersebut daripada status kediaman kepada status perniagaan.

Kedua, premis tersebut memerlukan keizinan jiran-jiran bagi membolehkan premis tersebut dapat beroperasi seperti yang dipohon. Seterusnya sekiranya berlaku permasalahan di kejiranan tersebut apabila sesebuah pusat jagaan ini beroperasi maka Pihak Jawatankuasa Penduduk akan membuat laporan atau aduan kepada Pihak Berkusa Tempatan masing-masing. Tindakan selanjutnya akan diambil oleh Pihak Berkusa Tempatan dengan mengadakan sesi perbincangan bersama pengusaha pusat jagaan dan jawatankuasa penduduk setempat untuk mendapatkan kata sepakat dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

b. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak pernah mewartakan tanah bagi tujuan kebajikan. Pewartaan tanah yang dilaksanakan adalah bagi tujuan kemudahan awam dan keagamaan sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah, saya faham bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah mewartakan apa-apa tanah untuk kegunaan kebajikan tetapi memandangkan lebih banyak aduan-aduan yang timbul pada masa kini mengenai permasalahan kejirananlah kerana semuanya tidak mahu ada pusat jagaan kebajikan di taman perumahan mereka, adakah kerajaan merancang ataupun akan mempertimbangkan cadangan untuk mewartakan tanah untuk tujuan pusat jagaan kebajikan pada masa depan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Balakong. Perkara ini perlu disemak semula dengan pihak Pejabat Tanah dan Pejabat Daerah. Dan perlu diperbincangkan semula. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya jika tanah-tanah ini tidak diwartakan bagaimanakah sebenarnya kerajaan ingin mengenal pasti bila ingin memberi nominal premium kepada cukai, minta maaf nominal cukai yang dikenakan kepada pusat-pusat jagaan ataupun tanah-tanah yang mengendalikan pusat-pusat jagaan. Jadi apakah sebenarnya mekanisme untuk mengenal pasti kalau tidak ada warta bagaimana nak mengenal pasti bahawa pusat-pusat jagaan ini layak membayar, membayar cukai hanya nominal RM1.00 yang dikenakan oleh kerajaan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Batu Tiga. Kerajaan Negeri juga memberikan cukai nominal untuk pusat-pusat jagaan ini. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Jadi saya, saya kurang mendapat jawapan. Maknanya kalau tidak diwartakan bagaimana kerajaan mengenal pasti yang tanah-tanah itu layak diberikan cukai nominal?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ISMAIL: Saya akan mendapatkan jawapan tersebut dan saya akan berikan kepada Batu Tiga nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker. No. 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK: TAHAP USIA BELIA DEWASA

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah sesuai usia belia dewasa hanya terhad sehingga 30 tahun sahaja, sedangkan yang memegang jawatan dan berpengalaman, ramai yang berusia 40 tahun dan ke bawah?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Seri Serdang. Semenjak April 2015 telah kita mengeluarkan serta melancarkan Dasar Belia Negeri Selangor. Kita telah menetapkan bahawa kadar umur belia adalah di antara umur 15 hingga ke 30 tahun. Ini berdasarkan kepada 3 konsep perkembangan psikologi sebagaimana yang telah dibentangkan kepada kita iaitu belia remaja 15 hingga 18, 19 hingga 24 yang dipanggil belia muda dan belia dewasa 25 hingga 30 tahun.

Sehubungan dengan itu, untuk pelan perancangan kita di hadapan, tahun hadapan, kita ingin memastikan bahawa had penggerak belia tempatan yang dilantik adalah di bawah 30 tahun dan ini adalah juga selaras dengan Dasar Belia Negara yang baru dilancarkan oleh pihak Kerajaan Pusat. Namun Kerajaan Pusat hanya akan melaksanakan sepenuhnya pada tahun 2017. Kita akan cuba untuk melaksanakannya pada tahun 2016. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, soalan No.107.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)**

TAJUK: CABARAN EKONOMI & PELABURAN

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kesan secara langsung dan tidak langsung kepada pelaburan di Negeri Selangor akibat keadaan ekonomi yang merudum?
- b) Apakah pendekatan inovatif dan usaha kerajaan untuk menangani masalah ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, dalam keadaan ekonomi yang merudum, secara dasarnya ia memberi kesan kepada aktiviti pelaburan sama ada secara langsung atau tidak langsung seperti berikut:

Kesan Langsung

- i. Kos awalan pelaburan menjadi lebih kompetitif kepada pelabur asing kerana nilai mata wang asing menjadi lebih tinggi berbanding nilai Ringgit Malaysia
- ii. Peningkatan kos pengeluaran, peningkatan kos pengeluaran oleh kerana harga import bahan mentah yang tinggi disebabkan kejatuhan nilai Ringgit Malaysia.

Kesan Tidak Langsung

- i. Penutupan kilang.
 - ii. Penstrukturan syarikat bagi mengurangkan kos operasi syarikat.
 - iii. Penangguhan perancangan pelaburan baru atau pelaburan tambahan.
 - iv. Pengecilan tenaga kerja atau pemberhentian pekerja bagi industri yang terkesan.
 - v. Memperlahankan pertumbuhan sektor-sektor lain seperti hartanah, peruncitan, pengangkutan dan industri sokongan yang lain.
- b) Antara pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani masalah ini dengan adalah meningkatkan program promosi pelaburan bagi memperkenalkan peluang-peluang pelaburan di Selangor seperti berikut:-
- i. Meningkatkan program promosi pelaburan di dalam dan luar negara.

- ii. Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi penggalakan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI / MIDA.
- iii. Penerbitan iklan-iklan dalam media cetak dan media elektronik dalam dan luar negara.
- iv. Program-program pertemuan dengan pelabur sedia ada bagi membantu menyelesaikan isu berbangkit.
- v. Program pertemuan dengan pihak kedutaan dan dewan-dewan perniagaan asing.
- vi. Penyertaan dalam pameran-pameran yang berkaitan dalam dan luar negara.
- vii. Memantau kemajuan serta membantu mempercepatkan proses kelulusan cadangan-cadangan projek pelaburan melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek.
- viii. Mengadakan mesyuarat IPMC atau *Industrial Park Management Committee* secara berkala bagi membantu menyelesaikan isu-isu infra di kawasan-kawasan perindustrian melalui Mesyuarat IPMC yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan.
- ix. Meningkatkan program *Engagement* bersama *Stakeholder*.
- x. *Inisiatif E-Commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- xi. *Invest Selangor Talent Initiative* - menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran yang diperlukan.
- xii. *Invest Selangor Advisory Network* - menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih EXCO, terima kasih apa ni Speaker. Saya ingin bertanya, saya minat dengan jawapan pihak EXCO bila berkata

tentang perkara yang ke xi, iaitu bagaimana untuk meningkatkan program antara perkara yang dibuat adalah meningkatkan program *engagement* bersama *stake holder*. Jadi boleh tak Yang Berhormat EXCO menyatakan siapakah sebenarnya sasaran *stake holder* dan apakah bentuk *engagement* yang dibuat bagi memastikan bahawa ekonomi di Selangor terus berlangsung dengan baik. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Antara *stake holdernya* adalah pelabur itu sendiri di mana kita mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa termasuk perbincangan dengan Dewan Perniagaan asing yang ada. Maka dengan itu kita dapat memahami keperluan semasa yang diperlukan oleh mereka supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada *stake holder* ini.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Ia, Teluk Datuk.

Y.B. TUAN LOH CHEE HENG: Peraturan Tetap Dewan 24 (2). Saya ingin mengambil soalan Y.B. Morib 108 sebagai soalan saya.

TUAN SPEAKER: Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELUK DATUK)**

TAJUK: PROGRAM HIJRAH

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Bumiputera Sabah dan Sarawak juga turut menerima Skim Pinjaman Hijrah?
- b) Kenapakah Bumiputera Sabah dan Sarawak juga turut menerima Skim Pinjaman Hijrah Negeri Selangor?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teluk Datuk. Tuan Speaker, daripada 11,378 orang peserta Hijrah terdapat 40 orang penyertaan daripada Bumiputera Sabah dan Sarawak. Peserta-peserta ini adalah warganegara Malaysia yang bermastautin melebihi 10 tahun di Negeri Selangor dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Hijrah Selangor.

b) Syarat dan kriteria untuk melayakkan seseorang itu memperoleh manfaat daripada Program Hijrah adalah terbuka kepada semua bangsa dan jantina. Syarat kelayakan menyertai Hijrah adalah:

- Warganegara Malaysia berumur 18 tahun hingga 60 tahun
- Memiliki premis perniagaan yang khusus
- Mempunyai lesen / permit perniagaan yang sah
- Tidak mempunyai rekod pinjaman yang tidak baik dari mana-mana institusi kewangan atau agensi kerajaan
- Satu pinjaman di bawah Skim Hijrah sahaja dalam satu-satu masa
- Satu pinjaman di bawah Skim Hijrah Selangor sahaja dalam satu-satu isi rumah
- Dan satu pinjaman di bawah Skim Hijrah Selangor sahaja dalam satu-satu perniagaan perkongsian

Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan syarat-syarat yang dikenakan dengan Program Hijrah ini. Bagaimana dengan pada pemohon mempunyai rekod penjamin yang di senarai hitam. Dia tidak pinjam tapi dia sebagai penjamin. Adakah beliau juga layak untuk menerima pinjaman Hijrah ini? Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan. Soalan ini saya perlu rujuk balik kepada Hijrah Selangor kerana untuk ketika ini kita tidak ada peserta yang mempunyai rekod seperti itu. Jadi saya akan maklumkan semula kepada Sekinchan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengkaji sekurang-kurangnya untuk tinggal di Selangor lebih 5 tahun? Keduanya, menjadi pengundi di Negeri Selangor?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Kota Anggerik. Sebenarnya kita, para peserta Hijrah yang luar dari Negeri Selangor, kita tetapkan agar mereka bermastautin melebihi 10 tahun tinggal di Negeri Selangor. Dan sudah sepatutnyalah mereka itu seharusnya menjadi pengundi di Negeri Selangor. Cumanya kita belum lagi memperketatkan syarat tersebut. Sekiranya pihak Dewan

yang mulia ini ingin menambahkan lagi syarat tersebut, kita boleh pertimbangkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Mengenai syarat untuk Program Hijrah ini, saya telah ditemui oleh pelbagai orang yang memerlukan bantuan Skim Hijrah ini tetapi mereka tidak mempunyai premis. Jadi soalan saya, bolehkah kerajaan mengambil kira mereka yang tidak berkemampuan. Kalau dah mereka dah ada premis maknanya dah besar dah. Sedangkan ini hanyalah mikro kredit. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Selat Klang. Tuan Speaker, sebenarnya para peserta Hijrah ini tidak semestinya mempunyai premis tetapi mereka seharusnya mempunyai lesen ataupun permit perniagaan yang sah. Mereka boleh berniaga dari rumah dan maknanya tidak perlu ada satu-satu premis untuk kita pastikan ataupun syarat kan agar mereka ini layak untuk mendapat pinjaman Hijrah. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Puan Speaker, saya kurang apa nak dapat pencerahan sedikit. Saya rasa dalam *Blueprint*, antara syaratnya adalah premis, premis sedia ada. Boleh tak saya mohon kepada Kerajaan Negeri untuk selaraskan supaya dia apa mengambil kira apa ni masalah orang memerlukan bantuan kerajaan?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ok, terima kasih Selat Kelang. Antara HIJRAH dan *Blueprint* adalah satu adalah agak berbeza. Tadi soalan Selat Kelang macam mana....saya sedang.....premis....untuk HIJRAH kita sememangnya tidak semestinya mempunyai premis, seperti yang saya sebut tadi. Tetapi mesti mempunyai alamat yang boleh dihubungi oleh Pegawai Hijrah. Jadi, boleh jadi rumah kepada peserta HIJRAH itu sendiri, masih lagi boleh. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Tuan Speaker, soalan 109

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK: PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penstrukturan industri air Selangor?
- b) Nyatakan secara terperinci kos pembelian semua syarikat konsesi yang terlibat?

Y.A.B. DATO ' MENTERI BESAR : YB., Tuan Speaker, YB. Batang Kali ingin mendapat penjelasan berhubung kedudukan terkini penstrukturan semula industri air di Negeri Selangor dan juga kos pembelian syarikat-syarikat konsesi yang terlibat. Untuk makluman YB. Batang Kali 10 Julai 2015 yang lalu merupakan tarikh bersejarah untuk rakyat dan Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya meterai perjanjian tambahan ke atas perjanjian utama. Pada tarikh ini kerajaan Negeri telah berjaya merungkai kemelut panjang industri perkhidmatan air dan akhirnya, Alhamdulillah rakyat negeri berjaya memiliki semula perkhidmatan air untuk diurus secara holistik ke arah perkhidmatan yang mementingkan kelulusan, kebertanggungjawaban, efisien, kos efektif serta dikawal penuh oleh Kerajaan Negeri. Lanjutan daripada itu pada 15 Oktober 2015 pengurusan Air Selangor Sdn Bhd atau Air Selangor dengan rasminya telah mengambil alih urusan operasi di SYABAS dan Puncak Niaga Malaysia Sdn Bhd. Seperti yang telah saya janjikan dalam Dewan ini pada minggu yang lalu, maka pada 9 November 2015 saya bersama ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah turun ke ibu pejabat SYABAS, iaitu setelah 26 hari Air Selangor mengambil alih syarikat yang berkenaan. Dalam pertemuan di ibu pejabat SYABAS, kerajaan Negeri telah pun diberikan taklimat oleh pengurusan yang baru dan ada beberapa perkara yang kita telah kenal pasti:

Pertama, kita dimaklumkan secara umumnya tenaga kerja SYABAS dan PUNCAK NIAGA mempunyai kemahiran yang tertentu dalam bidang-bidang yang telah mereka lakukan selama beberapa tahun. Maka Kerajaan Negeri telah pun memberi jaminan bahawa warga kerja SYABAS dan juga PUNCAK NIAGA akan terus kekal berkhidmat di bawah pengurusan yang baru tetapi ada kemungkinan beberapa fungsi kerja mereka itu perlu diperjelaskan supaya ia nya lebih efektif dan berkesan.

Yang keduanya untuk makluman Dewan dua orang pengurusan tertinggi SYABAS telah pun ditamatkan perkhidmatan mereka berdasarkan rundingan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Yang ketiga saya juga telah mengumumkan bahawa mulai tahun ini, 2015, kita, AIR Selangor akan mengeluarkan laporan tahunan bagi syarikat SYABAS dan PUNCAK NIAGA yang kedua-duanya tidak pernah mengeluarkan laporan tahunan untuk pengetahuan umum.

Yang keempat, ada beberapa strategi dan *business plan* yang telah dikenal pasti : Pertama untuk melihat semula aset-aset air yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini, dan keperluan untuk membaik pulih menaiktaraf aset-aset yang berkenaan supaya mereka dapat mengeluarkan satu kapasiti yang lebih besar dan lebih efektif. Kemudian kita juga meneliti sistem pengagihan yang lebih cekap supaya ia dapat diagihkan secara adil kepada semua daerah. Seterusnya isu NRW juga menjadi isu penting yang telah kita bincangkan dan langkah-langkah proaktif sudah dikenal pasti bagi menangani masalah NRW yang kian meningkat, sudah mencatatkan angka ke 34% dan pastinya ia akan memberikan kesan kepada Kerajaan Negeri dan juga pengguna. Dan saya juga sebelum ini telah mengumumkan bahawa dua loji rawatan baru akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM800 juta iaitu di Labohan Dagang dan juga di Semenyih 2 bagi menampung keperluan kemungkinan kekurangan air ekoran kelewatan pembinaan Langat 2 yang sepatutnya siap pada 2017 tetapi kita dimaklumkan mungkin berlaku kelewatan sehingga 2019. Dan yang akhirnya saya telah memberikan semangat dan motivasi kepada warga kerja SYABAS dan PUNCAK NIAGA bahawa mereka juga yang akan menentukan kejayaan hasrat Kerajaan Negeri untuk memastikan industri ini dapat dilaksanakan secara holistik dan lebih efektif.

YB., saya juga ingin memaklumkan bahawa pengambilalihan SPLASH masih belum dimuktamadkan kerana pemegang-pemegang saham utama SPLASH telah menolak tawaran awal yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri telah pun melantik penilai bebas untuk membantu Kerajaan Negeri melihat apakah nilai yang adil untuk diberikan pertimbangan dalam pengambilalihan SPLASH kelak. Di dalam perjanjian Air Selangor telah...dalam perjanjian utama yang telah ditandatangani telah diperuntukkan bahawa Air Selangor hendaklah memastikan bahawa ia akan berusaha untuk memperoleh ekuiti dalam dua syarikat, syarikat SPLASH dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh penyelesaian. Dan dalam perjanjian utama juga telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan juga hendaklah dengan sedaya upaya memudahkan Air Selangor memperolehi SPLASH dan memandangkan tempoh rundingan dengan SPLASH akan berakhir pada September 2016 maka perbincangan di antara Air Selangor dengan SPLASH masih lagi berjalan.

Akhirnya untuk makluman YB harga tawaran untuk pengambilalihan tiga buah syarikat pemegang konsesi air keseluruhan berjumlah RM1.68 bilion iaitu RM1.07 bilion untuk pengambilalihan Puncak Niaga dan RM0.52 bilion untuk SYABAS dan RM0.09 bilion untuk ABASS. Terima kasih.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batang Kali

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: YAB Bukit Antarabangsa, apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam menjamin tiada kenaikan tarif air dengan penstrukturan industri air dan bagaimana Kerajaan Negeri akan mendapat sumber pembiayaan tambahan kerana kita difahamkan hasil daripada tarif air kini hanya cukup untuk membayar perbelanjaan air terawat daripada PNSB, ABASS dan SPLASH. Sedangkan keperluan untuk membiayai operasi hari ini terutama dalam usaha untuk menurunkan NRW seperti YAB bagi tahu tadi lebih kurang 34% perlu diuruskan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB. Batang Kali. Untuk makluman YB, mana-mana aset air yang telah diserahkan kepada PAP dalam skim penstrukturan semula ini, aset-aset ini yang memerlukan penambahbaikan akan dibiayai oleh PAP. Tetapi aset-aset air yang masih kekal dalam pemilikan Kerajaan Negeri Selangor ianya akan dibiayai oleh AIR SELANGOR. Itu yang pertama.

Yang kedua dalam mana-mana program atau pun skim penstrukturan ini pastinya ia akan memberikan implikasi kos. Untuk memastikan pengurusan air lebih efektif dan memberikan satu perkhidmatan yang bertanggungjawab dan secara holistik. Namun pendirian kerajaan Negeri selama ini ialah untuk memastikan sebarang kenaikan kadar tarif air ini tidak akan membebankan pengguna dan rakyat Negeri Selangor. Dan itulah salah satu sebab mengapa Kerajaan Negeri mengambil keputusan hasil daripada Akta WSIA yang diluluskan di dalam parlimen supaya industri perkhidmatan air ini tidak diswastakan, malahan dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri dan aset ini akan diuruskan oleh PAP. Dengan cadangan ini kita percaya pengalaman yang ada di dalam Kerajaan Negeri dalam menguruskan ABBAS beberapa tahun secara cukup efektif kita percaya Kerajaan Negeri dapat menguruskan industri ini dengan lebih efektif dan sekiranya ada keperluan kenaikan kadar tarif maka ianya akan ditentukan setelah Kerajaan Negeri mengambil alih keseluruhan syarikat-syarikat berkenaan. Hari ini kita lebih kurang dalam sebulan kita masuk dalam SYABAS, sudah tentulah Air Selangor sedang meneliti keseluruhan kos efektif dan kesan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kedua-dua syarikat ini dapat diurus dengan lebih bertanggungjawab. Walau bagaimanapun sekali lagi saya beri jaminan sebarang kenaikan tarif itu tidak akan memberikan kesan dan beban kepada pengguna dan rakyat di Negeri Selangor.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Permatang...

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya nak tanya YAB Menteri Besar mengenai pengambilan SPLASH. Sekiranya harga nanti yang akan dimuktamadkan lebih daripada apa yang kita sasarkan sebanyak RM250 juta apakah Kerajaan Negeri akan membuatapa ni, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk

mengatasi jumlah sekiranya lebih sama ada menggunakan *reserve* ataupun membuat pinjaman di pasaran terbuka atau menambah lagi cagaran dan membuat pinjaman seterusnya kepada PAB. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih YB Permatang. Pertama kita harus tentukan dulu apakah harga yang adil yang boleh dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada pihak SPLASH dan ini perlu dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan inilah yang sedang kita lakukan. Yang kedua, untuk memastikan nilai itu satu nilai yang adil kepada syarikat yang berkenaan Kerajaan Negeri telah pun melantik penilai bebas untuk membantu kerajaan untuk memberikan maklumat tentang nilai yang terbaik dan bertanggungjawab. Ketiganya, sebarang kos ataupun jumlah yang perlu dibayar oleh SPLASH ini sekiranya melebihi RM250 juta ataupun kurang daripada itu ianya akan dirundingkan dengan Kerajaan Persekutuan dan Kementerian untuk melihat apakah kemampuan Kerajaan Persekutuan melalui PAB untuk menyerap aset air ini seperti yang telah kita lakukan dalam eksais PERTAMA dengan SYABAS dan juga PUNCAK NIAGA. Perbincangan awal telah pun dilakukan dengan Kerajaan Persekutuan sebelum ini namun jumlah yang terakhir ataupun yang akan dipersetujui itu perlu dirundingkan terlebih dahulu sebelum kita merujuk perkara ini kepada Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

YB. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ucapkan tahniah lah sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah YAB Dato' Menteri Besar kerana telah menyelesaikan sebahagian besar masalah penstrukturan air ini. Soalan tambahan saya ialah rakyat lebih minat tentang perkhidmatan. Keduanya tentang pemberian air percuma ini sama ada kerajaan akan kekalkan mekanisme yang sedia ada ataupun ada perubahan pada masa akan datang. Ini rakyat cukup minat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Y.B. Sekinchan saya telah umumkan dalam ucapan Belanjawan 2016 bahawa program air percuma 20 m³ ini akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2016. Dan sudah tentulah juga kosnya semakin meningkat kerana pengguna-pengguna sekarang ini sudah bertambah daripada *landed property* kepada penghuni-penghuni rumah bertingkat yang sepatutnya golongan yang pertama menjadi golongan sasaran mendapat khidmat program air percuma ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri juga mengambil tanggungjawab untuk mengingatkan rakyat Negeri Selangor khususnya pengguna supaya lebih berhemah dan berjimat dalam menggunakan air-air terawat ini kerana kalau kita lihat kadar penggunaan air terawat di Negeri Selangor ini antara yang tertinggi 235 liter seorang sehari. Dan sudah tentulah dengan program konservasi yang akan ditekankan oleh Kerajaan Negeri melalui program-program pendidikan dan kesedaran awam ia dapat membantu mengurangkan penggunaan air terawat kepada satu jumlah yang lebih munasabah. Kalau kita lihat di negara-negara maju termasuk di Singapura sendiri dan di United Kingdom, air terawat tidak boleh digunakan untuk

menyiram pokok atau pun membasuh kenderaan dan juga untuk kolam renang kerana ianya satu pembaziran dan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri dengan RM170 juta bagi tahun 2016. Maka perkara ini akan ditekankan air Selangor untuk menjalankan program-program pendidikan dan kesedaran awam tentang konservasi air dan kita mungkin akan memperkenalkan satu peruntukan yang mengenakan tindakan kepada mereka yang membazir air-air terawat di Negeri Selangor. Namun program air percuma akan diteruskan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 110.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK: PENGIKTIRFAN SIJIL UEC

110. Bertanya kepada Y.A. B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini pengiktirafan sijil UEC.
- b) Apakah persiapan yang telah dilakukan oleh pihak UNISEL dalam perkara ini.
- c) Adakah agensi kerajaan negeri akan mengambil graduan lepasan UEC setelah pengiktirafan mula dilaksanakan?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Kinrara.

(a) tentang perkembangan terkini tentang pengiktirafan sijil UEC ini bermula dengan satu mesyuarat di antara pihak STANDCO, pendidikan dan juga pihak UNISEL, KUIS dan INSPENS bersama dengan Dongzon pada 7 September 2015. Dalam proses persiapan menghadiri mesyuarat berkaitan, mendapati UNISEL telah mendapati tiada halangan dari MQA mahupun Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk mengambil pelajar daripada lepasan UEC. Cuma untuk merealisasikannya kemasukan ini UNISEL perlu memohon penambahan pada syarat kemasukan pada setiap program tersebut dan bagaimana kita sedia maklum selepas perkara ini dibawa ke MMKN Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah pun mengumumkan pengiktirafan ini dalam ucapan belanjawan terkini .

(b) UNISEL telah meneliti standard syarat kemasukan yang dikeluarkan oleh MQA dengan syarat kemasukan sedia ada dalam masa yang terdekat. Permohonan penambahan syarat kemasukan ini akan dihantar kepada pihak Kementerian dan

UNISEL hanya akan mengambil pelajar lepasan UEC setelah mendapat kelulusan pertambahan syarat kemasukan bagi setiap program dan (c) Tentang pengambilan graduan lepasan UEC bagi Kerajaan Negeri sebagaimana yang telah saya maklumkan sebelum ini Kerajaan Negeri tertakluk kepada peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun JPA dan kita akan melihat bagaimana perkara yang dibangkitkan itu dapat direalisasikan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pendirian Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sama ada mereka telah meluluskan bahawa dengan pengiktirafan Sijil UEC ini bagi UNISEL dan tambahan pula dengan usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk mengiktirafkan Sijil UEC dengan mendaftar membolehkan pelajar-pelajar UEC ini mendaftar atau pun memasukkan atau melanjutkan pelajaran di UNISEL. Soalan saya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah Akta Pengiktirafan Sijil UEC bagi daripada Kerajaan Negeri Selangor, terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Ya tidak ada masalah sebab sebagaimana yang telah saya sebut sebelum ini sejak 2004 lagi ada kenyataan, ada surat daripada Pengarah Pendidikan yang mana menyebut bahawa Sijil UEC boleh diiktiraf oleh IPTS, Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan UNISEL sebagai IPTS yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri tapi boleh mengiktiraf Sijil UEC dan tidak bertentangan dengan dasar Kementerian.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan Tambahan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih, saya tertarik kepada jawapan kepada soalan bahagian (c) walaupun untuk pekerja tetap memang ada syarat-syarat yang perlu dipatuhi tetapi untuk pekerja sambilan, pekerja kontrak adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menimbang untuk mengambil mereka yang ada kelulusan Sijil UEC.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing, pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan tersebut.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK: PRESTASI KONTRAKTOR KUTIPAN SAMPAH MPK DI DUN MERU.

111. Bertanya kepada Y.A. B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kaedah penilaian digunakan bagi prestasi kontraktor kutipan sampah dan pembersihan?
- b) Apakah setiap aduan melalui *e-mel*, *sms* dan '*whatsapp*' kepada pegawai pemantau kawasan diambil kira dalam penilaian prestasi?
- c) Berapakah peringkat tindakan diambil mengikut prestasi?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Meru. Kaedah penilaian yang digunakan bagi prestasi kontraktor kutipan sampah sisa pepejal dan pembersihan awam adalah dengan mengenakan Notis Tindakan Pembetulan iaitu NTC dan denda kepada kontraktor kutipan yang tidak mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan. Saya ada beberapa maklumat terperinci dan saya akan hantar lisan kepada, maklumat secara lisan kepada Yang Berhormat Meru. Tentang isu adakah aduan melalui *sms* atau *e-mel* diambil kira MPK mengambil kira tentang aduan yang dibuat melalui sistem, melalui '*whatsapp*', *sms*, *e-mel* dan sebagainya dan ia akan direkodkan dalam sistem MPK dan setiap aduan yang disalurkan melalui *e-mel* dan sebagainya akan disiasat terlebih dahulu dan jikalau iaitu adalah benar, NTC juga akan dikeluarkan kepada kontraktor. Di antara peringkat tindakan yang diambil ia mengikut prestasi adalah seperti berikut:- (1) Terima aduan lepas itu kita akan keluarkan NTC dan denda dan lepas itu kalau ada isu tentang kita akan tamatkan kontraktor, kita akan menggunakan '*Back-up*' kontraktor seterusnya potongan bayaran prestasi mengikut Sistem '*Demerit*', sekian.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYA KUMAR A/L ARULANANDAM: Saya baru-baru ini dapat *sms* dari penduduk di dalam Meru juga saya nak tanya EXCO tentang Taman Sri Wangi ini ada masalah dengan sampah dan kutipan sampah dan juga banjir.

Tolong kontraktornya katakan kontraktornya tidak buat kerja adakah NTC sudah hantar kepada kontraktor ini.

TUAN SPEAKER: Tidak payah jawab. Ini soalan terlalu spesifik tidak adil untuk pihak kerajaan. Soalan 112 telah dijawab bersekali dengan soalan 8. Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker soalan 113.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK: PEMERDAGANGAN MANUSIA.

113. Bertanya kepada Y.A. B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini program anti pemerdagangan manusia di Selangor?
- b) Apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai?
- c) Apakah tiga masalah paling kritikal untuk mengekang aktiviti ini di Selangor?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Hulu Kelang, Tuan Speaker Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap dalam usaha-usaha membanteras agenda pemerdagangan melalui kerjasama Majlis Inti Pemerdagangan Manusia Negeri Selangor atau MAKMAS. MAKMAS merupakan satu organisasi khas untuk menangani jenayah pemerdagangan manusia di peringkat Negeri Selangor dengan pelan tindakan yang telah digariskan oleh Jawatankuasa Bertindak MAKMAS. Langkah Negeri Selangor ini adalah selari dengan kehendak negara yang telah mewujudkan Akta Inti Permerdagangan Orang bagi mengatasi masalah ini. Pelan tindakan Kebangsaan Inti Permerdagangan Orang di peringkat kebangsaan ditubuhkan bagi memantau kegiatan jenayah pemerdagangan orang di Malaysia. Program Inti Permerdagangan Orang yang dikendalikan oleh MAKMAS masih terus berjalan sehingga kini walau pun aktivis ataupun pengerusi MAKMAS iaitu Mendiang Irene Fernandez telah pun tidak lagi bersama dengan MAKMAS. Semasa hayat beliau aktiviti MAKMAS banyak disalurkan kepada TENAGANITA iaitu sebuah NGO yang sering mengendalikan isu-isu hak kemanusiaan seluruh Malaysia. (b) Kerajaan Negeri sangat menghargai usaha-usaha yang telah dijalankan oleh MAKMAS antara kejayaan di bawah program ini yang pertama adalah hasil laporan daripada MAKMAS yang dihantar ke badan dunia yang memantau hal ehwal pemerdagangan manusia di Amerika Syarikat telah berjaya menaik taraf rangking Malaysia daripada tia 3 kepada tia 2. Sebelum ini Malaysia berada di rangking tia 3 selama dua tahun berturut-turut. Majlis Inti Pemerdagangan Orang atau MAKMAS

peringkat nasional gagal menghantar laporan atau membuat aktiviti-aktiviti pencegahan seperti yang dilakukan oleh MAKMAS semasa hayat mendiang Puan Iris Finandis. MAKMAS telah menyelamatkan Malaysia daripada terus di rangking tia 3. Kedua banyak kes pemerdagangan manusia telah dibicarakan di Mahkamah atas inisiatif MAKMAS dengan kerjasama Angkatan Pemuda Insaf dan juga TENAGANITA. (c) Kerajaan Negeri memandang serius isu yang mengekang aktiviti inti pemerdagangan manusia tiga masalah paling kritikal untuk mengekang aktiviti ini di Selangor. Yang pertama kurangnya pengetahuan isu pemerdagangan manusia di kalangan pimpinan masyarakat kerana mereka ini sering bertukar ganti setiap setelah tiada promosi yang mantap daripada MAKMAS maka ramai pemimpin baru tidak sedar akan kewujudan MAKMAS. Contohnya Ahli-ahli Majlis di peringkat PBT, Ketua Kampung, Ketua Komuniti. Keduanya penguatkuasaan yang lemah di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan kerana badan yang menjadi *fisal group* tidak mendapat berfungsi. Dan yang ketiga pintu masuk dan keluar di sempadan negara masih longgar dan senang dibolosi oleh pihak-pihak yang membawa para pendatang izin yang mungkin dijanjikan syurga dunia di Malaysia ini terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat EXCO bilakah kerajaan akan mencari ganti bagi peneraju MAKMAS dan adakah hanya dengan TENAGANITA sahaja ataupun NGO lain boleh lakukan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Hulu Kelang, pihak Kerajaan Negeri sedang menstrukturkan semula MAKMAS ini dan mungkin dalam masa terdekat kita akan melantik pengerusi MAKMAS yang baru, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nampak dalam media sering kali serbuan dibuat penguat kuasa yang mana gadis-gadis di luar negara yang bekerja di rumah-rumah hiburan ini tetapi jawapan daripada EXCO ialah penguatkuasaan yang lemah. Jadi bagaimana pihak PBT boleh memberi kesan untuk membantu mereka ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Kota Anggerik. Pihak PBT dan juga agensi-agensi yang berkaitan seperti Imigresen akan bersama-sama dengan agensi yang lain untuk melakukan penguatkuasaan terhadap perkara-perkara yang seperti ini dan sebab itulah MAKMAS perlu dipertingkatkan dari segi invokasinya kepada pihak PBT ini terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Jawapan yang diberi oleh Y.B. EXCO tadi saya nampak lebih pada peringkat persekutuan. Jadi saya ingin nak tanya Y.B. EXCO apakah tindakan nak usaha nak dilakukan oleh Kerajaan Negeri dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada tahun depan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Kinrara, sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi apa yang telah dilaksanakan oleh MAKMAS iaitu Majlis Inti Permerdagangan Manusia Selangor dan sebenarnya banyak yang telah dilaksanakan oleh MAKMAS ini. Dan bukan jawapan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak pusat persekutuan. Soalan kedua.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Program atau tindakan sebagai usaha yang akan dilakukan lagi untuk meningkatkan kesedaran orang ramai.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih, sebab itulah di masa yang akan datang kita akan melaksanakan program-program invokasi bersama dengan pihak MAKMAS dan juga TENAGANITA untuk kita memberikan penerangan yang seluas-luasnya kepada PBT, kepada Ahli-ahli Majlis dan juga kepada mungkin pihak yang terlibat dengan Inti Permerdagangan Manusia ini contohnya kilang dan juga tempat-tempat yang berkenaan dengan program ini terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga dahulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak EXCO apakah pihak EXCO sedar bahawa MAKMAS ini belum diiktiraf oleh pihak MAKPO persekutuan bahawa kewujudannya itu sepatutnya boleh memberi impak yang baik kepada kerajaan sebenar khususnya negara. Jadi apakah usaha-usaha pihak EXCO untuk memastikan MAKMAS ini boleh diterima dan kita mendesak Kerajaan Persekutuan untuk menerima kewujudannya agar ianya dapat menjadi satu medium dan satu agensi yang dapat melaksanakan atau membanteras permerdagangan manusia di Negeri Selangor ini, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Batu Tiga, saranan Batu Tiga kita akan ambil maklum untuk program MAKMAS pada tahun yang akan datang, terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan saya adalah apakah Kerajaan Selangor sedar bahawa MAKMAS belum diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan kewujudannya jadi apakah usaha untuk memastikan kewujudannya ini dapat diterima sebab pada saya MAKPU ataupun Majlis Permerdagangan orang di peringkat persekutuan ini telah pun diiktiraf seperti di Melaka dan sebagainya tetapi Selangor sebenarnya mewujudkan MAKMAS ini lebih awal tetapi pihak Persekutuan tidak mahu mengiktiraf. Jadi apakah usaha Kerajaan Selangor untuk pastikan dan mendesak Kerajaan Persekutuan supaya ini dapat diterima di peringkat persekutuan, terima kasih.

Y.B. PUAN Dr. DAROYAH BINTI ALWI : Ok. Terima kasih Batu Tiga. Itulah yang saya sebut pada 2016 akan datang kita akan mempertingkatkan usaha-usaha MAKMAS ini dan juga salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa MAMPU juga berada di dalam MAKMAS. Jadi kita akan meminta kepada Jawatankuasa MAKMAS dalam MAMPU untuk membawa segala usaha-usaha yang dilaksanakan oleh MAKMAS daripada Kerajaan Negeri kepada MAMPU untuk diiktiraf untuk MAMPU di peringkat Persekutuan.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama:

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya amat tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. EXCO bahawa usaha MAKMAS yang menyebabkan ataupun meningkatkan. Apakah usaha-usaha, sebab-sebab yang usaha MAKMAS yang menyebabkan peningkatan tersebut ada yang kita tengok ini ada adalah TTPA MAKMAS. So, apakah usaha yang telah dilakukan oleh MAKMAS yang begitu besar dan dapat meningkatkan.....

Y.B. PUAN Dr. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Damansara Utama. Antara program ataupun antara perkara yang telah berjaya dilakukan oleh MAKMAS yang Pertama kes anak kapal sebuah syarikat kapal milik syarikat Malaysia tidak membayar gaji kru kapal serta tidak memberi makan minum selama 7 hari dan kru kapal ini tidak sihat dan dibiarkan di lautan. Ini antara contoh yang dilakukan oleh MAKMAS maka kes ini telah dibantu oleh MAKMAS agar mereka ini dapat dibantu dengan dan diselamatkan. Yang keduanya kes *keddy* Golf yang berjaya diselesaikan dengan perintah Mahkamah dan mangsa dihantar pulang ke negara asal. Dan inilah antara contoh-contoh yang telah pun dilaksanakan oleh MAKMAS.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama:

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Saya amat tertarik sebab adakah statistik ini ataupun angka-angka ini menyokong bahawa meningkatkan adalah usaha daripada MAPMAS, sedangkan ini adalah contoh-contoh statistik sahaja. Sebab dua (2) kes tidak meningkatkan Dan Apakah sebab-sebab ia meningkat kita pun saya pun hairan juga.

Y.B. PUAN Dr. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Damansara Utama. Mungkin saya perlu berikan penjelasan bertulis kepada Damansara Utama tentang persoalan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI : Tuan Speaker soalan 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PERBELANJAAN PENDIDIKAN

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis dan kos perbelanjaan pendidikan oleh Kerajaan Negeri sehingga September 2015 mengikut daerah?
- b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menambah jumlah peruntukan pendidikan pada bajet 2016?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Panjang. Jenis dan kos perbelanjaan pendidikan oleh Kerajaan Negeri sehingga September 2015 mengikut Daerah:

Perbelanjaan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan terdiri daripada perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Bagi perbelanjaan mengurus jumlah peruntukan bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM100,000.00. Peruntukan ini digunakan untuk pelaksanaan mesyuarat, bengkel-bengkel, penganjuran majlis dan sebagainya. Dan ia adalah secara umum dan tidak melibatkan daerah. Setakat ini, ataupun setakat September 2015 sebanyak RM83,271.00 ataupun 84% telah dibelanjakan.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, program-program yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan adalah Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor, Program Tuisyen Rakyat dan Program Skim Tunas Negeri Selangor. Bagi program Bantuan Sekolah, setakat ini Daerah Gombak RM1,045,000.00, Daerah Hulu Langat RM1,354,000.00, Daerah Hulu Selangor RM565,000.00, Daerah Klang RM3,525,000.00, Daerah Kuala Selangor RM983,000.00, Daerah Kuala Langat RM635,000.00, Petaling RM2,738,000.00, Sabak Bernam RM384,000.00 dan Sepang RM1,087,000.00. Jumlah keseluruhan bagi program ini ialah sebanyak RM12,306,000.00 setakat ini.

Bagi Program Skim Tunas, Gombak RM224,510.00, Hulu Langat RM438,500.00, Hulu Selangor RM244,600.00, Klang RM1,348,925.00, Kuala Langat RM592,325.00, Kuala Selangor RM405,800.00, Petaling RM803,150.00, Sabak Bernam RM434,500.00 dan Sepang RM294,950.00. Jumlah sebanyak RM4,787,260.00.

Bagi Program Tuisyen Rakyat Selangor, Sabak Bernam RM148,400.00, Kuala Selangor RM163,700.00, Klang RM234,750.00, Hulu Selangor RM108,800.00, Gombak RM256,350.00, Hulu Langat RM316,700.00, Petaling RM263,250.00, Kuala Langat RM103,250.00 dan Sepang RM90,300.00. Jumlahnya sebanyak RM1,715,500.00.

Untuk tahun hadapan, Jawatankuasa Tetap Pendidikan mengambil konsep untuk menggunakan peruntukan yang sedia ada dengan lebih optimum dan memastikan pelaksanaan program menepati prinsip *value for money*. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan meneliti kesesuaian dan keperluan jumlah peruntukan pendidikan tahun 2016 bagi memastikan sektor ini memenuhi agenda dan keperluan rakyat. Terima kasih.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Mengapa ada perbezaan yang ketara di antara setiap-setiap daerah ini? Apa *contrubution factor* yang, yang, yang menyumbangkan ke arah ini?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Dia ada beberapa faktor kerana kalau misalnya kita tengok satu ialah jumlah penduduk. Kalau misalnya Daerah Klang dan Daerah Petaling mempunyai penduduk yang paling tinggi bagi Negeri Selangor. Jadi sudah tentu mereka menerima peruntukan yang lebih berbanding dengan daerah-daerah yang kecil penduduknya. Walau bagaimanapun ada juga kita mengambil kira keperluan. Jadi kita mengimbangi faktor keperluan, faktor jumlah penduduk dan sebagainya. Jadi itu bagaimana kita mendapat jumlah-jumlah yang disebut sebentar tadi.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Seri Serdang ingin bertanya kepada pihak EXCO berkenaan dengan Tuisyen Rakyat. Adakah pihak EXCO merancang *allowence* kepada koordinator pembangunan modal insan ini bulan November dan Disember setiap tahun mereka ini tidak dibayar *allowance*. Sedangkan bulan

November dan Disember adalah masa untuk mereka mencari pelajar dan persediaan untuk menghadapi tahun seterusnya untuk Tuisyen Rakyat di peringkat DUN.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Terima kasih kepada Seri Serdang yang bertanya soalan tersebut. Setakat ini dasar yang kita ada, ialah kita tidak membayar elaun ketika waktu cuti. Di mana kelas tidak dijalankan. Walau bagaimanapun saya telah bertemu dengan wakil-wakil KPMI ataupun Koordinator Pembangunan Modal Insan dan kita tengah mengkaji cadangan daripada mereka agar pembayaran dibuat sepanjang 12 bulan untuk setiap tahun.

TUAN SEPAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Tuan Speaker, soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: SYARIKAT KONSESI DALAM KERJA PENYELENGGARAAN JALAN DI SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah syarikat konsesi dilantik untuk kerja penyelenggaraan jalan di Selangor?. Sila namakan dengan nilai kontrak.
- b) Adakah tender terbuka dibuat?
- c) Jika tidak, mengapa?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Tuan Speaker dan terima kasih pada Damansara Utama yang bertanya berkenaan kontrak jangka panjang senggara jalan atau konsesi dalam kerja penyelenggaraan jalan di Selangor. Kontrak tersebut masih lagi dijalankan oleh Syarikat KPS-HCM Sdn. Bhd sehingga berakhir tahun ini Disember 2015. Dan pihak Kerajaan Negeri telah pun membuka tender secara terpilih yang tarikh tutupnya 23 November 2015. Dan kerja-kerja kontrak jangka panjang ini dalam tempoh untuk lima (5) tahun. Dan antara syarat-syarat tender yang dipilih yang berkelayakan, pengalaman luas dan kapasiti luas kerja-kerja penyelenggaraan serta mempunyai modal minimum RM5 juta dan mempunyai lesen CIDB Kelas A dan juga ataupun G7. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Bilakah kontrak penyelenggaraan jalan ini akan bermula dari *open* tender ini?.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Kerja-kerja penyelenggaraan kontrak baru ini akan bermula awal tahun 2016.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Boleh saya tahu ada tak penambahbaikan dijalankan terhadap skop kerja yang ditenderkan sebab melalui perhatian saya khasnya jalan-jalan JKR Negeri yang dijalankan oleh syarikat yang dilantik ini sebelum ini sekarang nampaknya tidak kerap dan bila kita beri aduan itu juga tindakan yang lambat diambil. Jadi hendak tahu penambahbaikan dijalankan di atas tender yang terbaru yang dikeluarkan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih kepada Rawang yang bertanya jawapannya ia. Dalam jumlah yang saya kira agak besar juga dari sudut kontraknya dengan penambahbaikan yang telah dimasukkan dalam kerja-kerja penyelenggaraan jalan ini di antara nya berkaitan dengan kurangnya skop kerja penyelenggaraan maka ditambah lagi. Begitu juga dengan kuantiti kerja rutin sebelum ini terhad dilebarkan kemudian di sudut kitaran *cycle it can see* itu di mempertingkatkan begitu juga dengan kalau sebelum ini tidak ada denda khusus untuk ingkar kerja INCP dan sebagai pun diadakan. Itu cara umum yang saya boleh katakan.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker. Seri Serdang ingin bertanya adakah pihak JKR memantau kerja-kerja kontraktor yang dijalankan dan juga jalan JKR dengan jalan PBT yang berbeza tetapi di sekiranya aduan dibuat JKR selalu menyalahkan dia kata di jalan PBT ini bukan jalan JKR tapi sebab itu adakah pihak JKR memantau di mana jalan JKR harus diturap semula kebanyakannya tidak menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh *Engineers* JKR lah yang saya rasa sebegitu. Seminggu turap berlubang balik. *Wallahualam*.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB : Terima kasih atas keprihatinan Seri Serdang. Sudah pasti jalan ini di bawah bidang kuasa JKR dalam 1453 km itu dalam pemantauan apatah lagi setelah kerja-kerja kontrak ini diberikan dan dari sudut aduan-aduan itu di pihak JKR sendiri akan ambil dan sekiranya jalan tersebut di luar

bidang kuasa Kerajaan Negeri Selangor ia akan di *explain* dipanjangkan kepada pihak yang berwajib.

TUAN SPEAKER : Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ : Tuan Speaker soalan No. 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(N20 LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TEKNOLOGI

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kesan dasar teknologi hijau yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri terhadap industri berat di Selangor.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Lembah Jaya, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada lapan (8) tindakan utama melalui pelan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 sehingga 2018. Melalui pelan tindakan ini Taman-Taman Industri Negeri Selangor akan terlibat di dalam Program Penghijauan Taman Industri. Program Penghijauan Taman Industri akan melibatkan 4 komponen utama iaitu:

1. Kecekapan tenaga.
2. Pengurusan sumber air terpakai
3. Simboiosis sisa industri, dan
4. Sistem penuaian air hujan

Program ini akan melibatkan Pihak Kuasa Tempatan dan Industri Part Industri komuniti ataupun IPNC. IPNC akan dilantik sebagai penyelaras dan bertanggungjawab melaporkan kemajuan program kepada Kerajaan Negeri Selangor. Ini program ini akan memberi kesan sebagai contohnya sebagai menggunakan semula bahan-bahan yang tidak terpakai. Bertujuan untuk mengalihkan beban sisa daripada tapak pelupusan sampah dan menjadikan sisa tersebut sebagai hasil keutamaan syarikat melalui pengurangan kos pelupusan dan program ini akan membantu pihak Kerajaan negeri dalam memastikan kecekapan penggunaan tenaga bagi kawasan industri dan membolehkan kadar pelepasan karbon bagi kawasan Industri tersebut dikurangkan.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin menanyakan kepada Yang Berhormat EXCO untuk menjalankan program ini adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan dana kepada IPNC untuk menjalankan program ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Balakong. Tidak. Kerajaan Negeri tidak memberi dana ataupun peruntukan kepada sektor swasta jadi ini merupakan dasar sebelum mereka membangunkan satu IPNC mereka perlu memenuhi beberapa syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT.

TUAN SPEAKER: Ya Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Yang terhormat saya rasa IPNC itu adalah satu Jawatankuasa yang ditubuhkan untuk membantu Kerajaan Negeri jadi saya rasa adalah mungkin tidak adillah Kerajaan hendak memohon pemilik kilang untuk menjalankan program tetapi tidak membantu dalam segi kewangan. Boleh Kerajaan Negeri mempertimbangkan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tidak

Y.B. PUAN Dr. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Saya merujuk kepada Peraturan 24 (2) saya nak mengambilkan soalan no....

TUAN SPEAKER : Saya belum lagi memanggil soalan. Kajang? Tidak hadir. Ya Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ok. Saya merujuk Peraturan Tetap 24 (2) saya mengambilkan soalan 117 sebagai soalan saya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)**

TAJUK : SEKOLAH KAFA

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Sila nyatakan jumlah sekolah KAFA dan Sekolah Integrasi KAFA kerajaan dan swasta mengikut daerah sehingga Jun 2015.

- (b) Apakah status pelaksanaan kenaikan gaji guru KAFA sehingga RM1,500?
- (c) Apakah usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti pendidikan sekolah-sekolah KAFA tersebut?

TUAN SPEAKER : Saya benarkan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Jumlah sekolah KAFA dan Sekolah Integrasi KAFA kerajaan dan swasta mengikut daerah sehingga Jun 2015

Daerah	KAFA	Sekolah Rendah Islam Integrasi (SRI) Swasta
Klang	27	5
Kuala Langat	9	3
Kuala Selangor	20	9
Hulu Langat	62	54
Hulu Selangor	7	8
Sabak Bernam	10	0
Gombak	61	17
Petaling	85	53
Sepang	12	9
Jumlah	293	158

Kenaikan elaun guru KAFA dari RM1,300.00 kepada RM1,500.00 akan bermula pada Januari 2016 seperti mana yang telah saya jawab sebelum ini berdasarkan tempoh tahun perkhidmatan guru-guru.

Kerajaan sedang dan telah menyediakan program dan meningkatkan kualiti pendidikan sekolah KAFA Integrasi seperti berikut :-

- (i) Dalam bentuk Latihan dalam perkhidmatan
- 1.1 Peringkat sekolah (dalaman)
 - 1.2 Peringkat sekolah yang diurus oleh Pusat Kegiatan Guru
 - 1.3 Peringkat negeri yang dilaksanakan oleh Institut Latihan Dakwah Sabak Bernam
- (ii) Peluang Belajar
- Kerajaan sedang dan telah bekerjasama dengan UNISEL, KUIS, UPSI dan KOBEDA menyediakan peluang menyambung pelajaran ke peringkat diploma dan ijazah kepada guru-guru KAFA.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Selat Kelang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memfokuskan, mentaqdibkan pelajar-pelajar di bawah tajaan Kerajaan Negeri di bawah KAFA dan SRI?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIIN HAIRI : Matlamat utama kepada pelajar-pelajar adalah didikan agama Islam itu sendiri, walaupun di KAFA ini mungkin menjalani dua *syllabus*, satu *syllabus* daripada JAKIM, satu lagi daripada Kerajaan Negeri dan baru-baru ini dalam Mesyuarat Lembaga PELEPAI di peringkat kebangsaan kita telah pun memohon dalam mesyuarat tersebut hanya mengguna pakai pendidikan *syllabus* Negeri Selangor dan saya kira ini lebih memudahkan dari segi urusan pembelajaran dan pendidikan agama Islam kepada pelajar-pelajar tersebut sebagai tambah nilai kepada pendidikan yang telah mereka jalani di peringkat sekolah rendah di seluruh Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, untuk tahun-tahun yang akan datang ini apakah ada lagi permohonan baru tentang mewujudkan KAFA baru dan sekiranya ada apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa prasarana yang ada untuk KAFA ni tidak terlalu terkebelakang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Paya Jaras. Kerajaan sangat menggalakkan penubuhan KAFA kerana keperluannya pada masa ini adalah besar terutamanya di kawasan-kawasan yang mana Kerajaan Negeri masih mempunyai kekangan untuk menubuhkan sekolah-sekolah rendah agama dan ini kita beri peluang kepada masyarakat ataupun rakyat untuk menubuhkan sekolah-sekolah KAFA ini dan sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab sudah tentulah kita memberikan setakat ini bantuan daripada keperluan buku-buku teks kepada sekolah-sekolah ini melalui peruntukan ataupun dana daripada Lembaga Zakat walaupun secara khususnya Kerajaan Negeri tidak ada peruntukan khusus untuk pembangunan infrastruktur kepada sekolah-sekolah KAFA tetapi mereka boleh membuat permohonan kepada Lembaga Zakat Selangor untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan di dalam program-program pembangunan KAFA terutamanya berkaitan juga dengan infrastruktur. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Morib.

Y.B. TUAN HASNOL BIN BAHARUDDIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(N33 MORIB)**

TAJUK : PUSAT LUNCUR UDARA JUGRA MERUPAKAN PRODUK PELANCONGAN SUKAN GENERASI MUDA MASA KINI DAN BERSTATUS INTERNATIONAL YANG SEMAKIN POPULAR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah rancangan jangka panjang pihak YB EXCO dalam membangunkan kawasan ini sebagai sebuah pusat pelancongan sukan yang baru di Negeri Selangor?
- b) Adakah YB EXCO bercadang untuk membangunkan sukan ini kepada generasi muda Negeri Selangor untuk masa akan datang?

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Morib atas keprihatinan beliau dalam sukan *paragliding* ataupun dipanggil sebagai Luncur Layar. Ahli Yang Berhormat sekalian, merujuk kepada Rancangan Tempatan Kuala Langat Tahun 2020, aktiviti sukan luncur udara ini termasuk dalam Pembangunan Pelancongan Sukan Bertaraf Antarabangsa di Kuala Langat. Sehubungan itu, komponen kemudahan yang lengkap perlu disediakan bagi penggalakan penganjuran pertandingan yang bertaraf antarabangsa dan meningkatkan lagi penglibatan masyarakat tempatan. Pada masa yang sama Kerajaan melalui Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Yang Berhormat Bukit Lanjan sentiasa menyokong penganjuran Sukan Luncur Udara ini sebagai salah satu acara sukan pelancongan yang utama di Negeri Selangor melalui acara *Jugra International Accuracy Championship* yang diadakan setiap tahun dalam kalender pelancongan negeri.

Yang kedua atau (b), Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan terhadap sukan *paragliding* bertujuan untuk melahirkan masyarakat cergas dan sihat dan pada masa yang sama dapat mempromosikan pelancongan negeri dan setempat. Sukan ini juga dapat memberi peluang dan ruang kepada lebih ramai generasi muda untuk mempelbagaikan aktiviti lasak dan bergiat cergas di dalam bidang sukan. Melalui Majlis Sukan Negeri juga kita sedang berusaha untuk menjadikan Persatuan *Paragliding* Selangor menubuhkan Pasukan *Paragliding* Selangor dan menjadikan mereka ini sebahagian daripada *affiliate* ataupun badan gabungan membentuk Majlis Sukan Negeri Selangor sebab di beberapa petunjuk yang lepas sebagai contoh di Kejohanan Sukan Asia Tenggara pada sekitar beberapa tahun yang lepas juga memasukkan *paragliding* sebagai acara-acara yang dipertandingkan. Justeru, kemudahan-kemudahan serta persiapan *paragliding* ini juga harus diambil perhatian oleh Majlis Sukan Negeri dalam masa yang sama kita juga ingin memastikan

pembangunan atau *development* yang teratur dan tersusun dapat dibentuk. Selain di Jugra, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melihat perancangan untuk membangunkan kawasan tarikan baru bagi penggiat dan kemasukan *paragliding* di Bukit Batu Pahat yang bertempat di daerah Hulu Selangor di bawah kelolaan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor. Majlis Daerah Hulu Selangor telah mengambil langkah proaktif ke arah ini denganewartakan kawasan puncak Bukit Batu Pahat sebagai kawasan rekreasi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan saya no. 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : PERBELANJAAN AHLI MAJLIS

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Berapa jumlah perbelanjaan bayaran elaun-elaun dan pengurusan pejabat Ahli-ahli Majlis pada tahun 2013 – 2014 mengikut PBT?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan setiap PBT mengawal perbelanjaan Ahli Majlis yang dilantik?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, terima kasih kepada Permatang. Tentang isu jumlah perbelanjaan bayaran, elaun-elaun dan pengurusan pejabat Ahli Majlis pada tahun 2013 hingga 2014 mengikut PBT, saya akan bagi jumlah bagi dua tahun ini. *Detail* tu saya akan hantar kepada Yang Berhormat. Jumlah besar untuk tahun 2013 dan juga tahun 2014 adalah RM32,63713.19 sen. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Garis Panduan/Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor PBT/SPBT Bil. 6/2010 yang telah menggariskan penggunaan peruntukan Ahli Majlis di setiap PBT. Secara ringkasnya ia merangkumi skop bayaran, elaun-elaun dan juga cara permohonan, cara pengendalian peruntukan larangan dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat berminat tentang tatacara saya juga akan bagi satu salinan kepada Yang Berhormat.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk menilai prestasi Ahli-ahli Majlis yang dilantik dan juga saya nak tanya apakah benar pejabat-pejabat Ahli Majlis ini beroperasi dan menjalankan khidmat yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk dalam kawasan?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tentang soalan 1 ya, Kerajaan Negeri mempunyai cara yang satu set Garis Panduan bagaimana kita akan menilai prestasi Ahli Majlis seperti kehadiran di mesyuarat dan sebagainya. Ini tentang soalan nombor satu ya. Tentang soalan yang kedua, adakah pejabat Ahli Majlis Tempatan digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk ataupun masyarakat tempatan? Itu adalah salah satu tujuan bagi Ahli Majlis dan juga peruntukan yang disalurkan kepada mereka untuk mendirikan ataupun menyiapkan satu pejabat di kawasan zon mereka masing-masing supaya Ahli Majlis dapat memberi satu perkhidmatan dan juga menerima aduan daripada masyarakat supaya, ini merupakan salah satu skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh Ahli Majlis tersebut.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih. Saya dapati bahawa banyak Ahli-ahli Majlis tak berfungsi. Adakah rancangan Kerajaan untuk membuat satu mekanisme iaitu Ahli-ahli Majlis ini dipilih oleh rakyat *rather than* dilantik sebab banyak yang dilantik saya ingat *take things for granted* dan mereka tak bekerja. Peruntukan tu amat tinggi yang dibiayai oleh Kerajaan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, saya rasa pelantikan itu adalah mengikut mekanisme sekarang adalah dilantik oleh parti-parti komponen Kerajaan Negeri. Jikalau Yang Berhormat mendapati seseorang Ahli Majlis Tempatan yang tidak memainkan peranan yang betul ataupun memberi khidmat yang baik, saya rasa Yang Berhormat boleh memberikan nama kepada saya ataupun Kerajaan Negeri supaya kita dapat menyemak semula dan sebagainya.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 120.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PERKHIDMATAN AWAM KERAJAAN NEGERI SELANGOR

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- (a) Artikel 132 Perlembagaan Persekutuan membenarkan setiap Kerajaan Negeri melantik pegawai-pegawai untuk perkhidmatan awamnya tetapi Kerajaan Negeri Selangor telah sentiasa meminjam pegawai-pegawai daripada Kerajaan Persekutuan menurut Artikel 134 Perlembagaan Persekutuan. Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk tidak lagi meminjam pegawai daripada Persekutuan?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pandamaran. Buat masa ini Pentadbiran Kerajaan Negeri menempatkan pegawai secara peminjaman di beberapa jawatan strategik di jabatan ataupun agensi berdasarkan kepada status jawatan berkenaan yang diklasifikasikan sebagai 'Jawatan Terbuka' dan dilaksanakan selaras dengan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 'Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap'.

Untuk makluman Pandamaran, 'Jawatan Terbuka' ini didefinisikan sebagai jawatan yang hanya grednya telah ditentukan tanpa menetapkan skim perkhidmatan. Jawatan ini boleh diisi oleh pegawai yang sesuai dari mana-mana skim perkhidmatan.

Penempatan secara peminjaman pegawai ini di jawatan-jawatan terbuka masih diteruskan kaedah peminjaman ini merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah jabatan atau agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai-pegawai yang berpengalaman, berkemahiran dan berwibawa dan bersesuaian dengan agensi yang berkenaan. Dalam konteks persoalan yang dibangkitkan, pentadbiran Kerajaan Negeri mendapati bahawa penempatan secara peminjaman di jabatan-jabatan strategik ini tidak hanya melibatkan pegawai-pegawai persekutuan sahaja kerana pelaksanaan sekarang juga melibatkan beberapa orang pegawai lantikan Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan ataupun PBT. Penempatan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan keperluan dan kriteria-kriteria yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Pandamaran dahulu.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih. Saya ingin bertanya berkenaan dengan Pegawai yang tidak dilantik mengikut tidak di kategori sebagai 'Jawatan Terbuka' itu. Adakah Kerajaan Negeri bersedia menerima siapa yang memiliki UEC?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Sebagaimana yang telah saya jawab dalam pertanyaan-pertanyaan sebentar tadi, kita akan mengkaji perkara tersebut.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Adakah ini bermaksud dalam pertimbangan Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Kita akan melihat perkara tersebut ya.

TUAN SPEAKER : Baiklah, jam sudah menunjukkan 11.30 pagi, maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No. 37 Tahun 2015. Usul Peruntukan Pembangunan 2016.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa untuk menyambung ucapan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya menyambung ucapan Hari Jumaat yang lepas berhubung Usul Peruntukan Pembangunan 2016. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian P.12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Sejumlah RM373,000,000.00 telah di peruntukan kepada P.12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM20,549,590.00 di peruntukan kepada P.K. 1 – Pelbagai Rancangan, bertujuan untuk membaik pulih cerun, membina jambatan, memasang lampu-lampu jalan dan lampu isyarat, meningkatkan aspek keselamatan jalan raya, pengambilan balik tanah dan untuk kerja-kerja permulaan. Bagi P.K. 2 – Membina Jambatan & Jejantas, sebanyak RM123,300,030.00 diperuntukkan bagi pembinaan jambatan dan jejantas yang telah dikenal pasti mengikut daerah di Selangor termasuk projek Jambatan Ketiga Klang. Manakala bagi P.K. 3 – Membina Jalan, sebanyak RM27,600,030.00 diperuntukkan bagi pembinaan jalan-jalan baru di seluruh Selangor mengikut prioriti dan keperluan sebenar. Bagi P.K.4 Menaik taraf Jalan, sebanyak RM171,650,350.00 diperuntukkan untuk menaik taraf jalan-jalan di seluruh Selangor mengikut daerah. P.K.5 – Membina dan Menaik Taraf Projek Bangunan sebanyak RM29,900,000.00 diperuntukkan bagi membina dan menaik taraf pejabat dan kuarters Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor serta membaik pulih istana di negeri Selangor.

P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

Sejumlah RM80,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P.13 – Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM46,800,080.00 diperuntukkan kepada P.K.1 – Pembangunan Projek Tebatan Banjir P.K.2 – Menaik Taraf Saliran, sebanyak RM8,900,000.00 diperuntukkan untuk program menaik taraf sistem saliran seluruh Selangor P.K. 3 – Pembangunan

Lembangan Sungai, sebanyak RM4,000,030.00 diperuntukkan untuk pembinaan perangkap sampah/logboom serta program pengukuhan tebing. P.K. 4 – Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi, sebanyak RM2,299,890.00 diperuntukkan untuk pembangunan inventori sumber air dan pembangunan stesen berserta sistem ramalan dan amaran banjir negeri P.K. 5 – Pembangunan Saliran Mesra Alam, sebanyak RM4,400,000.00 (diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf kolam takungan P.K. 6 – Pembangunan Pantai, sebanyak RM3,900,000.00 diperuntukkan untuk rancangan memperkukuhkan benteng pantai dan kawalan hakisan. P.K. 7 – Pembangunan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal, sebanyak RM6,700,000.00 diperuntukkan untuk menaik taraf pemasangan hidro-mekanikal dan pembangunan ICT Jabatan. P.K. 8 – Pembangunan Infrastruktur Bangunan, sebanyak RM2,700,000.00 diperuntukkan untuk projek baru Pejabat JPS Sepang manakala bagi P.K. 9 – Pelbagai Projek, sebanyak RM300,000.0 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu) telah diperuntukkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,
P.14 – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

Sejumlah RM91,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P.14 – Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM42,499,760.00 diperuntukkan kepada P.K. 1 – Sekolah-sekolah Agama yang bertujuan untuk menaik taraf dan membina baru sekolah agama. Bagi P.K. 2 – Bangunan Pejabat-pejabat Agama Islam, sebanyak RM8,500,040.00 diperuntukkan untuk membina dan menaik taraf bangunan kompleks Agama Islam serta pejabat agama. Bagi P.K. 3 – Masjid, sebanyak RM35,000,200.00 diperuntukkan untuk membina serta membaik pulih masjid seluruh Selangor. Manakala bagi P.K. 4 – Surau, sebanyak RM3,000,000.00 diperuntukkan untuk kerja baik pulih surau dan bagi P.K. 5 – Pelbagai sebanyak RM2,000,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja awalan dan dokumentasi projek-projek yang telah dirancang.

P.16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Sebanyak RM3,000,000.00) telah diperuntukkan kepada P.16 – Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM807,500.00 diperuntukkan kepada P.K. 1 – Rancangan Pembangunan dan bagi P.K. 2 – Perancangan Dasar, sebanyak RM1,252,500.00 diperuntukkan bagi projek kawasan sensitif alam sekitar, pembangunan mampan negeri Selangor dan tapak warisan dunia. P.K. 3 – Projek Khas Perancangan, sebanyak RM700,000.00 diperuntukkan bagi menampung kos kajian-kajian serta pelan tindakan khas yang akan dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, manakala, P.K. 4 – Pusat Maklumat Geospatial Perancangan, sebanyak RM240,000.00 diperuntukkan untuk sistem pemantauan rancangan pembangunan.

P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor

Sejumlah RM8,000,000.00 telah diperuntukkan kepada Kepala P.17 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, RM806,000.00 diperuntukkan kepada P.K. 1 – Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan iaitu untuk program Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor (SPERS), skim penternakan *feedlot* program merakyatkan ekonomi penternak ternakan ruminan. Bagi P.K. 2 – Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas dan Bukan Ruminan, sebanyak RM1,000,000.00 diperuntukkan untuk program transformasi penternakan ungas dan bukan ruminan, projek pusat pembiakbakaan puyuh dan program merakyatkan ekonomi penternak ungas / bukan ruminan. Bagi P.K. 3 – Pembangunan Industri Asas sebanyak RM690,000.00 diperuntukkan untuk peningkatan dan pembangunan pengeluaran usahawan, pembangunan produk IAT dan pusat pemprosesan IAT daerah. Bagi P.K. 4 – Kesihatan Veterinar, sebanyak RM588,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu) diperuntukkan untuk program masyarakat prihatin haiwan, epidemiologi dan surveilan penyakit haiwan serta pemantapan ambulatori dan klinik veterinar. Manakala bagi P.K. 5 – Regulatori, sebanyak RM40,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Puluh Ribu) diperuntukkan untuk program pembangunan kebajikan haiwan dan penternakan mesra alam. P.K. 6 – Pembangunan Usahawan, sebanyak RM620,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan kompetensi usahawan, program pengembangan veterinar dan pemasaran strategik usahawan, program pengembangan veterinar dan pemasaran strategik. Di bawah P.K. 7 – Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar, sebanyak RM200,000.00 diperuntukkan untuk membaik pulih pejabat dan kuarters kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Bagi P.K. 8 – Pembinaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan sebanyak RM3,420,000.00 diperuntukkan untuk pembangunan prasarana TKPM, dan projek ladang ternakan Jabatan Sungai Nilai. Manakala bagi P.K. 9 – Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan, sebanyak RM636,000.00 diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, maka dengan itu saya mohon mencadangkan.

TUAN SPEAKER: Penyokong.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah satu Usul yang di bawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Usul Pembangunan 2016. Saya kemukakan Usul ini untuk dibahaskan, sila hadkan Perbahasan kepada Buku Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan sila berikan saya muka surat dan kod projek sebelum mulakan Perbahasan, silakan. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker saya ingin turut serta dalam Perbahasan Pembangunan berkenaan dengan P01 P.K. 10001 Promosi dan Acara Pelancongan

di mana sebanyak RM7.75 juta diperuntukkan untuk tahun hadapan untuk pembangunan industri pelancongan di negeri Selangor. Saya menyambut baik hasrat Kerajaan untuk mempromosikan Sektor Pelancongan kerana Sektor Pelancongan ini merupakan asas satu industri yang membawa banyak faedah kepada rakyat dan penambahbaikan. Negeri Selangor menyambut baik khusus dalam konteks pelancongan ini, saya meminta di mana DUN Sekinchan ini sekarang sudah membangun pesat, berkembang dengan pesat khususnya dalam industri pelancongan. Setiap hari khususnya pelepasan umum dan juga hari-hari cuti dan sebagainya. Ramai pelancong-pelancong dalam negeri dan luar negeri datang ke DUN Sekinchan memandangkan keadaan memerlukan meminta Kerajaan Negeri khususnya memantau dan mencadangkan, saya mencadangkan satu kawasan di Sekinchan di mana Pantai Sungai Labu ya Pantai Sungai Labu di situ Pantai Sungai Labu di situ perlu dibangunkan untuk satu kawasan *theme park* atau satu kawasan bersepadu di mana saya nampak ada potensi yang tinggi dan saya minta EXCO yang menjaga Pelancongan itu boleh masuk menjawab. Saya pun rasa terkilan juga tak bolehlah, saya berharap Bukit Lanjan dan seterusnya saya nak lontarkan cadangan potensi di Pantai Sungai Labu memandangkan kawasan di situ adalah kawasan tradisi Kampung Melayu dan Sekinchan sekarang kita bangun pesat tetapi kita nak menjaga seluruhnya kawasan bukan sahaja di Pekan Sekinchan, di Pantai Redang kita nak perbesarkan sampai ke Sungai Labu di mana situ kawasan Tradisi Kampung Melayu Parit 7 Baruh dan ini adalah satu daripada Agenda untuk Pembangunan Desa. Jadi kalau pantai tersebut dapat kita majukan sebagai satu *theme park* atau pun satu pembangunan yang bersepadu saya yakin dia dapat menambah nilai tambah dan para pelancongan di DUN Sekinchan dan juga mempergiatkan ekonomi khususnya IKS dan kraf tangan peniaga-peniaga kerepek, baulu dan sebagainya akan dapat dipasarkan melalui kawasan tersebut. Inilah antara saya nampak satu potensi cukup baik saya minta pihak Kerajaan ambil maklum dalam perkara ini dan dapat bantu Sekinchan untuk kita jadikan Sekinchan satu hari nanti sebagai bukan sahaja destinasi pelancongan *eco-tourism* yang panas di negeri Selangor dan juga yang panas yang mendapat sambutan dan juga mendapat sambutan di seluruh Malaysia dan sekarang kita telah kembangkan sampai ke luar negeri sekarang ada pelancong dari Taiwan, ada pelancong dari Hong Kong daripada Jepun datang ke Sekinchan dan saya di bawa ke NGO iaitu Persatuan Kemajuan Pelancongan saya telah membawa seramai 38 pengusaha yang terlibat dalam industri pelancongan ini bulan yang lepas ke Taiwan untuk meninjau dan mempromosikan DUN Sekinchan kepada sahabat-sahabat, teman-teman di Taiwan dan juga mempelajari apa yang ada di Taiwan untuk kita sama-sama mempelajari satu antara sama lain bagi memajukan industri pelancongan di Sekinchan dan khususnya di Sekinchan dan juga di negeri Selangor. Inilah antara sedikit cadangan daripada saya, saya harapkan ada EXCO dapat dengar dan ada responsnya kalau EXCO tak dengar tak ada respons, ha... EXCO dah masuk baru saya tarik masa sedikit kalau tidak takut jawapan saya tak dapat ini yang saya pentingkan. Kita minta Yang Berhormat EXCO tentang pembangunan cadangan saya pembangunan Pantai Sungai Labu bagi satu pembangunan bersepadu pada

masa-masa akan datang, satu kajian yang terperinci sudah dilakukan. Saya sudah utarakan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada Majlis dan Sabak Bernam telah diperbincangkan sekarang tengah *follow up* dan soal dan sebagainya. Saya harap pihak EXCO tentang ini dan seterusnya saya ingin pergi ke sedikit tentang Kerajaan prihatin P.K. 8 Kerajaan prihatin di mana saya nampak banyak bantuan-bantuan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Prihatin ini cukup baik untuk membantu rakyat yang miskin dan sebagainya golongan yang tersasar dan baru-baru ini dalam sempena persiapan untuk *Back to School*. *Back to School* Kerajaan Negeri juga mencadangkan untuk setiap DUN di peruntukkan 450 orang pelajar yang miskin untuk Kerajaan prihatin seorang RM50 untuk baucar. Ah ini satu langkah yang baik, cuma saya nampak itu boleh sistemnya dipermudahkan kerana kita terpaksa sewa bas, sewa bas dan sebagainya untuk bawa pelajar-pelajar dan kadar itu RM50. Saya harap kita boleh mempertimbangkan semasa-masa bagaimana kalau kita serah kupon kepada mereka atau sebagainya. Ini antara cadangan daripada saya untuk Kerajaan prihatin dan juga satu lagi perkara yang saya ingin tekankan ialah tentang jom *shopping*. Jom *shopping* pembangunan kita selama ini cukup baik, cuma kita harapkan oleh kerana GST yang dikenakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan tanpa pedulikan rakyat menyusahkan rakyat menambahkan kos saraan hidup rakyat menyebabkan agar rakyat semakin sengsara. Inilah kerja dulu dan kini oleh Kerajaan Barisan Nasional maka Kerajaan Negeri yang prihatin kita bagi RM100 untuk jom *shopping* Perayaan dan saya harap kalau boleh Perayaan jom *shopping* ini jumlah yang ditambah sampai RM150 untuk masa akan datang kerana bagi mengelakkan mengurangkan kadar inflasi daripada GST ini. Kalau Kerajaan pusat boleh kurangkan GST boleh mansuhkan GST kita tak perlu tambah. Ini semua angkara daripada Kerajaan Barisan Nasional, sekian terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Kerajaan menjawab kemudian. Bagi peluang kepada ADUN-ADUN berucap dulu. Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam Usul Pembangunan dan saya ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh pada hari ini. Perkara pertama merujuk kepada P.16 iaitu di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta untuk membuat kajian-kajian pembangunan untuk di bawah kod P.16 ini. Saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah memulakan satu kajian induk pengangkutan awam untuk negeri Selangor. Cukup maklumlah bahawa SPAD telah gagalkan penduduk di negeri Selangor yang telah dibangkitkan oleh ADUN Barisan Nasional pun bahawa perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan awam di negeri Selangor memang tidak memuaskan di bawah pentadbiran SPAD oleh Kerajaan Persekutuan, jadi Kerajaan negeri Selangor telah membuat satu langkah yang betul untuk membentuk satu pelan induk kami sendiri. Hari ini saya bangun untuk mencadangkan beberapa lagi pelan rancangan yang

patut diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kita dah buat yang pengangkutan awam sekarang kita lihat dengan aspek-aspek lain untuk menambah kualiti kehidupan penduduk di negeri Selangor terutamanya penduduk kawasan bandar.

Yang pertama ialah satu pelan kawasan hijau di bawah rancangan fizikal negara. Kita perlu menyediakan dua hektar untuk setiap 1,000 penduduk di kawasan bandar. Itu kalau kita terjemahkan kepada setiap seorang adalah 20 meter persegi. Mengikut jawapan yang telah diberi pada soalan Dewan yang lepas kepada saya, tidak ada mana-mana PBT di kawasan Bandar MPPJ, MPSJ dan sebagainya yang dapat mencapai sasaran 20 meter persegi ini. Saya ingin mencadangkan pada hari ini bahawa JPBD mengambil satu langkah inisiatif untuk menggunakan peruntukan kajian ini untuk membentuk satu pelan tindakan macam mana kita hendak meningkatkan kawasan hijau di kawasan perbandaran, perbandaran kami supaya dia sesuai dengan penambahan bilangan penduduk yang tidak ada di kawasan bandar seperti di Petaling Jaya khususnya, perkara ini bukan satu perkara baru. Di bandar Stony Turn di luar Melbourne *suburban* of Melbourne sebagai satu contoh. Mereka telah bentuk satu strategi *master plan* untuk meningkatkan kawasan hijau di Perbandaran mereka kerana di seluruh negeri Victoria, Australia bandar ini mempunyai kawasan hijau yang kedua terendah di negeri Victoria jadi Perbandaran ini telah membentuk satu pelan macam mana kami nak cari tanah, macam mana kami nak meningkatkan kuantiti kawasan hijau supaya kesejahteraan atau pun kualiti kehidupan penduduk di bandar ini boleh ditambah. Jadi itu yang pertama, macam mana satu pelan satu strategik satu kajian macam mana kita nak tingkatkan kawasan hijau biarlah kita bentuk satu pelan tak perlulah kita selesaikannya semua dalam satu dua tahun, saya tahu itu amat mustahil tetapi sekurang-kurangnya ini kita ada rancangan. Macam mana kita nak buat pengambilan tanah dan sebagainya untuk meningkatkan kawasan hijau.

Yang kedua untuk *public amenities* dengan izin atau pun kemudahan awam sebab selain daripada kawasan hijau kita mempunyai kekurangan kemudahan awam di setengah tempat mungkin ada tempat yang kemudahan sukan dia cukup banyak tapi ada tempat lain di mana ada kemudahan sukan tidak cukup di Dewan orang ramai mungkin di setengah tempat cukup banyak tetapi di tempat lain seperti di DUN Bukit Gasing tak ada Dewan orang ramai. Jadi pelan untuk kemudahan awam ini kita ada standard-standard, kalau kita rujuk rancangan struktur, kalau kita rujuk manual garis panduan pembangunan banyak *standard* kita sudah ada kita pertikaikan cuma untuk melaksanakan standard tersebut di dalam Perbandaran yang sudah ada.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Peraturan Tetap 38.1 apabila membahaskan Usul adalah berkait dengan Usul jadi kemudahan awam ini bukan di bawah Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Itu adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

TUAN SPEAKER: Ia, Bukit Gasing sila ambil maklum.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya ambil maklum saya cuma bangkitkan sebab ada RM3 juta diperuntukkan di bawah JPBD untuk kajian-kajian dan dasar-dasar dan jadi saya bangkitkan di bawah tajuk tersebut tetapi saya mengharapkan pelan-pelan ini dibentuk strategik-strategik dibentuk macam mana boleh capai sasaran kita sudah ditetapkan sebelum ini. Itu perkara yang pertama, yang perkara kedua di bawah P. 14 subtajuk P.K. 3 di mana beberapa Masjid telah disenaraikan di daerah Petaling untuk dibangunkan. Saya telah membangkitkan di Dewan ini sejak 2013 untuk Masjid Bulat atau pun dikenali sebagai Masjid Tun Abdul Aziz di Seksyen 14 Petaling Jaya. Masjid ini sudah beberapa tahun telah memulakan aktiviti pengumpulan dana untuk pengubahsuaian dan penambahan blok dan saya harap Kerajaan negeri dapat memberi perhatian untuk memberi peruntukan kepada Masjid ini untuk membantu mereka, kalau tak dapat beri kesemua peruntukan yang diperlu tidak apa *at least* kita boleh membantu sedikit kepada Masjid ini dan saya juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana melawat Masjid ini awal tahun ini untuk melihat keadaan dan saya rasa sebagai satu Masjid tertua antara Masjid yang tertua di Petaling Jaya dan mungkin juga tertua di negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor dapat memberi perhatian kepada Masjid ini.

Yang perkara yang ketiga ialah P.01 di bawah Kod Projek P.K.15 ialah projek perumahan Rumah Selangorku, saya berterima kasih RM20 juta telah di peruntukan untuk Pembangunan Rumah Selangorku dan banyak projek telah dilancarkan tahun lepas dan tahun ini menunjukkan inisiatif ini adalah ke atas trak yang betul. Kita telah melancarkan banyak projek dan saya harap kita akan menyiapkan projek ini mengikut jadual cuma satu perkara yang saya ingin menyentuh hari ini ialah untuk mengurangkan beban kepada pemilik dalam satu jangka masa yang panjang. Kita perlu memikirkan fasal kos penyelenggaraan *maintenance cost* akan ditanggung oleh pembeli dalam satu jangka masa yang agak panjang. Jadi cadangan yang pertama ialah cara bentuk bangunan-bangunan ini perlu diambil kira kos penyelenggaraan supaya dalam 20 tahun yang akan datang kos penyelenggaraan tidak mahal kepada pemilik. Kita menganggarkan 20 sen kaki persegi *cost maintenance* yang perlu dibayar. Saya harap *design* yang bagus mengambil kira *cost maintenance* bukan sahaja kos pembinaan hari ini tetapi kos jangka panjang dia akan mengurangkan beban mereka dalam jangka masa yang panjang. Yang kedua juga ingin mencadangkan semua Rumah Selangorku di buat dengan jenis *block title* dengan izin supaya kos-kos penyelenggaraan tempat awam di antara blok seperti padang permainan rekreasi dan sebagainya akan jatuh di bawah pihak berkuasa tempatan dan bukan di bawah MC atau JNB yang menguruskan projek ini. Ini juga untuk membantu dalam penyelenggaraan dalam jangka masa panjang, jadi ini semua jalan raya dalam pembinaan projek Rumah Selangor Ku ini akan diserahkan kepada Pihak PBT semua tempat letak kereta akan diserahkan kepada pihak PBT. Ini membantu satu *level playing field* dengan izin antara pembangunan rumah teres di mana semua kemudahan diserahkan kepada PBT. *Level playing field* pangsapuri di

mana *block title* di bawah tanggungjawab pemilik tetapi semua kawasan awam kawasan am diserahkan kepada PBT. Isu terakhir saya ingin bawa ialah saya perhatikan beberapa sub topik di bawah pembangunan. Mungkin lebih sesuai di bawah Belanja Mengurus jadi izinkan saya senaraikan tiga contoh di P.01 di bawah P.K.15 ada subtajuk Baikpulih Projek Perumahan Rakyat P.K. 18 Skim Kesihatan Wanita SMUE, P.K. 19 Baik pulih Bangunan Kerajaan jadi saya harap dapat penjelasan daripada pihak Kerajaan kenapa tajuk-tajuk ini yang pada pandangan saya dia macam Belanja Mengurus kenapa dimasukkan di bawah Belanja Pembangunan, jadi setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebelum Yang Berhormat lain yang saya jemput, saya minta dalam Perbahasan ini menyebut tajuk dan juga muka surat buku ini mudah untuk saya buat rujukan. Saya persilakan Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam Usul Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tadi perkara-perkara yang berhubung kait dengan isu-isu tempatan. Merujuk muka surat 185 Kod Projek P.K. 9 Perbandaran sub kategori 09005 Kerajaan Tempatan yang ini saya ingin mengambil perhatian Kerajaan Negeri untuk membangkitkan berkenaan dengan pembangunan Hartanah Komersial yang terletak di berhadapan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Maahad Hamidiah walaupun ianya bukan berada dalam DUN saya tetapi sebagai seorang bekas pelajar Maahad Hamidiah saya ingin menarik perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya untuk menyelesaikan bantahan yang telah dibuat oleh PIBG penduduk tempatan dan juga masyarakat sekitar iaitu berkenaan dengan Projek *The Louvre* panggil Projek Pembangunan Komersial *service department* 36 tingkat yang akan dibina di atas tanah 3.25 ekar

TUAN SPEAKER: Rujuk kepada PBT mana itu?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya rujuk kepada muka surat 185 Perbandaran sub kategori 09005 Kerajaan Tempatan dan saya minta apa nama kalau boleh dapat diberikan laluan untuk saya bangkitkan permasalahan ini di dalam Dewan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Speaker saya merujuk kepada Peraturan Tetap juga 38.1 ini akan Pembangunan yang dibangkitkan oleh Y.B. Dengkil adalah aduan. Aduan itu bukan pentadbiran jadi sepatutnya dalam Perbahasan Belanja Mengurus bukan di peringkat Pembangunan.

TUAN SPEAKER: Sebab itu saya tanya Dengkil tadi merujuk kepada PBT mana spesifik kepada pembangunan yang mana dirujukan itu?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Kalau saya minta dalam 5 minit sahaja kalau tidak kod projek P.K. 15 Perumahan dan Hartanah sub kategori 15003 Kehidupan Bandar komiti Sejahtera ini untuk kerja Kesejahteraan rakyat di kawasan tersebut.

TUAN SPEAKER: Dengkil saya bagi 1 minit lagi. Satu minit lagi.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: 1 minit untuk ini dan kemudian saya pergi ke...

TUAN SPEAKER: Okey, okey.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Berkenaan dengan ...

TUAN SPEAKER: Pendekkan, pendekkan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Isu *The Louvre* ini pembangunan yang dicadangkan 36 tingkat yang akan dibina di atas tanah 3.25 ekar di hadapan sekolah yang mengandungi 30 unit kedai dan 484 unit Apartmen. Yang ini projek ini mendapat bantahan daripada rakyat seperti mana yang saya sebutkan antara asas bantahan yang dibangkitkan ialah yang pertama berkenaan dengan PBT sendiri Pelan Infrastruktur yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran MPKj amat berbeza dengan kelulusan pelan jalan keluar masuk oleh pihak Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan juga kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, kelulusan LLM mensyaratkan supaya pembinaan *flyover* dan *viaduct* tetapi kelulusan MPKj adalah penyambungan terus ataupun *T-junction*. Jadi yang ini saya minta kerajaan negeri semak balik. Yang kedua, wujudnya percanggahan yang sangat ketara antara pelan pembangunan yang diluluskan oleh MPKj dengan Rancangan Tempatan (RT) yang telah diwartakan. RT menunjukkan cadangan pembangunan adalah pembangunan komersial rumah kedai dan bukannya bangunan servis *apartment* 36 tingkat. Yang ketiga antara lain ialah persiaran Hamidah itu sendiri adalah jalan mati ataupun jalan buntu antara *countersunk* dengan izin. Berdasarkan garis panduan perancangan kawasan perdagangan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa 2011. Pembangunan komersial tidak boleh dibina di jalan mati. Ada di antara asas-asas lain bantahan seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Muhamadiyah ini juga dikhuatiri nanti disebabkan oleh pembangunan yang begitu pesat, sekolah ini terpaksa dipindahkan di tempat lain yang ini seperti mana yang berlaku apabila sekolah lama di Kajang terpaksa dipindahkan ke Sungai Ramal. Sungai Ramal pula dah dibangunkan dengan pesat terpaksa dipindahkan juga ke tempat lain. Ini....

TUAN SPEAKER : Ok Dengkil, boleh pindah ke tajuk lain.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok. Sikit lagi dan saya minta apa nama kerajaan negeri khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. You bukan Menteri Besar, Sekinchan ek? Minta maaf eh. Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya mengambil perhatian serius memandangkan 40 ribu orang penduduk telah mengemukakan *portion* bantahan termasuklah daripada PIBG, Alumni, penduduk tempatan. Dan kalau boleh Yang Berhormat Menteri Besar boleh berjumpa dengan Jawatankuasa Bertindak Bantahan projek ini. Ok, saya beralih kepada topik lain berkenaan dengan isu berkaitan dengan kawasan setempat. Yang pertamanya berkenaan dengan isu Jabatan Agama Islam, Vot P14 ms.269, 03610. Saya mengalu-alukan kerajaan negeri telah menyenaraikan Masjid Dengkil dan juga Masjid Desa Sentosa untuk dimasukkan dalam bajet belanjawan tetapi peruntukan hanyalah diberikan token sahaja setakat ini untuk Masjid Dengkil dan Masjid Desa Sentosa masih tidak lagi diberikan peruntukan untuk belanjawan 2016. Jadi persoalan saya, saya berharap, saya ingin mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut berkenaan dengan status terkini Masjid Dengkil ini bolehkah ia dibangunkan dengan segera. Saya dengar ada permasalahan dengan tanah orang asli. Apakah mekanisme yang boleh di selesaikan oleh kerajaan negeri, saya difahamkan lima ekar nak diperuntukkan untuk masjid, lima ekar lagi untuk dikhaskan untuk orang asli. Kalau boleh saya nak dapatkan hari ini jawapan daripada kerajaan negeri untuk kita membangunkan Masjid Dengkil hasil daripada dipanggil kerjasama juga kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri nak peruntukan 2 juta, kerajaan persekutuan nak peruntukan RM3 juta untuk masjid berkenaan. Yang kedua, Masjid Desa Sentosa, yang ini juga saya minta perhatian daripada kerajaan negeri supaya boleh dibangunkan dengan kadar segera disebabkan oleh komitmen daripada penduduk sendiri yang telah pun dapat *collect* sumbangan daripada penduduk-penduduk tempatan hampir 1.2 juta. Usaha-usaha begini harus disokong oleh kerajaan negeri dengan memberikan juga peruntukan kepada ke arah pembinaan masjid ni yang saya anggarkan kira-kira RM8 juta ke RM10 juta. Usaha telah dimulakan oleh penduduk sendiri untuk mendapatkan sumbangan sebanyak 1.2 juta. Yang ketiga, saya pergi kepada isu seterusnya berkaitan dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor, m.s. 252 kod 05600, iaitu berkenaan dengan banjir yang berlaku di kawasan saya iaitu di Kg. Sungai Merak dan di Kg. Pulau Meranti. Saya ingin memohon Kerajaan Negeri supaya memperuntukkan peruntukan yang banyak terutamanya untuk menyelesaikan masalah banjir di Kampung Sungai Merak. Saya difahamkan sepatutnya boleh di peruntukan sebanyak RM10 juta, iaitu untuk menaik taraf kolam takungan yang ada dan seterusnya untuk menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di Kg. Sungai Merak yang berterusan, dan saya minta kalau boleh dimasukkan dalam bajet nanti 2017 sebab yang bajet 2016 sudah pun dibentangkan untuk jangka masa panjang. Untuk jangka masa pendek saya memohon Kerajaan Negeri supaya memperuntukkan kerja-kerja *short term solution* dengan izin saya kira sebanyak RM40 ribu sahaja memadai untuk menyelesaikan masalah di situ. Di Pulau Meranti pula masalahnya semalam berlaku lagi banjir. Saya difahamkan pihak JPS telah pun dapat memberikan peruntukan kecemasan tetapi ada masalah-masalah berkenaan dengan perparitan yang perlu dibuat dan ini

perlu mendapat *concern* persetujuan daripada tuan tanah. Yang ini juga saya minta kalau boleh kerajaan boleh selesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku juga di Pulau Meranti, dan yang ketiga, saya juga ingin merujuk kepada ms.229 vot P12, PK101003 iaitu berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Yang ini saya memohon Kerajaan Negeri supaya mengambil kira permasalahan lampu-lampu jalan. Yang pertamanya di Taman Warisan Bestari Kota Warisan. Yang ini sebenarnya masalah ini sudah lama. Taman itu dibina jauh ke dalam melalui jalan yang telah disediakan tetapi masih tidak ada lagi lampu jalan. Saya kira sejauh 1.5 kilometer yang ini juga kalau boleh dapat diselesaikan sebab ramai juga petugas-petugas ataupun pekerja-pekerja kerajaan yang berkhidmat di kerajaan di Putrajaya di negeri Selangor sendiri untuk menyelesaikan masalah gelap apabila pasangan ataupun isteri mereka pulang ke, pulang daripada kerja terpaksa sang suami mengambil dari jalan awal, jalan besar untuk mengelakkan daripada terjadinya kejadian-kejadian yang tidak diingini. Begitu juga di Kg. Sungai Buah, daripada Bukit Unggul hingga masuk ke jalan dalam dan saya kira ini juga memerlukan apa yang dikatakan lampu-lampu jalan sebabkan berlakunya kemalangan yang teruk khususnya di waktu malam apabila penduduk di sana menggunakan jalan yang ini telah lama juga tidak mempunyai lampu jalan. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker, saya rasa itu saja buat masa ini dan saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Besar. Yang Berhormat Menteri Besar dah senyum tu *Insyallah* dah angguk-angguk tu saya rasa masalah saya selesai. Terima kasih banyak. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat yang akan membahas sila tengok lampu isyarat eh. Lampu isyarat kalau dah kuning tu kena *landing* la.. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan speaker, saya merujuk muka surat pg.198 PK2, Perolehan Am, kemudahan di bangunan SUK. Saya dapati terutamanya lif di SUK ni agak uzur. Saya difahamkan Datuk SUK sendiri dah terperangkap dalam lif SUK, saya tak mahu Dato' Menteri Besar terperangkap dalam lif SUK. Saya pernah naik lif yang tingkat lima, saya rasa saya naik salah lif, macam naik lif bangunan rumah kos rendah. Dan saya rasa lif di SUK perlu *di upgrade* ataupun ditukar. Keduanya ialah cadangan ruangan tambahan di SUK, saya dapati keadaan di SUK sudah sesak. Saya masuk ke pejabat EXCO Belia. Saya kesian tempat tu tak padan bilik EXCO. Jadi kemudahan saya cadangkan perlu dibincangkan supaya bangunan tambahan di SUK dibina. Saya rasa pembangunan telah pun dibuat tetapi tidak ada peruntukan untuk itu. Dan kemudahan *parking* di SUK, tempat *parking* ADUN memang terhad tempat pegawai juga begitu. Jadi mungkin sudah sampai masanya supaya dibina *parking* bertingkat di bangunan SUK. Terutama yang datang ke SUK lepas itu jalan jauh untuk masuk ke bangunan SUK. Seterusnya ialah merujuk kepada PK4, JKR Pusat. Hari tu, saya ada terima kasih banyak kepada, dah banyak kali saya bangkitkan dalam dewan ini supaya diperbaiki jalan Mokhtar Dahari. Terima kasih banyak kerana peruntukkan telah diberi sebanyak RM80 juta untuk 3 tahun dan tahun depan sebanyak RM25 juta

diperuntukkan. Namun satu jalan yang agak sesak ialah daripada TTDI ke Federal Highway, saya cadangkan supaya JKR mengkaji membina sebuah *flyover* daripada TTDI ke Federal Highway kerana kesesakan jalan masuk daripada sepanjang *Gatrie highway* dan sesak betullah di kawasan TTDI ke Federal Highway. Seterusnya ialah ms.2631, apa ni... bangunan SRA, banyak kali saya sebutkan supaya dibina Sebuah SRA Di Seksyen 7, Shah Alam Kerana Penempatan Agak Padat Dan Tidak Ada Sekolah Rendah Agama yang ada ialah Serai, itu hanya untuk pelajar terpilih. Dan juga ms.268 PK3, 031004 masjid Setia Alam. Saya difahamkan ada diperuntukkan tapi dalam bajet tidak disediakan. Seterusnya ialah ms.282 PK1, saya dapati ternakan lembu. Ini satu industri yang besar di negeri Selangor yang dikendalikan oleh sahabat-sahabat masyarakat kaum India yang ramainya yang dulu di *Estate*. Tapi penempatan tak ada. Pernah satu ketika kita luluskan kawasan di Hulu Selangor tapi saya tak nampak ada projek itu diteruskan dan kita perlukan lagi kawasan-kawasan lain. Saya pernah mencadangkan supaya tanah-tanah di bawah *kabel line.*, ada seluas 7,000 ekar. Boleh gunakan untuk ternakan lembu ini untuk tempatkan lembu-lembu supaya tidak berkeliaran di kawasan perbandaran. Tuan Speaker, itulah saja daripada saya, mudah-mudahan mendapat perhatian daripada kerajaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dah bangun-bangun duduk, saya bagi pada Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE : Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Timbalan Speaker, saya ingin merujuk kepada ms.185, P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, PK9. Masalah kesesakan lalu lintas adalah satu masalah yang telah lama dihadapi oleh semua pengguna jalan raya di Lembah Kelang. Pada zaman ekonomi Malaysia meleset berikutan kelembapan pucuk pimpinan di Putrajaya, beban rakyat kian meningkat. Kenaikan harga-harga barangan akibat GST pada April tahun ni dan kenaikan harga tol di lapan belas tol di sekitar Lembah Kelang telah menambahkan penderitaan kita semua. Bagi membantu meringankan beban pengguna lalu lintas bertol, Balakong mencadangkan Kerajaan Negeri membina jalan-jalan alternatif berhampiran beberapa lebuh raya bertol di dalam negeri Selangor. Dan saya ingin memohon supaya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar boleh memperuntukkan sejumlah wang untuk membina satu jalan alternatif dari Bandar Sungai Long menuju ke Balakong dan Serdang. Untuk makluman penduduk Bandar Mahkota Cheras dan Bandar Sungai Long terpaksa mengalami kesesakan lalu lintas yang sangat teruk setiap hari. Kedua-dua bandar ini mempunyai berpuluh ribu penduduk dan hanya mempunyai dua laluan keluar masuk yang bersambung ke Lebuh raya Cheras Kajang. Pengguna jalan raya terpaksa menggunakan masa sebanyak lebih kurang 20 minit untuk keluar ke lebuh raya Cheras Kajang dari Bandar Mahkota Cheras memandangkan jalan tersebut hanya sepanjang lebih kurang 1.5 kilometer sahaja. Bagi lebih kurang masa yang sama untuk sampai ke Lebuh Raya Cheras Kajang bagi mereka yang tinggal di Bandar Sungai Long pula memandangkan jalan itu hanya lebih kurang 2 kilometer. Sekiranya Kerajaan Negeri meluluskan permohonan

ini, ia bukan sahaja boleh membantu menambah baik, keadaan kesesakan yang dialami oleh penduduk di kedua-dua kawasan itu. Malah ia boleh membantu mengurangkan kesesakan di jalan Balakong Pekan Batu 11 Cheras, kerana kenderaan yang menghala ke Balakong dan Serdang, tidak perlu melalui Pekan Batu 11 lagi. Laluan alternatif ini sebenarnya merupakan sebuah *missing link*, yang sepatutnya dibina oleh pihak tertentu semasa pembinaan Lebuhraya SILK. Jadi, sebenarnya baru-baru ini LLM pun dah luluskan satu persimpangan baru yang telah lama pihak Ahli Majlis-Ahli Majlis MPKj, meminta di Bukit Sungai Long. Tetapi memandangkan dari 2010, mereka tak meluluskan dan baru-baru ini mereka meluluskan. Hanya kerana mungkin, hanya kerana kenaikan bayaran tol sebanyak 80% di Plaza Bandar Sungai Long. Jadi sekali lagilah, ini dah mengesahkan bahawa LLM lebih berminat untuk membantu konsesi lebuhraya. Dan saya berharap Kerajaan Negeri boleh membantu dalam isu ini. Untuk membina laluan alternatif ini.

Saya ingin merujuk pula kepada muka surat 251, P13, Jabatan Pengaliran Dan Saliran, PK 05. Baru-baru ini, Balakong mengalami satu kejadian banjir kilat yang saya boleh mengatakan paling teruk bagi masa, tempoh masa 15 tahun. Tak pernah berlaku banjir kilat yang begitu teruk di Balakong, Kg. Baru Balakong sejak 15 tahun yang lalu. Dan ia berlaku lagi, berlaku pada 01 November, kerana kecuaihan pihak-pihak tertentu. Maksud saya, pihak tertentu adalah pemaju yang telah membina satu *entry* utiliti di atas sebuah sungai iaitu Sungai Balak, yang terletak di jalan masuk persimpangan masuk Taman Impian Ehsan. *entry* tersebut dibina lebih rendah daripada aras jambatan yang sedia ada dan ia telah mengakibatkan banjir di Kampung Baru Balakong. Jadi setelah lawatan tapak dilakukan, diadakan bersama dengan MPKj dan JPS, tindakan telah diambil dan walau bagaimanapun saya harap pihak tertentu boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghukum pemaju tersebut. Kerana rumah-rumah yang di banjir air itu, ada yang tenggelam terus dan mengalami kerugian yang teruk. Dan selain daripada itu, saya ingin mencadangkan supaya semua projek perumahan pada masa akan datang, pihak Kerajaan Berkuasa Tempatan harus mensyaratkan mereka untuk membina kolam tadahan. Dan juga mensyaratkan supaya longkang-longkang yang sedia ada harus di naik taraf sekiranya sistem perparitan bagi pembangunan baru tersebut bersambung kepada sistem perparitan yang lama, yang sedia ada.

Dan akhir sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 269, P14, Jabatan Agama Islam Selangor, PK3. Saya ingin membangkitkan isu permohonan peruntukan daripada Jawatankuasa Pembinaan Masjid Taman Sutera, yang telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri sejak tahun 2013, tapi sehingga hari tidak ada apa-apa maklum balas yang diterima oleh mereka. Dan seterusnya, PK4, mengenai baik pulih surau. Sebenarnya pada tahun, pada tahun 2013, pejabat saya menerima surat daripada mantan EXCO Agama untuk mengemukakan cadangan-cadangan ataupun permohonan untuk menaik taraf ataupun baik pulih surau di dalam kawasan masing-masing. Jadi setelah permohonan dikemukakan dan sehingga kini, tidak menerima apa-apa maklum balas dan permohonan yang melebihi 15 surau, termasuk Surau

An-Nur, Taman Impian Ehsan, Surau Nurul Islamiah, Taman Setia dan sebagainya. Telah lama dan banyak kali kami bertanya kepada Pejabat EXCO, dan sehingga hari ini tidak ada apa-apa maklum balas. Saya berharap pihak Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada isu ini. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih. Minta perhatian Yang Berhormat sekalian, bila masuk kepada *Vot* ini, rujuk kepada perkara yang di *table* dalam buku ini. Kurangkan membawa isu tempatan, bersifat aduan. Saya harap itu kita kontrol. Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Selat Klang ingin merujuk kepada muka surat 180, *Vot* P01, Kod projek PK404002, pembangunan orang asli. Saya melihat ada satu perkampungan orang asli di Bagan Hailam, di mana dikatakan 22 keluarga di tempatkan di situ. Dan saya telah melihat sendiri bagaimana keadaannya begitu uzur, begitu teruk. Dia punya keluasan rumah itu adalah lebih kurang 10 kaki x 10 kaki. Itu adalah tandas, dapur, bilik tidur dan sebagainya. 10 x 10. Bumbung bocor, daif. Dan saya melihatkan di dalam *Vot* ini, hanya RM300,000.00 yang ada untuk pembangunan orang asli keseluruhannya 2016, untuk seluruh Selangor. Jadi saya mencadangkan Kerajaan Negeri, membina semula Perkampungan Orang Asli ini, sama ada di bawah kerajaan prihatin, Kod Projek PK808001, atau bagaimana mungkin kita boleh bersinergi dengan pihak persekutuan. Kerana mereka sangat-sangat daif dan kita berada di Negeri Selangor, tak jauh daripada Tanjung Harapan. Mereka ini, penempatan mereka dekat Tanjung Harapan. Orang kaya makan-makan. Saya pergi tengok ke dapur. Segala beras, segala apanya, memang hampir kosonglah. Jadi saya, minta keihsanan Kerajaan Negeri Yang Peduli *Smart* Selangor.

Saya juga merujuk kepada muka surat 178, *Vot* P01, PK 2, Projek 02006, naik taraf, baik pulih jalan kampung. Sekali lagi, saya merayukan kepada Kerajaan Negeri, carilah bagaimana untuk menyelesaikan masalah isu jalan-jalan di kampung yang sekarang ini, tarafnya adalah lot persendirian. Jadi, sama ada kita boleh bersama dengan kerajaan persekutuan khususnya Kementerian Luar Bandar atau kita nak menyelesaikan masalah daripada segi undang-undang. Jalan tanah orang persendirian mahu diambil oleh Kerajaan Negeri untuk diselenggarakan. Kerana ia melibatkan orang awam yang berpuluh-puluh ribu menggunakan setiap hari. Jadi saya sekali lagilah, memang ada alasan itu dan ini orang kampung tak tahu, apa beza Kerajaan Negeri, kerajaan pusat. Yang mereka tahu, ramai anak-anak yang jatuh, khususnya jalan-jalan Haji Hashim. Hari hujan, mereka nak pergi sekolah, gelap, orang nak masjid, orang nak pergi kerja. Jadi saya minta, tumpuan oleh Kerajaan Negeri. Di Kampung Delek, Sungai Udang, memang kita lihat ini satu keperluan yang sangat besar. Kita dalam masa, sama pula ICU, ataupun pusat, dia, tak kisah lot persendirian ke apa, dia bina. Tempat UMNO ramai, di situ dia boleh bina. Jadi orang-orang penduduk pun hairan. Ini kampung yang sama, sebelah sini

boleh buat, sebelah sini tak boleh buat. Kenapa Kerajaan Negeri tak boleh buat. Dikatakan kaya.

Saya merujuk kan muka surat 228, Vot P12, PK2, membina jambatan dan jejantas. Tuan Speaker, saya merujuk kepada jambatan ketiga Klang. Di mana ia sedang melalui fasa pertama. Apa yang saya nak bangkitkan ialah, saya memohon Kerajaan Negeri memberikan perhatian, jalan lencongan yang dibuat berhampiran dengan kompleks rumah kedai di Simpang Empat Sg. Udang, adalah berkualiti yang sangat rendah. Saya mendapat aduan-aduan, mereka melaluinya sama ada pergi kerja, pelajar-pelajar dan sebagainya, ia mendap, tak rata, ramai yang telah jatuh, ramai yang telah *accident*. Luka sana, luka sini. Meninggal je, belum. Dan juga ia melibatkan kesesakan lalu lintas. Dah lah tak elok, lambat pula lagi, dilencong lagi. Kalau hari hujan, masa hari itu, banjir pula. Jadi saya minta Kerajaan Negeri, turun bawah, lihat bersama lihat apa permasalahan yang di apakan. Supaya, penduduk tidak dibebankan dengan masalah yang dikatakan pembangunan ini. Dan juga saya nak ingatkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil iktibar. Perkara yang berlaku baru-baru ini, di jalan yang dibina oleh kerajaan pusat, yang baru dibina pun, daripada *West Port* ke *North Port*, di mana ia melibatkan *Highway* 181, di selekoh Kampung Sungai Sireh, di mana treler terhumban dua kali dalam masa kurang daripada 6 bulan ke bawah. Alhamdulillah, tak ada yang meninggal dunia. Tapi saya harap, projek di bawah Kerajaan Negeri khususnya jambatan ketiga Klang diambil perhatian.

Muka surat 277, Vot P16, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kod projek PK101003, rancangan tempatan. Untuk makluman, Tuan Speaker dan Kerajaan Negeri, Kampung Sungai Udang dikepong oleh seluruhnya, ada jalan di keliling kelalang, tetapi yang sentiasa jem. Kerana di Sungai Udang, orang Kampung Sungai Udang, Kampung Sungai Sireh, yang melalui ini. Tempat ini sangat padat. Di samping itu dah lah sesak jalan lalu lintas, ada pula satu kondo, namanya *Amazing Height*. Jadi saya mohon kepada kerajaan dan Datuk Banjir, saya mohon kepada Kerajaan Negeri, apabila nak membuatkan Kelulusan Perancangan, KM ini, melihat infrastruktur yang ada, kemudahan yang ada, lalu lintas yang ada, dan kalau nak meluluskan mana lagi segala pembangunan itu mengambil kira semua ini. Supaya ia tidak membebankan rakyat jelata. Tuan Speaker, saya merujuk muka surat 271, P14, Jabatan Agama Islam Selangor, Kod projek 04301, Surau Al-Firdaus, Kampung Atap, Jalan Raya Barat. Saya difahamkan surau ini adalah yang telah hangus terbakar baru-baru ini. Tapi saya melihatkan projeknya anggaran kosnya hanya RM500,000.00 sedangkan surau ini banyak digunakan khususnya oleh penjawat awam. Jadi saya rasa RM500,000.00 tak berapa cukup ni. Walaupun ini di dalam Alam Shah, kota Alam Shah. Tapi saya membawalah hasrat daripada penduduk di mana kalau boleh kerajaan berikanlah perhatian yang lebih kepada pembangunan surau ini kerana ia juga menempatkan warden ataupun siak yang menjaganya. Satu lagi, Tuan Speaker, melibatkan pembangunan ini di bawah tanah, pejabat tanah dan mungkin juga veterinar, saya tak jumpa dia punya kod lagi. Ini mengenai, sangkar

ikan Pulau Ketam. Bawah Veterinar, muka surat hujung sekali. Muka surat 283. 283, P17, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Di mana kita mendapatkan masalah sedikit daripada Persatuan Penternak Ikan Pulau Ketam ini, di mana perniagaan sangkar ikan adalah perniagaan jenis risiko tinggi, yang sangat tinggi, menghadapi masalah. Seperti peratus kelangsungan hidup ikan, benih yang rendah, kos baja ikan, gaji buruh yang semakin tinggi, harga jualan ikan rendah dan sebagainya. Apa yang mereka mohon pada Kerajaan Negeri, khususnya Dato' Menteri Besar ialah di mana sebelum ini, mereka tak bayar pun LPS, tanah TOL sangkar ikan ini. Kemudian diminta RM2.00 semeter persegi. Mereka merayu untuk dikurangkan 0.50 satu meter persegi. Tapi Kerajaan Negeri, pejabat tanah

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Sg. Pinang.

YB. DATO' TENG CHANG KHIM : Sekali lagi saya nak bangkitkan Peraturan Tetap 38(1). Perbahasan hendaklah berkaitan dengan Usul. Tadi Yang Berhormat Selat Klang ada menyebut Jabatan Perancang Bandar tentang KM, itu tidak berkaitan sudah. Sekarang masuk pula perikanan, kaitkan dengan budak veterinar, kaitkan pula dengan lesen pendudukan sementara. Jadi dah jauh melencong. Walaupun mungkin kita nak beri ruang yang cukup untuk Ahli Yang Berhormat untuk berbahas tetapi kenalah mematuhi Peraturan Tetap. Kalau tidak, penat saya bangun 38 (1) ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya pun dah tiga kali saya sebut dalam awal sesi tadi supaya rujuk kepada perkara yang disebut dalam buku ini. Selat Klang habiskan sikit.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI : Saya ambil maklum, apa yang di apakan tadi. Ini keghairahan kita sebagai Wakil Rakyat mengemukakan masalah-masalah dihadapi oleh rakyat. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri mengambil perhatian. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Damansara Utama.

YB. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya hanya hendak enam perkara yang saya ingin menyentuh. Perkara pertama adalah muka surat 181, Vot P01, Kod Projek 05005 untuk Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang. Saya tengok adalah jumlah peruntukan RM1,000,000.00 sahaja. Saya minta Kerajaan Negeri boleh fokus kepada *software*. *For example*, untuk kem pendidikan, ataupun kem motivasi dalam bentuk *software* sebab kalau kita memperuntukkan pembangunan RM1 Juta untuk *hardware* memang tidak cukup. Saya minta Kerajaan Negeri untuk mengambil perhatian yang itu. Saya rasa anak ladang sering kali tidak, tiada inspirasi oleh itu saya minta boleh mengkaji kem motivasi untuk anak-anak

pekerja ladang. Yang perkara kedua ialah muka surat 182 Vot P01 Kod Projek 06001 Program Pembudayaan Wanita dan Keluarga, sering kali kita fokus peruntukkan kita di Pusat Wanita Budaya, saya ingin cadangan Kerajaan Negeri supaya menjalankan projek perintis untuk *available child care* iaitu pusat penjagaan rendah, berkos rendah di flat-flat kos rendah di bandar-bandar. Ada satu statistik yang mengatakan bahawa, yang mengatakan bahawa wanita yang terlibat dengan tenaga bekerja 2, 52.4% sahaja. Dan peratus ini lebih rendah di kumpulan berpendapatan rendah 40%. Ini memang adalah satu gejala yang kita tangani oleh kerajaan sebab ialah kalau dia berpendapatan rendah dan dia satu *single income family* dia akan meningkatkan jurang pendapatan antara yang ada dan dengan yang tiada. Dengan itu saya hendak Kerajaan Negeri mengambil insentif yang proaktif untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam tenaga kerja terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Dengan ini kita boleh mengubah *single income family* kepada *duo income family*. Dan dengan adanya pusat penjagaan rendah berkos rendah kita menutup jurang pendapatan antara ada dengan yang tiada. Saya merasa berharap bahawa kita boleh membuat projek perintis di PPR dan satu atau dua untuk tahun ini. Dan tahun hadapan kita tengok macam mana kesan-kesan yang kita boleh kaji semula. Perkara ketiga, yang hendak saya bangkitkan ialah di muka surat 187 P01 Kod Projek 01001 saya ingin meminta penjelasan daripada kerajaan, apakah perbelanjaan ini di Teknologi Maklumat, Inovasi Pembangunan ICT. Kita akan membelanjakan RM5.63 Juta. Saya hendak minta apakah yang kita akan membuat dalam pembangunan ini. Yang seterusnya, perkara ke-empat yang saya hendak bangkitkan ialah di muka surat 192 Vot P01 Kod Projek PK16 Pembangunan Projek Bekalan Air Selangor. Saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang memberi peruntukan yang begitu baik kepada Bekalan Air Selangor yang terutamanya projek kerja 01001 iaitu Infrastruktur di Empangan Sungai Tinggi sudah lama ia sudah rosak dan kali ini kita ada peruntukan untuk pembaikannya. Ini adalah satu projek baik, saya minta, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan. Dan seterusnya adalah kita Loji Rawatan Air juga adalah projek-projek yang baik. Yang saya tidak tahu ialah dari Kod Projek 16009, 16010, 16011, 16012, 16013 ia adalah dalam perancangan Rancangan Malaysia Ke-11, dan rasanya tahun depan kita tidak akan mulakan sebab dia ada peruntukkan. Saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, kenapa kita tidak mulakan projek tahun hadapan? dan seterusnya saya ingin menyentuh kepada 16014,16015,16016,16017,16018 saya meneliti bahawa anggaran ini adalah, perbelanjaan ini adalah daripada pinjaman. Saya hendak minta penjelasan Kerajaan Negeri pinjam dari siapa? Apakah *term of condition* (dengan izin). Seterusnya saya ingin membangkitkan dalam PK 16 Projek Pembangunan Bekalan Air ini. Secara umum yang satu cadangan daripada JPK SAM, ataupun sekarang JPK SUS adalah untuk memperuntukkan untuk pembangunan *Intergraded Water Recourses Management System IWRMS* ini adalah sangat penting untuk kita boleh mengukur kualiti dan kuantiti air sungai-sungai Selangor dengan lebih bersepadu dan sistematik dan saintifik. So, saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri kenapa tiada peruntukan untuk sistem ini. Sebab sistem ini sangat penting untuk supaya kita boleh dengan lebih, lebih *advance* dalam pemantauan pengurusan

sumber air di Selangor. Yang seterusnya, saya ingin merujuk kepada muka surat 192 PK, Vot P01 PK 18 Merakyatkan Ekonomi Selangor. Saya meneliti vot-vot projek dan mendapati bahawa Insentif Belia Perkahwinan tidak di *include inside* so saya hendak minta penjelasan dimanakah Intensif Belia Perkahwinan perbelanjaan itu. Dan, saya juga ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan Negeri untuk Kod Projek 18005 Urus Tadbir dan Demokrasian. Ini adalah satu program yang saya tidak pernah, tidak tahu secara teliti, dan kita dapat RM1.5 Juta perbelanjaan so jadi saya minta penjelasan Kerajaan Negeri. Dan saya juga ingin menyentuh kod projek 18009 Skim Mesra Usia Emas RM2.6 Juta. Saya dapati bahawa peruntukan ini, saya tidak tahu saya ada pengurusan ataupun pembangunan, sebab apa yang kita dapati tunggakan yang kita sering mengalami di Pusat Khidmat ADUN. Tunggakan SMUE sebab ita tidak cukup wang dari bank kita. Bank kita, so sering kali kita tulis surat kepada Pejabat Tanah dan didapati peruntukkan tidak mencukupi untuk bayar yang tertunggak, SMUE yang tertunggak. So, jadi saya tidak tahu sama ada, adakah ini dari segi pengurusan ataupun pembangunan. Sebenarnya peruntukan untuk pembangunan RM2.6 Juta ini tidak mencukupi. Jadi, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Seterusnya saya ingin menyentuh muka surat 247 Vot P13 untuk JPS untuk Projek Kerja Kod Kerja 02100 daerah Petaling. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa saya sudah banyak kali menulis surat untuk penyelenggaraan Sungai Kayu Ara dan sudah tiga tahun tulis surat itu, saya hendak minta penjelasan ini kenapa peruntukan ini tidak dapat, sekali lagi tidak lagi di *include* dalam bajet untuk tahun 2016. Sekian sahaja ucapan saya Damansara Utama ingin memohon.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker untuk memberi peluang untuk membahas Peruntukan Pembangunan Negeri Selangor 2016 saya tidak mahu cerita banyak, cuma tiga (3) perkara sahaja kesihatan, jalan raya dan juga JPS (perparitan). Kesihatan, merujuk kepada muka surat 182 - Peruntukan Pembangunan Kesihatan Wanita RM3.3 Juta. Muka surat 194 PK 18 Skim Kesihatan Wanita RM1 Juta. Jumlah untuk kesihatan untuk negeri Selangor ialah pada pendapatan saya yang saya tengok RM4.3 Juta. Ini RM4.3 Juta ialah sangat-sangat sikit kalau kita tengok jumlah pembangunan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya hendak tanya Kerajaan Negeri Selangor macam mana kita hendak wujudkan atau membinakan *Smart* Selangor sebab *smart*, cerdik ataupun akal yang apa, pandai. Melainkan kalau kesihatan tubuh badan itu tidak sihat, jadi saya harap negeri Selangor akan mengkaji seluruhnya untuk negeri Selangor. Saya tahu peruntukan kesihatan ini bawah jagaan Putrajaya tetapi saya ingat kalau kita boleh mampu untuk menjaga kesihatan warga negeri Selangor saya harap lebihkan lah untuk menjaga, sebab apa penyakit banyak di Selangor. Denggi yang paling tinggi. Dalam menjaga kesihatan *prevention better than cure* mencegah lebih elok pada daripada merawat. Dan lagi satu saya hendak sentuhkan mana peruntukan kesihatan lelaki? Adakah warga lelaki Selangor ini dianaktirikan atau

diketepikan? Saya ialah doktor wanita tetapi saya juga prihatin pada kesihatan lelaki. Tiada peruntukan pembangunan kesihatan untuk lelaki? Jadi saya haraplah negeri Selangor akan memberi peruntukan yang sewajarnya. Yang ketiga, lagi satu tentang kesihatan di tempat saya, bila saya masa musim Deepavali, raya, atau perayaan Raya Cina, banyak warga-warga tua, OKU terlantar di rumah-rumah. Mereka tidak dapat kemudahan ataupun khidmat kesihatan yang sempurna. Sepatutnya yang mereka dapat di negeri Selangor yang paling maju di Malaysia. Jadi, saya haraplah EXCO Kesihatan Negeri Selangor membuat satu, kaji satu skim seluruhnya untuk menjaga warga-warga yang terlantar banyak sakit kronik, tiada kaki, diabetes, darah tinggi. Dan kita harapkan mungkin keadaan di desa dan keadaan di pekan lain sebab mereka kurang mampu. Mereka hendak pergi ke doktor harapkan keluarga. Anak-anak mereka bekerja. Dan kadang-kadang mereka sepatutnya jumpa doktor satu atau dua bulan sekali, kadang-kadang bila saya tengok 3 hingga 4 bulan pun tidak dapat rawatan yang mana ada kencing manis, darah tinggi, yang strok. Saya harap, dulu saya telah bangkitkan kalau ada peruntukkan tiap-tiap daerah di negara yang maju kita wujudkan satu khidmat kesihatan yang bergerak untuk warga-warga kita yang tersandar di rumah-rumah dan yang susah untuk mendapat khidmat-khidmat kesihatan. Padahal kesihatan adalah satu asas *manusia human right and every so right medical services*. Jadi keduanya, saya hendak rujuk kepada P12 iaitu peruntukkan jalan raya JKR PK 1 muka surat 229 ini tentang memasang lampu-lampu jalan mungkin di pekan-pekan banyak lampu, jalan terang tetapi di desa-desa, di kampung-kampung saya dapati masih gelap dan kemalangan ketara dan ini menimbulkan nyawa. Jadi saya haraplah dulu saya sudah '*start*' mulakan satu projek '*solar lighting*' yang murah di Ijok tetapi Mantan Menteri Besar suruh turun saya tidak tahulah skim atau cara ini senang untuk memasang lampu-lampu ini. Di kampung-kampung asli, di ceruk-ceruk Selangor, jadi saya harap kerajaan akan prihatin tentang nak menerangkan kampung, menerangkan jalan raya untuk mengurangkan kemalangan dan meragut nyawa. PK 2 meminda membina jejantas ini di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa Bestari Jaya, kalau pergi di sana masa lepas sekolah tengok budak-budak sekolah lari sana, lari sini, melintas jalan lambat laun akan menimbulkan dah ada kemalangan. Saya haraplah Kerajaan Selangor atau Pejabat Daerah membina satu jejantas di depan sekolah itu. Kereta makin laju dari Bestari Jaya ke Pekan Ijok, jadi kita nak tolong anak-anak kita mengelakkan kemalangan. Yang ketiga tentang jalan raya PK 3 membina jalan raya. Saya dapat ialah jalan raya daripada simpangan di Desa Kaifol sampai ke Pekan Ijok itu jalan lama kalau tengok banyak lengkok-lengkok dan banyak gaung di situ. Kalau ikut laporan Polis memang banyak kemalangan telah berlaku di jalan itu. Saya haraplah Kerajaan Negeri Selangor akan membina jalan terus untuk mengelakkan kemalangan itu. Tengok statistik '*is the killer road ini Ijok*' siapa anak-anak kita pergi universiti balik malam ada yang motor masuk dalam gaung, kemalangan semua. Saya haraplah itu saya pun masih kecil masa saya di jalan itu, jalan itu memang mabuk, jalan itu memang lengkok-lengkok ialah jalan itu kita lengkok-lengkok kita muntah, buang masa. Tapi pun kalau tengok jalan itu pun sama 50 tahun sama, sekarang pun sama saya haraplah ini untuk meningkatkan imej Negeri Selangor bina

satu jalan dari Desa Kaifol ke Pekan Ijok. Sebab Pekan Ijok ke Bestari Jaya sayang mengucapkan ribuan terima kasih pada Kerajaan jalan memang cantik cuma macam mana nak jaga jalan itu. Akhirnya saya nak rujuk kepada P 13 perparitan JPS, kalau kita tengok muka surat 248 peruntukan Daerah Kuala Selangor tengok 0, Kuala Selangor ialah satu-satu kawasan banjir, baru-baru ini Pekan Ijok pun banjir bagaimana saya pun hairanlah sedih. Peruntukan pembangunan untuk perparitan 0 adakah kita boleh terima ataupun sebagai ADUN Ijok terima begini. Saya ingat kita kena kaji balik peruntukan pembangunan sebab sana saluran longkang perlu diperbaiki. Perparitan kena besarkan, kawasan banjir, bentang-bentang sungai perlu di perbaiki. Bentang-bentang telah pecah dan kawasan Desa Gafield hujan sekejap sahaja sudah banjir jadi itu sahaja saya harap Kerajaan Negeri Selangor akan memberi tumpuan tentang apa yang saya bangkitkan sekian ribuan terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku,

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker saya ingin bangkit membawa dua isu yang pertama berkenaan muka surat 182 di bawah volt P01 di bawah Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah kod projek PK 6 Wanita dan Majikan dan kod projek 06001 Program Pembedayaan Wanita dan Keluarga diperuntukkan RM3 juta. Dalam isu berkenaan dengan program pembedayaan wanita ini saya kira rata-ratanya sentimen yang ada di kalangan ADUN khususnya ADUN Beg Pecen ialah Program Pusat Wanita Berdaya yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri terdapat rintihan dan sedikit perasaan kecewa pada para ADUN terhadap pelaksanaan berkenaan program ini. Saya merujuk kepada satu jawapan tulis yang diberi kepada saya beberapa hari yang lalu iaitu di bawah Program PWB ini akan dijalankan sepuluh modul pertama kepimpinan wanita, kedua kefahaman gender, ketiga keselamatan dan kesihatan keluarga dan keempat ekonomi hawa dan pengurusan kewangan, kelima hak dan undang-undang wanita, keenam pendidikan dan latihan, ketujuh sosial, budaya dan agama, kelapan pembangunan keluarga, kesembilan sukan dan rekreasi dan kesepuluh alam sekitar dan kepenggunaan juga dilibatkan bersama. Dengan hanya 3 juta ringgit setahun Tuan Timbalan Speaker PWB perlu melaksanakan semua kesepuluh program berstruktur seperti ini. Bagi saya ini adalah satu perkara yang saya rasa agak mustahil dan agak tidak setimpal kalau dibandingkan dengan jumlah peruntukan 3 juta ringgit yang diperuntukkan setahun untuk program PWB ini. Jadi cadangkan saya ialah kita perlu fokus bagi saya hanya tiga perkara yang saya rasa perlu diberi fokus iaitu kepimpinan wanita, kefahaman gender, ekonomi hawa dan pengurusan kewangan berhemah. Tidak berguna kalau kita hanya diperuntukkan 3 juta ringgit tetapi kita hendak membuat semua perkara dalam dunia ini. Jadi saya kira perkara ini dilihat, yang kedua berkenaan PWB juga kerajaan perlu menggunakan satu *bottom up bukannya top down* ramai yang mengadu kerana banyak program cadangan PWB di peringkat DUN tidak diberi perhatian ataupun

tidak diberi kelulusan ataupun terpaksa melalui pelbagai kerendah birokrasi. Saya rasa perkara ini haruslah dielakkan penggunaan '*pruh botoom up*' ini perlu diperkukuhkan dan lebih banyak fleksibiliti perlu diberi kepada program-program PWB di DUN.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Penjelasan, Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah Y.B. Kampung Tunku merasa bahawa kita lebih baik kita dapat PWB lebih fleksibiliti dan '*kaitermis*' ADUN dan ADUN luluskan program-program *blueprint* apa yang Kerajaan Selangor?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Memang benar itu pun saranan daripada saya lebih banyak fleksibiliti, lebih banyak keputusan ataupun keputusan pemberat kepada keputusan itu lebih diberi kepada pejabat atau pun Pusat Khidmat DUN. Ini adalah satu cadangan yang perlu ditekankan di sini. Yang kedua berkenaan dengan muka surat 249 volt P 13 Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor di bawah kod projek PK 3 pembangunan sungai 03004 pembinaan perangkap sampah ataupun '*lock boom*' pelbagai daerah diperuntukkan RM4 juta. Dan saya ingin tuan-tuan speaker memetik pemerhatian dewan ini kepada ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan dengan '*river alright over fly*' ataupun pembersihan Sungai Klang dinyatakan bahawa Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih RM58 juta setahun untuk membersihkan sampah di sepanjang Sungai Klang. Dan kerajaan hanya memperuntukkan RM9 juta bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan termasuk pemasangan dan pembinaan '*lock boom*', pembelian '*trash cimer*' dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah sampah di sepanjang Sungai Klang ini dan kalau kita merujuk kepada muka surat 249 diperuntukkan RM4 juta bagus juga diadakan bahawa ada terdapat juga RM15 juta yang akan dibiayai secara bersama oleh lima PBT yang berkongsi Sungai Klang untuk menjalankan program ini. Soalan saya ialah saya risau peruntukan ini bagi pendapat saya tidak memadai untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi di sepanjang Sungai Klang. Dan saya kira masalah sampah di Sungai Klang ini adalah ibu kepada masalah banjir khususnya masalah banjir kilat yang berlaku di sepanjang Lembangan Sungai Klang, di Puchong, di Kinrara, di Sri Muda, di Klang, di Pandamaran dan sebagainya. Jadi saya kerajaan perlu melihat kembali sama ada perlu pada masa-masa yang akan datang untuk mempertingkatkan peruntukkan ini. Mengapa saya menyatakan seperti ini kerana kalau kita menyatakan bahawa kita tahu bahawa peruntukan hanya untuk pembersihan sampah hanya perlukan RM58 juta setahun. Bagaimana mungkin pula peruntukan RM9 juta setahun atau RM15 juta setahun atau pun jumlahnya RM24 juta setahun ini boleh selesaikan masalah disebabkan oleh RM58 juta. Kalau percaya saya rasa ianya adalah satu kejayaan yang luar biasa tetapi kalau tidak cukup pun saya kira kerajaan perlu melihat semula. Mungkin tahun depan kita perlu membuat satu bajet khas khusus untuk

mengendalikan masalah banjir, masalah sampah di sepanjang Sungai Klang ini. Dan saya mengulangi cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Kajang sama ada kita mungkin atau tidak kita melaksanakan satu program-program ataupun satu proses *'request to profesil'* untuk *'master'* pelan pembangunan Sungai Klang yang dibuka kepada syarikat-syarikat pakar daripada seluruh negara dan termasuk luar negara dan sama ada kita boleh berkongsi kos pembersihan Sungai Klang di bawah projek *'river of life'* ini dengan Kerajaan Persekutuan memandangkan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur tengah-tengah Sungai Klang. Kita ada Sungai Klang di bahagian Gombak dan Selayang, kita ada Sungai Klang di bahagian Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam, Klang dan sebagainya. Jadi saya rasa adalah wajar supaya perkara ini kita cuba berkongsi kos dengan Kerajaan Persekutuan supaya perbelanjaan itu boleh kurangkan. Yang penting sekali apa yang kita nak capai melalui itu program *'river of life'* ataupun pembersihan Sungai Klang ini. Adakah kita berkata bahawa kita nak *'target'* lima tahun ke atau sepuluh tahun ke Sungai Klang ini bersih, adakah kita berkata bahawa sepuluh tahun dari sekarang tahun 2025 Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kedua-duanya boleh menumpang kapal dan memancing ikan di Sungai Klang. Sekarang pun boleh, kalau sekarang pun boleh baguslah, sepanjang Sungai Klang bukannya setengah-setengah bahagian sahaja. Jadi saya rasa kita ada satu *'target'* kena ada satu *'target'* apakah piawaian dan apakah ceteria yang kita nak buat sebab kalau di Singapura program itu berlaku bermula kalau saya tidak silap tahun 1978. Masa itu Mending Lee Kuan Yew kita ada *'target that is ten years from now 1978 atau 1980 we can go to Singapore river and we can fish there'*. Boleh memancing ikan di situ sebab kita boleh memancing sepanjang Sungai Klang. Kalau boleh saya rasa kalau ini *'target'* kita maka kita perlu melihat, merancang dari tahun 2025 kita buat *'backward lah'* apa kita nak buat tahun depan, tahun 2017, 2018, 2019, 2020 dan sebagainya. Jadi saya rasa ini adalah *'parameter'* yang perlu kita pertimbangkan dalam merancang program-program ini dan saya berharap input-input yang disalurkan kepada pihak EXCO dapat dipertimbangkan dengan sewajarnya, sekian terima kasih.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, SMART Selangor, Selangor maju rakyat terpelihara muka surat 185 P01 PK 9005 Kerajaan Tempatan, Seri Serdang ingin menyambut perhatian berkenaan dengan pembangunan kod kondominium 31 tingkat yang mengandungi 3 fasa memohon supaya kerajaan tempatan dan melihat semula di mana pembangunan ini di tengah-tengah Taman Seri Serdang. Walaupun.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Serdang, minta duduk dulu. Yang Berhormat sekalian jam telah menunjukkan jam 1.00 petang saya menangguhkan sesi ke jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : *Assalamualaikum* dan selamat petang. Dewan disambung semula. Dipersilakan Seri Serdang.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Muka surat 185 P01 PK9 9005 Kerajaan Tempatan. Seri Serdang mengharapkan pembangunan di bawah Kerajaan Tempatan ataupun PBT dikaji semula kebenaran merancang seperti mana baru-baru ini pembangunan kondominium 31 tingkat yang mengandungi 3 fasa di tengah-tengah Taman Seri Serdang. Rakyat di bawah Seri Serdang merasakan kurang senang kerana tempat itu yang sekarang pun dah memang banjir dan ditambah pula dengan pembangunan yang agak tidak menepati dari segi daftar penduduk dan juga kesibukan yang ada di situ begitu juga dengan jalan-jalan yang terlalu kecil untuk kondominium tersebut. Tambahan pula kondominium ini adalah kondominium yang mahal RM500,000.00 ke atas yang tidak mampu oleh penduduk tempatan.

Yang kedua, muka surat 251, P13 PK5 5102 membina kolam takungan di Seri Serdang. Banjir telah berlarutan sehingga hari ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Pejabat Daerah Petaling, JPS, MPSJ dan seluruh yang berkaitan dalam waktu terdekat dalam perbincangan minggu lepas adalah untuk menaiktarafkan membina kolam takungan di Seri Serdang secepat yang mungkin. Muka surat 262, P14 PK3 berkenaan dengan masjid. Seri Serdang memohon pihak negeri memberi sedikit peruntukan untuk disiapkan masjid Kampung Seri Aman setakat ini 45% telah pun dibina daripada sumbangan orang ramai yang mempunyai penduduk lebih kurang 4000 orang yang tidak ada masjid hanya sebuah surau untuk digunakan solat Jumaat tidak dapat menampung. Seterusnya muka surat 271, P14 PK4 4101 Surau At-Taqwa Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir Batu 14 Puchong. Seri Serdang ingin memohon kepastian bahawa status tanah di tapak surau tersebut. Pihak surau telah beritahu kepada saya sendiri bahawa tapak surau itu tidak dikenal pasti adakah sebenarnya tapak surau atau tanah biasa kediaman. Yang kedua mohon pihak negeri perbesarkan dan juga menyediakan tenaga pengajar yang mahir terutama di tempat orang asli ramai yang mualaf yang baru masuk Islam.

Seterusnya muka surat 263, Seri Serdang ingin membawa P14, PK1 1105 SRA Puchong Perdana peruntukan RM8 juta. Puchong Perdana penduduk untuk makluman melebihi 5000 orang. Tapak untuk bangunan sekolah sudah ada bersebelahan dengan Masjid As-Salam Puchong Perdana. Diharap pada 2017 Seri Serdang amat berharap dimasukkan pembangunan ini untuk giliran Seri Serdang pada tahun 2017. Di Seri Serdang hanya satu sahaja SRA yang di bawah DUN Seri Serdang iaitu di BK 4 Bandar Kinrara 4. Keperluan yang meningkat di kalangan

penduduk amat ketara. Di sini saya ingin mengucapkan terima kasih atas pemberian sumbangan merakyatkan ekonomi Selangor terutama di bulan perayaan Islam Bulan Ramadhan, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Seri Serdang memohon supaya keprihatinan pihak kerajaan memberi lebih sedikit daripada DUN yang kecil-kecil sebab saya tahu Dato' Menteri Besar telah maklum DUN Seri Serdang adalah DUN yang teramai sekali di negeri Selangor dan Malaysia dan diharap peruntukan ini haruslah dipertimbangkan berdasarkan ramainya penduduk di situ. Wallahualam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Taman Medan ingin membahaskan beberapa perkara dalam peruntukan pembangunan PK 4 muka surat 180 bawah kod objek 04003 Program Pembangunan Modal Insan. Terdapat satu program perintis yang dipanggil Briged Prihatin yang telah dimulakan untuk dikenal pasti sama ada ia boleh diteruskan atau tidak hanya soalnya di sini adakah keputusan tersebut telah dibuat untuk diteruskan dan adakah ia akan menerima peruntukan untuk tahun 2016. Kod objek 04004 Program Generasi Idaman Selangor (GEMS) terdapat sebuah pejabat GEMS di bawah DUN Taman Medan ini bermula di bawah mantan EXCO lagi dari Selat Kelang namun demikian Taman Medan tidak terlibat ataupun tidak pernah dibawa berbincang tentang pelan perancangan tahunan projek ini ataupun GEMS singkatannya sejak penubuhannya. Jadi mohon pencerahan dan juga penjelasan.

Seterusnya muka surat 183 kod objek PK7 07002 dinaiktarafkan infrastruktur sukan. Ini berkaitan dengan infrastruktur sukan yang sedia ada keperluan untuk dinaiktarafkan terdapat sebuah padang di Jalan 227 Seksyen 51A yang sedang dinaiktarafkan padang bola di kawasan tersebut. Hanya permohonan Taman Medan adalah untuk dinaiktarafkan Dewan Serba guna yang sentiasa digunakan untuk aktiviti sukan di dalamnya. Menjadi sebuah kompleks mini sukan yang akan menempatkan gelanggang futsal berbumbung juga gelanggang tenis dan mungkin sukan-sukan lain yang berkaitan. Memandangkan tidak ada kemudahan yang sepertinya untuk penduduk yang agak padat di kawasan tersebut. Jadi digunakan tempat yang sedia ada tapi ditambah dengan kemudahan-kemudahan yang lain.

Kemudian seterusnya muka surat 190 kod projek PK14 14011 perpustakaan bergerak. Taman Medan ingin meminta supaya dapat dipertimbangkan sebuah ataupun dilibatkan sama untuk mendapatkan perkhidmatan perpustakaan bergerak. Memandangkan tidak ada lagi ataupun kekurangan tapak-tapak baru untuk pembinaan perpustakaan di kawasan bandar jadi keperluan kepada perpustakaan bergerak ini sangat tinggi kerana penduduk di sekitar kawasan di dalam DUN Taman Medan hanya sekarang tertumpu pada sebuah sahaja perpustakaan bawah seliaan perpustakaan PPAS. Jadi mohon untuk dipertimbangkan dapat dijalankan perpustakaan bergerak.

Seterusnya bawah kod projek 15003 muka surat 191 bawah tajuk kehidupan bandar komuniti sejahtera. Terdapat banyak taman perumahan bertingkat di dalam DUN Taman Medan dan didapati terlalu banyak kekurangan ataupun kemudahan yang dikompromi oleh pihak pemaju semasa pembinaan kawasan-kawasan perumahan tersebut. Oleh yang demikian, Taman Medan ingin memohon daripada pihak kerajaan supaya dapat diberikan satu kualiti kehidupan bandar yang lebih baik dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan tak semua sebenarnya kemudahan bertingkat ini mempunyai dewan. Jadi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tidak dapat dijalankan sedangkan penduduknya begitu ramai di satu tempat tertumpu pada satu tempat kemudahan juga ruang untuk belajar bagi anak-anak penghuni pangsapuri. Disediakan ruang untuk belajar dan ditingkatkan kadar ataupun tahap keselamatan sebab apa yang didapati ramai pemilik motosikal membawa naik motosikal mereka menggunakan lif kerana khuatir motosikal mereka akan dicuri. Jadi ini menyebabkan masalah lain. Kerosakan kepada lif dan ini seterusnya akan menimbulkan masalah yang lebih teruk kepada penduduk jadi kalau dapat diberikan ataupun ditingkatkan tahap keselamatan di kawasan menyediakan kemudahan berekreasi juga sebab didapati kebanyakan pembangunan kawasan bertingkat kos rendah ini selalunya dia hanya menyediakan *pocket of space* dengan izin apa yang tertinggal berbaki daripada pembangunan fizikal sebuah bangunan jadi tidak mencukupi untuk memberi penduduk kawasan perumahan bertingkat itu kemudahan untuk berekreasi.

Seterusnya muka surat 195 bawah kod projek 19003 bawah tajuk pengambilan balik tanah. Taman Medan ingin bertanya adakah pengambilan alih tanah ini ada satu projek khusus kerana Taman Medan ingin cadangkan kalau sekiranya belum ada pengambilan tanah untuk pembinaan sebuah taman rakyat. Taman rakyat yang kalau mengikut dalam ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebuah taman rakyat akan dibina di seksyen 13, Shah Alam. Jadi sekiranya dapat diadakan juga taman rakyat di kawasan paling padat di Petaling Jaya Taman Medan ingin cadangkanlah pengambilan tanah di bekas lombong Seri Manja untuk dijadikan sebuah taman rakyat.

Seterusnya muka surat 228, PK2 pembinaan membina jambatan dan jejantas terdapat sebuah jejantas yang merentas Lebuhraya Pantai Baru NPE pada hari ini yang memberi kemudahan laluan bagi mereka yang bermotosikal dan juga pejalan kaki. Namun jejantas tersebut sudah menjadi sangat sesak setiap hari apabila penduduk ingin pergi ke tempat kerja dan juga pulang daripada tempat kerja untuk kembali ke rumah. Jadi Taman Medan ingin mencadangkan jejantas kedua bagi memberi kemudahan kepada penduduk di kawasan perumahan kos rendah untuk kemudahan mereka pergi ke tempat kerja dengan tidak perlu terpaksa keluar daripada rumah pada awal subuh untuk melepasi laluan yang sesak tersebut jadi Taman Medan ingin mencadangkan laluan jejantas baru dari PJS 1 ke Seksyen 1 Petaling Jaya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan, Bukit Gasing mintak pencerahan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Silakan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Sebagai DUN bersebelahan yang menjadi penerima jejantas ini saya menyokong sangat cadangan yang dibawa oleh Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Terima kasih Bukit Gasing sebab saya dapati ini juga merupakan masalah bagi kawasan seksyen 1 bawah Bukit Gasing kerana kesesakan berlaku di waktu balik waktu kerja.

Seterusnya, muka surat 262, PK1 Sekolah-sekolah Agama. Terdapat beberapa sekolah-sekolah rendah agama di dalam DUN Taman Medan yang memerlukan peruntukan bagi menaiktarafkan kemudahan yang diperlukan oleh Sekolah Rendah Agama tersebut. Pertama adalah SRA Kampung Medan 1 yang hari ini terpaksa mengutip derma daripada para ibu bapa untuk menyiapkan lantai tapak perhimpunan pelajar-pelajar. Hanya sekarang ini tapak tersebut tidak habis dipasangkan *tiles* atau pun jubin kerana tidak cukup peruntukan. Jadi Taman Medan berharap dengan peruntukan yang besar kali ini dapat disalurkan kepada sekolah-sekolah yang sangat memerlukan peruntukan tambahan ini untuk kemudahan asas. Yang keduanya adalah SRA Ibnurus di Seksyen 3, Petaling Jaya. Sekolah ini dia terletak di kawasan yang harga tanahnya agak tinggi tetapi bilangan penduduknya sudah bertambah dan bilik darjah sebenarnya perlu ditambah. Hanya tidak dapat dikembangkan atau pun dibesarkan sebab tidak dapat membeli tanah yang bersebelahan, jadi mohon dapat dipertimbangkan. Jika dapat diambil alih ya, tanah bersebelahan dengan lot SRA Ibnurus yang sedia ada. Kemudian, bawah PK4 surau-surau, terdapat dua surau

.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Taman Medan masa *limited* sangat ini.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ada dua saja lagi ini. Saya ringkaskan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pendekkan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Ini pun dah ringkas juga ini. Ada dua surau yang di cadangkan untuk dibina dan telah dimulakan mengumpul dana hanya dia tidak dapat dilakukan sehingga hari ini. Sudah berlanjutan saya rasa lebih daripada tiga tahun. Jadi saya tengok keadaannya sangat menyedihkan kerana tapak salah satu surau itu sudah jadi tapak perniagaan haram, kerana tidak dapat dibangunkan surau di situ. Jadi saya mohon supaya Jabatan Agama Islam mempertimbangkan peruntukan tambahan untuk pembinaan surau-surau tersebut. Satu di Surau Ishtiklal di PJ 1, kedua Surau Taqwa di PJS 2 dalam Taman Ehsan Mentari 2. Kemudian yang ketiga adalah Surau Al-Falah tambahan peruntukan

untuk baiki struktur yang daif, suraunya macam nak runtuh ya dan yang akhir, *alhamdulillah* yang akhir sekali adalah muka surat 276, bawah PK 2 Perancangan Dasar. Taman Medan mohon supaya JPBD mengenal pasti tapak baru untuk kubur penganut-penganut Kristian kerana Taman Medan mendapat permohonan, permintaan daripada penduduk bahawa tidak ada lagi kawasan untuk digunakan bagi perkuburan penganut agama Kristian. Tapak yang sedia ada terletak di Seksyen 51(A) atau pun dalam kawasan DUN Kampung Tunku. Jadi tapak tersebut pun sudah penuh, jadi Taman Medan mohon supaya JPBD mengenal pasti kawasan yang boleh dijadikan tapak perkuburan penganut agama Kristian. Jadi dengan itu, Taman Medan mohon mencadangkan, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker, saya Cuma akan *highlight*kan di bawah tiga Vot. Yang pertamanya saya ingin merujuk kepada Vot P01 di bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di muka surat 178 di bawah PK2 Luar Bandar, melibatkan 02004 Program Pembangunan Desa dan juga 02005 Kemudahan Awam atau pun Asas Desa.

Saya ingin menarik perhatian kepada pihak kerajaan negeri bahawa ada dua lagi kampung merupakan kampung penempatan semula iaitu Kampung Sungai Bakau dan juga Kampung Sungai Dua yang mana amat kurang daripada segi kemudahan asas dan juga pembangunan yang sepatutnya. Termasuk sistem jalan yang tidak tersusun, longkang, lampu dan juga padang rekreasi. Jadi saya mohon kalau boleh pihak kerajaan negeri boleh ambil satu pendekatan yang mana kerajaan negeri keluarkan sejumlah peruntukan khas untuk membuat satu plan perancangan yang lebih teliti untuk kampung tersebut sebelum penduduk kampung masuk dan bina rumah. Keadaan yang berlaku atas tapak sekarang adalah rumah telah dibina sama ada di atas rizab jalan, rizab longkang atau pun rizab sungai. Jadi saya harapkan kalau boleh kerajaan negeri yang keluarkan sejumlah wang untuk bina semua infrastruktur asas ini untuk kedua-dua kampung ini. Jadi dengan itu, saya rasa dia akan menambah nilaikan untuk penduduk yang akan pindah masuk atau pun bina rumah kemudian dan tidak timbulkan banyak masalah kepada baik kepada pihak Jabatan Tanah atau pun PBT sekiranya rumah-rumah ini dibina atas rizab-rizab kemudahan asas tersebut.

Yang kedua juga saya mohon kalau boleh pihak kerajaan negeri melalui EXCO yang berkenaan juga menambahkan peruntukan untuk naik taraf kemudahan sukan khasnya di Kampung Kenanga. Permohonan ini juga pernah dikemukakan dan kampung ini sebenarnya juga mohon kalau boleh balai raya mereka juga di naik tarafkan. Sebab kita sedia maklum sekarang keadaan kampung khasnya di kawasan Rawang, tanah yang ada sedia ada memang kurang jadi apa yang kita boleh gunakan atau pun pendekatan yang kita gunakan adalah optimumkan tanah yang sedia ada. Sama ada kita boleh membuat bangunan bertingkat dengan adanya

balai raya, pejabat dan kemudahan yang sepatutnya. Jadi ini saya mohon pertimbangan pihak kerajaan negeri. Seterusnya saya merujuk kepada muka surat 185 di bawah PK9 Perbandaran iaitu merujuk kepada Kemudahan Awam PBT. Rawang ingin memohon kalau boleh pihak kerajaan negeri keluarkan juga peruntukan untuk menaiktarafkan kedua-dua pasar di kawasan Rawang iaitu Pasar Moden Pekan Rawang dan juga Pasar Bandar *Country Homes* khasnya daripada segi ciri-ciri keselamatannya. Contohnya di Pasar Bandar *Country Homes* Rawang baru-baru ini, banyak kecurian berlaku dan baru-baru ini juga dengan kerjasama penjaja sendiri yang mereka buat rondaan sukarela pada waktu malam selepas mereka buka gerai dapat tangkap pencuri yang pecah masuk beberapa kali. Jadi mereka mohon kalau boleh kawasan itu adalah amat terbuka dan pengawal yang sedia ada sebenarnya tidak dapat kawal dengan begitu ketat. Jadi yang pertama mohon kalau boleh dipagarkan kawasan pasar itu dan kedua pengawal yang bertugas juga dibekalkan kalau boleh dipasangkan CCTV dalam kawasan pasar untuk mereka membantu memantau. Begitu juga untuk Pasar Moden Pekan Rawang yang mana sebenarnya Pasar Moden Pekan Rawang ini sudah dibina sejak tahun 2007 di bawah satu projek penswastaan antara pihak kerajaan Negeri Selangor pada waktu itu dengan pihak pemaju. Tetapi apa yang kita kenal pasti adalah ada banyak *defects* dengan izin, dengan struktur bangunan, jadi banyak kali aduan tentang siling ada pecahan paip dan sebagainya. Jadi saya nampak pihak MPS juga bertindak tetapi dia selalu berulang. Maksudnya ada bangunan itu perlu satu pemeriksaan yang lebih menyeluruh supaya kita boleh lakukan naik taraf dengan sekali gus, bagi menceriakan pasar tersebut. Dan sekali gus menarik minat penduduk-penduduk atau pun pengunjung kepada pasar-pasar ini. Dan saya juga mohon kalau boleh di pihak kawasan DUN Rawang juga ditambahkan tempat-tempat atau pun gerai-gerai dan bengkel untuk penjaja kecil atau pun sederhana. Ini satu kemudahan awam yang amat kurang di kawasan Rawang. Walaupun Rawang mengalami pembangunan yang pesat kebelakangan ini tetapi apa yang saya perhatikan bahawa pembangunan itu lebih kepada komersial untuk mereka yang boleh mendapat modal yang besar dan tinggi. Tetapi penjaja yang kecil dan sederhana ini banyak dipinggirkan dalam pembangunan ini. Jadi saya harapkan bahawa kerajaan negeri melalui PBT perlu mainkan peranan untuk menyediakan tapak-tapak perniagaan seperti ini khasnya untuk penjaja kecil dan sederhana supaya mereka juga boleh mencari sumber rezeki melalui tapak-tapak yang disediakan ini.

Dan seterusnya saya merujuk kepada PK14 Perpustakaan tentang Perpustakaan Bergerak dan Rawang ingin bertanya dan seperti Taman Medan juga kalau boleh kita perbanyakkan gerakan perpustakaan bergerak ini. Dan kalau boleh ditambahkan pelbagai fungsinya, dinaik tarafkan bukan saja macam perpustakaan yang konvensional mana kita ada buku-buku. Kalau boleh kita sudah ada *Wifi*, kita pasang sekali dan dia ada apa kemudahan multimedia dalam perpustakaan bergerak itu. Tetapi saya ingin bertanya sekarang pihak di Negeri Selangor kita ada berapa unit perpustakaan bergerak yang sedia ada? Saya difahamkan sebelum ini ada

tetapi banyak yang telah rosak dan disimpan tetapi tidak digunakan. Jadi kalau boleh kita mohon ditambahkan sebab di Rawang juga saya cuma ada sebuah perpustakaan cawangan Rawang itu pun ruangnya amat kurang, tetapi kita nampak kalau kita hendak pupuk minat baca di kalangan penduduk maka perpustakaan bergerak ini memainkan peranan yang begitu penting. Dan seterusnya saya merujuk kepada muka surat 193 di bawah PK17 Projek Khas Kerajaan Negeri. Saya ingin mencadangkan kalau boleh pihak Kerajaan Negeri membuat kajian untuk membina sebuah *crematorium* di kawasan Rawang. Sebenarnya sudah ada satu tapak cadangan yang telah kita kenal pasti di sebelah tanah perkuburan Hindu atau pun India di kawasan Rawang. Dia ada satu tapak yang begitu luas sekali dan kita nampak ada sesuainya untuk dibina *crematorium* di situ di bawah pengendalian pihak PBT atau pun pihak kerajaan negeri atau pun sebagainya. Sebab sekarang penduduk perlu pergi sama ada ke Cheras atau pun kawasan Ijok, Kuala Selangor untuk urusan *crematorium*. Jadi saya harap kalau boleh kajian juga dibuat untuk dibina di sebuah *crematorium* di kawasan Rawang.

Dan Rawang juga mohon kalau boleh di bawah Projek Khas Negeri ini dikeluarkan sejumlah peruntukan untuk bina sebuah Kompleks Sukan Serba guna di Rawang, sebab sekarang memang tiada kemudahan seperti ini di kawasan Rawang dan penduduk yang semakin bertambah dengan pembangunan yang pesat sudah tentunya kita perlukan lebih banyak kemudahan awam atau pun rekreasi seperti ini supaya penduduk ada satu kualiti hidup yang lebih baik dan seimbang.

Seterusnya saya ingin kepada Vot PK12 di bawah Jabatan Kerja Raya Selangor muka surat 229 PK1 Pelbagai Rancangan di bawah 01003 Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat seluruh Selangor. Rawang mohon kalau boleh diperuntukkan untuk memasang lampu jalan di sepanjang Jalan FT 3209 iaitu satu jalan persekutuan, B27 dan FT 01 iaitu Jalan Ipoh, jalan persekutuan juga. Saya difahamkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas ini banyak permohonan peruntukan yang dibawa oleh JKR Selangor tidak dilayan atau pun tidak dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas. Maksudnya banyak jalan di Negeri Selangor ini tidak kira jalan persekutuan atau pun negeri kita banyak bergantung pada pihak kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan kemudahan. Sepatutnya khasnya lampu jalan yang perlu terangkan sepanjang jalan itu untuk keselamatan jalan. Itulah sebabnya saya mohon ketiga-tiga jalan ini, jalan utama yang digunakan dalam kawasan Rawang iaitu FT 3209, B27 dan FT 01 dikaji untuk dipasang lampu jalan khasnya kalau boleh lampu jalan *LED*. Yang saya nampak memang sekarang begitu bagus boleh terangkan kawasan dipasang di kawasan yang gelap sebab banyak permohonan daripada penduduk di kawasan Rawang untuk jalan-jalan tersebut.

Dan khasnya saya juga untuk rujuk kepada PK4 Menaik Taraf Jalan muka surat 234 di bawah Kod 04204 Menaiktarafkan Jalan B27, Fasa 3 dari simpang Bandar *Country Homes* Rawang ke sempadan ke daerah Kuala Selangor. Rawang ingin

mengucapkan ribuan terima kasih atas kelulusan peruntukan kerajaan Negeri Selangor seperti sebelum ini untuk naik taraf Jalan B27 untuk Fasa 2 ini. Tetapi saya difahamkan bahawa Fasa 3 ini kalau merujuk ke dalam buku cuma ada RM10 sahaja. Saya difahamkan bahagian ini sepatutnya dijalankan oleh pemaju masing-masing kalau boleh saya harapkan disegerakan sebab sekarang naik taraf Fasa yang kedua tengah dijalankan atas tapak di simpang *Country Homes* sampai lebih kurang 1.2km sahaja. Tetapi ini tidak mencukupi untuk mengatasi masalah kesesakan untuk sepanjang jalan B27 ini. Jadi saya harap kalau boleh kerja-kerja untuk naik taraf B27 ini disegerakan memandangkan pembangunan yang pesat di kawasan berkenaan dan sebelum ini ada cadangan supaya ditubuhkan satu Tabung Amanah B27 yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor tetapi kalau boleh saya mohon supaya pihak Kerajaan Negeri sendiri yang mencarumkan sejumlah wang dulu untuk kita mulakan kerja ini dulu secara holistik di atas tapak sebab kita jangkakan kalau keadaan ekonomi yang agak *slow* pada tahun depan maka pemaju akan ambil masa untuk memulakan projek pembangunan mereka dan seterusnya mencarum ke dalam Tabung Amanah B27 ini, jadi jalan yang paling efektif yang saya nampak yang saya cadangkan adalah pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk mencarum sejumlah wang dahulu ke dalam Tabung Amanah B27 ini supaya kita boleh mulakan dan habiskan semua kerja naik taraf untuk B27 dan saya mohon kalau boleh di bawah PK(4) ini menaik taraf jalan ini juga ditambahkan juga satu projek naik taraf untuk jalan B25 iaitu Jalan Bistro Kuang yang menghubungkan dengan *bottom neck* dengan izin di simpang Kilang Lafarge iaitu yang menghubungkan FT3209 ini juga satu *bottom neck* yang begitu nyata di kawasan Rawang dan sebenarnya kalau kita tengok jalan sistem jalan itu memang tidak sistematik dan tidak selamat sebab sebelum masuk ke *bottom neck* itu adalah lorong kita ada tiga lorong tetapi sampai *bottom neck* sahaja tinggal dua lorong maksudnya *two and flow*, satu sahaja.

Jadi bila selalunya kenderaan berat lori-lori kuari yang keluar dan sebagainya bila kalau rosak sahaja tengah jalan maksudnya tiada laluan lain jadi atau pun laluan alternatif untuk kereta-kereta yang lain untuk menggunakan jalan tersebut jadi saya hara kalau boleh B25 ini juga dimasukkan dalam projek naik taraf jalan untuk pihak Kerajaan Negeri pada tahun hadapan dan akhir sekali saya ingin menyentuh di bawah P13 Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor di bawah PK (1) pembangunan projek Tambatan Banjir muka surat 244 di bawah Lembangan Sungai Selangor Daerah Gombak. Rawang ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas tindakan proaktif yang diadakan oleh pihak JPS Selangor dan juga JPS Daerah Gombak dalam membantu untuk menyelesaikan isu banjir-banjir kilat di kawasan Rawang dan setakat ini beberapa projek telah dirancang dan diluluskan dan ada satu lagi projek yang sekarang dijalankan atas tapak yang dijangka akan disiapkan pada hujung tahun 2015 ini dan ini banyak telah banyak menyediakan menyelesaikan isu banjir kilat di kawasan Rawang tetapi kalau boleh saya ingin cadangkan pihak JPS boleh buat satu kajian yang lebih menyeluruh selain menyelesaikan kawasan isu-isu banjir kilat ini di kawasan-kawasan tertumpu tetapi kita ambil kira satu kajian tentang

water catchmen dan jumlah kuantiti air dan sebagainya di dalam sesebuah DUN itu dan dengan itu dia ada satu perancang yang lebih holistik untuk kita bukan sahaja menyelesaikan isu banjir tetapi kita juga boleh gunakan sumber air ini sebaiknya untuk kesejahteraan DUN itu jadi itu sahaja yang ingin saya katakan Rawang menyokong usul pembangunan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sebelum saya memanggil Yang Berhormat lain untuk berbahas saya nak sekali lagi mengingatkan supaya kita memfokuskan kepada item dalam buku ini kalau Yang Berhormat bercakap mengenai kajian menyeluruh Selangor minta jalan lampu seluruh jalan saya percaya sudah dibangkitkan oleh semua Yang Berhormat kita tak perlu sebut lagi itu tinggalkan fokus kepada item yang spesifik dalam buku ini. Boleh ya untuk jimatkan masa. Saya persilakan Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN : Terima kasih, kepada Speaker *Bismillahi Rahmani Rahim* saya ucap terima kasih kerana memberi saya peluang bersama-sama untuk membahaskan pembangunan ini, saya terus sahaja kepada muka surat 206 iaitu Pembangunan Tanaman Buah-buahan selama ini kita dengar sungai, jalan sahaja kita perbahaskan tetapi tanaman buah-buahan ini belum lagi dibahaskan. Dan saya merujuk kepada muka surat 206 Vot P08 PK(404001) Kod Projek 04002 iaitu Tanaman Kekal dan juga tanaman singkat masa atau pun kontang.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa buah-buahan yang sekarang ini banyak kita dapati di seluruh negeri Selangor ini iaitu buah-buahan yang tidak begitu mendatangkan punca pendapatan yang agak banyak seperti yang mangga di Sekinchan ada tapi tak sedap tapi berapa sedap dan begitu juga di tempat-tempat lain tapi saya ingin fokus kepada durian sekarang ini yang mana durian ini kita tengok bermacam-macam jenis durian iaitu seperti durian Musang *King*, Udang Merah dan ini boleh mendatangkan hasil yang cukup lumayan malahan sekilo durian Udang Merah ini sampai RM50.00, RM60 dan kawasan yang saya rasa cukup sesuai untuk kita menanam balik buah-buahan seperti durian ini dua tempat sahaja di Selangor yang terkenal daripada dulu hingga sekarang dan sampai bila-bila iaitu Dusun Tua dan juga Gombak dan Gombak kita melihat sekarang ini telah menjadi satu tempat pembangunan yang agak hebat dan dusunnya saya pergi tengok dah banyak dan tak ada tapi di Dusun Tua dusun ini masih kekal lagi sebab itu di sana di panggil dusun tapi dan tua.

Oleh kerana itu, saya minta pada petang ini Kerajaan Negeri memberi peruntukkan yang banyak pada Dusun Tua ini supaya kita bangun balik dusun-dusun yang tua ini supaya menjadi dusun muda dan maksud saya ini iaitu durian-durian dusun-dusun yang telah pokoknya hampir 70 tahun, 80 tahun kita usahakan supaya kita tanam durian-durian baru ini dan *Insyaa-Allah* pengusaha-pengusaha dusun ini telah pun berjumpa dengan saya dan menanya dengan saya Apakah Kerajaan Negeri tidak ada satu cadangan supaya mereka ini diberi peruntukan untuk membangunkan

balik dusun-dusun mereka ini tanam dengan klon-klon yang baru ini jadi Insya-Allah petang ini saya mengharapkan supaya pihak Kerajaan Negeri lagi sekali saya ulang supaya memberi keutamaan kepada Dusun Tua untuk kita bangunkan balik dusun-dusun buah-buahan ini terutama dusun atau pun buah-buahan durian ini Insya-Allah.

Dan yang kedua, iaitu yang saya kata tadi Kod Projek 04002 iaitu Tanaman Singkat Masa kita dimaklumkan juga bahawa Kementerian Pertanian ini kadang-kadang mereka ini memilih-milih untuk memberi bantuan baja dan juga benih-benih kepada pekebun-pekebun ini yang mana seperti berlaku di Dusun Tua, saya dimaklumkan oleh koperasi Jabatan Pertanian ini yang mana mereka dibiarkan begitu sahaja telah menanam pisang hampir 4, 5 ekar beratus pokoknya tapi tak ada bantuan daripada Kerajaan Negeri Jabatan Pertanian maka mereka akan mengusahakan dengan pendapatan sendiri dan juga modal sendiri untuk mereka nak membesarkan pokok pisang itu dan selepas itu bila berbuah pisang itu tidak dapat sepatutnya dia ukurannya begitu kerana baja kurang dan juga tidak ada ambil perhatian daripada Jabatan Pertanian dan saya minta supaya Jabatan Pertanian mengagih-agihkan baja dan juga anak-anak benih ini biarlah secara menyeluruh jangan pilih-pilih dan mereka nanti akan menjadi satu masalah besar untuk mereka untuk mereka usahakan tanah-tanah seterusnya. Seterusnya saya ingin merujuk kepada muka surat 245 iaitu Vot P(13) PK(1) Kod Projek 01501 iaitu berhubung dengan projek Tebatan Banjir Sungai Serai jadi Alhamdulillah sekarang ini nampaknya banjir di Dusun Tua kalau ikutkan dulu hujan macam ini di Dusun Tua itu di Sungai Serai itu air dah naik dah banjir tapi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang ini saya sokong Kerajaan Persekutuan kerana mereka telah membantu membesarkan *culvert* yang ada di jalan Sungai Serai itu dan depan masjid dan sekarang ini air sudah mudah lalu dan projek itu dulu telah dilaksanakan tak silap saya hampir 7 juta dan sekarang ini saya melihat projek tambatan banjir Sungai Serai ini disambung lagi dan Insya-Allah saya mengharapkan supaya projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin kerana hujan atau pun kerana keadaan tengkujuh sekarang ini akan bertambah teruk lagi hujung bulan ini dan kalau boleh tidak lah sampai begitu cepat tetapi untuk masa yang akan datang saya minta supaya projek ini dilaksanakan dengan segera *insya-Allah*.

Seterusnya kepada muka surat 272 iaitu Vot P(14) PK 4 Kod Projek 04000 Baik Pulih Surau kita sedia maklum bahawa negeri Selangor ini negeri yang maju negeri yang dianggap fizikalnya hebat semestinya surau, masjid banyak seperti mana negeri-negeri yang lain oleh sebab itu, baik pulih surau dan masjid ini saya boleh lihat di sini lebih kurang 2juta peruntukannya saya rasa ini tidak boleh menampung keperluan untuk kita nak baik pulih masjid dan surau kerana masjid dan surau ini semua pun banyak masjid-masjid, surau-surau baru yang akan dibina pada 2016 dan Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi peruntukan sebanyak ini saya yakin bahawa kita tidak dapat membantu surau dan masjid untuk kita baik pulih. Jadi ini menjadi rungutan kepada masyarakat mereka tahu bahawa kerajaan Negeri rizabnya tetapi surau dan masjid masih lagi dengan keadaan seperti mana dulu dua tahun dulu tiga

tahun dulu masalahnya kerana kita mohon pihak JAIS tidak dapat memberi permohonan itu sepenuhnya kerana bajetnya terhad bajetnya tak cukup jadi kita minta kerjasama daripada Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan ini supaya perkara ini dapat kita bantu surau-sarau dan masjid untuk di baik pulih dengan kadar segera.

Dan yang terakhir Dusun Tua, merujuk kepada muka surat 287 Vot P(17) PK 5 Kod Projek 05002 Penternakan Mesra Alam. Ini lagi satu masalah kerana minat daripada masyarakat untuk mereka ini menternak lembu, kambing, dan juga ayam kampung terutamanya saya rujuk lagi sekali di tempat saya di Dusun Tua terlampau banyak sekali sekarang ini orang yang berminat untuk menternak lembu dan kambing ini tapi masalahnya mereka menternak lembu dan kambing tanah sendiri tetapi cara mereka menternak lembu dan kambing ini tidak ikut seperti mana sepatutnya mereka laksanakan. Bau busuk tahi kambing, tahi lembu, masyakat kadang-kadang melihat bahawa ini satu perkara yang tak sepatutnya mereka lakukan mana perginya Veterinar, mana perginya Jabatan / Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab tak kan mereka biarkan begitu sahaja. Jadi kerana itu kita minta supaya pihak-pihak agensi yang bertanggungjawab mesti melihat ini satu keperluan yang amat sangat kerana masyarakat melihat walaupun lembu banyak kambing banyak tapi mereka tak selesa dengan keadaan yang begini jadi *Insyaa-Allah* saya mengharapkan supaya apa yang kita bincangkan apa yang kita bahaskan pada kali ini minta supaya Kerajaan Negeri memberi perhatian seterusnya untuk yang seperti mana kita "Peduli Rakyat" jadi rakyat kesempurnaan ini saya menyokong, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Damansara

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker saya ingin merujuk kepada Vot P(16) Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor Kod Projek 02001 Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Untuk makluman...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, muka surat berapa?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Muka surat 278. Sebagai mana yang dimaklumkan tadi saya ingin lah nak membawa satu kawasan di mana iaitu Tasik Kova yang berada di kawasan pembangunan Kod di jalan perindustrian satu ketika dahulu pembangunan itu dibangunkan dengan syarat bahawa Tasik Kova itu mesti di selenggara dengan baik sebab tasik itu amat cantik alam sekitarnya cantik segala tumbuh tumbuhannya juga memang cantik dan juga burung-burung sentiasa hinggap berkicauan di kawasan situ jadi alam sekitar ketika itu amat memberi suatu kenyamanan keselesaan dan memberi satu suasana yang begitu selesa untuk masyarakat setempat tetapi malangnya tiga tahun yang lepas, apa yang terjadi paras air tasik yang cetek, yang hanya tinggal 10% takungan air nya menyebabkan ramai pendatang asing terutamanya pendatang daripada Indonesia

memancing di kawasan tersebut. Kadang-kadang mereka menjala juga menyebabkan sampah dibuang merata-rata sama ada di dalam tasik mahupun di persekitaran tasik tersebut. Jadi banjir pendedahan ini, menjadikan penduduk di sekitar pembangunan KOVA ini tidak dapat menjalankan aktiviti riadah seperti berjoging, berbasikal dan sebagainya kerana menghalang laluan penjalan kaki dan laluan berbasikal. Jadi masalah pembuangan sampah yang berleluasa ini tidak dapat dikawal menyebabkan keadaan di persekitaran tasik dan di dalamnya, persekitaran tasik dan di dalamnya tersebut terlalu kotor. Ini membuatkan perumahan di sekitar pembangunan KOVA ini bukan sahaja di apa, di, menjadikan tempat pembiakan nyamuk aedes tetapi juga banyaknya langau-langau yang datang daripada kawasan ini. Ini lah yang menjadi masalah di kawasan tersebut dan juga loji kumbahan yang berdekatan turut mengeluarkan bau yang busuk semasa proses rawatan air juga turut mencemarkan persekitaran tersebut jadi saya nak menyarankan kepada pihak kerajaan untuk mengambil perhatian kerana memang tidak ada usaha untuk penyelenggaraan di kawasan tersebut. Ok saya juga nak merujuk kepada muka surat , ok muka surat 243, iaitu Vot P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor iaitu Kod Projek 01301, kat sini ada projek tambatan banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas, Kos projeknya sebanyak RM20 juta. Saya mengharapkan pembangunan ini di selenggara dengan sebaiknya kerana apa yang saya lihat sekarang banyak berlakunya apa ni, penyelenggaraan yang tidak mengikut spesifikasi yang, dan juga apa, mengikut kesesuaian di kawasan tersebut. Dan saya juga nak merujuk kepada P, muka surat 230 Vot P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor. Kod Projek 02101 iaitu membina jejantas berjalan kaki di Jalan Pekan Subang berhampiran Jalan Jati, iaitu bernilai 2juta. Saya Cuma nak menyeru kepada kerajaan negeri lah supaya mempercepatkan projek ini sebab di kawasan tersebut telah pun dibina pagar iaitu menghadang antara Kampung Melayu Subang dan juga Pekan Subang itu menjadikan masyarakat di situ tidak boleh melalui jalan yang sepatutnya mereka jalan dan memberi sedikit ketidakselesaan kepada masyarakat dan tidak, ia seolah-olah memisahkan masyarakat kampung dan juga masyarakat pekan. Jadi kalau boleh jejantas ini dibuat, saya tak tahu kenapa mereka membuat *divide* ini. Dia memberi, bukan memberi keselesaan kepada rakyat . Saya tak nampak dia mempedulikan rakyat tetapi macam dia dah tak peduli rakyat, antara rakyat di Kampung Melayu dan juga Pekan Subang. Jadi kalau boleh diambil perhatian dan juga mempercepatkan proses tersebut. Jadi itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Timbalan Speaker. Batu Tiga ingin membangkitkan beberapa perkara terutama dalam muka surat 182, minta maaf 182 P01 PK6 iaitu di bawah pembangunan, program pembangunan pembudayaan wanita yang mana telah pun dirujuk di sini ada RM3 juta peruntukkan. Jadi saya mohon, apakah pecahan-pecahan ya perancangan yang akan dibuat di bawah bajet RM3 juta ini, di bawah program pembudayaan wanita. Dan selain itu saya mohon

juga supaya saluran bajet yang telah dijangkakan ini terutama sebagaimana yang dijawab oleh YB EXCO dalam soalan bertulis saya tentang peruntukan yang disalurkan kepada semua PWB sewajarnya 30 ribu itu dapat diberikan secara terus kepada PWB kerana ia nya elok, kerana ia nya tidak menjadikan banyak birokrasi sehinggakan banyak program-program terganggu di pusat Wanita Berdaya. Apa yang kita, saya dapati bahawa jawapan yang diberi itu juga sebenarnya menunjukkan sehingga hujung tahun ini Batu Tiga hanya baru menerima sebanyak 7500 sahaja. Jadi saya yakin permohonan banyak. Itu tentang satu perkara di bawah bajet itu. Yang keduanya, di bawah PK yang sama, saya ingin merujuk kepada isu yang dibangkitkan pagi tadi iaitu tentang isu MAKMAS, saya ingin tanya kepada EXCO sebab EXCO ada menjawab ada program-program yang disusun tahun hadapan. Jadi saya nak tanya berapakah bajet yang disediakan di bawah peruntukan ini sebab ia nya penting, isu pemerdagangan wanita ini, pemerdagangan manusia ini adalah isu yang agak signifikan kerana dengan Selangor kerana Selangor dikatakan pintu masuk. Jadi saya ingin tahu berapakah bajet yang dinyatakan dan siapakah ahli-ahli mesyuarat MAKMAS yang ada sekarang ini, yang dilantik. Yang ketiganya di bawah PK6 yang sama, program pembangunan kanak-kanak, saya nampak tidak ada dinyatakan di mana-mana kod Objek di sini. Saya mohon supaya pihak kerajaan mengambil, mengambil inisiatif kerana isu kanak-kanak ini agak serius dan saya harap di bawah bajet keluarga ia juga menekankan isu-isu kanak-kanak ini. Seterusnya pengerusi, saya ingin merujuk muka surat 191 PK15 kod Objek 15003 di bawah kehidupan bandar iaitu kehidupan bandar komuniti sejahtera. Saya mohon pihak EXCO memberikan perincian program-program yang dirancang kerana bagi saya inilah program yang ditunggu-tunggu terutama bagi kami ADUN-ADUN yang sebenarnya dalam kawasan bandar raya dan bandar sebenarnya kita dah lihat banyak program-program ataupun banyak kawasan-kawasan bandar yang sekarang ini yang dah agak usang dan uzur. Jadi saya nak tanya adakah ada fokus pilot projek bagi benar-benar kita nampak tujuan ini dapat hasilnya. Kita nampak ada perancangan dan akhirnya kita boleh jadikan nya satu model di mana kehidupan bandar ini dapat *ditransformkan* atau diterjemahkan dalam konteks benar-benar bandar itu, nampak komuniti itu benar-benar sejahtera. Dan juga apakah ciri-ciri yang sebenarnya yang diletakkan oleh pihak kerajaan sehingga tercapai tujuan ini. Seterusnya Timbalan Speaker, saya ingin merujuk muka surat 182, 06003 bawah pembangunan kesihatan. Saya ingin membangkitkan isu-isu tentang berkaitan dengan denggi kerana bagi saya isu ini masih lagi ya, dekat di hati kerana kita nampak Selangor ini masih belum bebas daripada denggi. Jadi apakah, berapakah bajet yang akan diberikan melalui PBT dan ADUN. Saya *highlight* ini melalui PBT dan ADUN kerana kita tak mahu lagi program-program untuk kita banteras denggi ini akhirnya, ia nya diambil dari peruntukan sedia ada, ADUN-ADUN sedangkan peruntukan itu kecil. Jadi saya mohon supaya pihak kerajaan memberikan penjelasan sebenarnya berapakah bajet yang akan disalurkan melalui PBT dan ADUN supaya isu denggi ini dapat kita selesaikan. Dan apakah perancangan-perancangan khas yang dibuat di bawah P006003 ini untuk pastikan kawasan, kawasan *hotspot* denggi ini dapat diselesaikan. Seterunya Pengerusi saya ingin

bangkitkan muka surat 194 PK18 kod projek 18001, iaitu di bawah merakyatkan ekonomi negeri Selangor iaitu membantu mangsa keganasan domestik. Saya rasa ini program yang baik, yang wajar diberikan apa ni pujian kepada kerajaan kerana isu ini amat penting ditangani. Tapi ada soalan yang ingin saya nyatakan, siapakah NGO yang mendapat peruntukan 50ribu ini dan apakah ia nya hanya satu NGO yang akan mendapat sokongan ataupun bantuan ini dan sebenarnya jika ada, ya NGO-NGO lain, yang saya tengok banyak NGO-NGO yang *attach* atau pun bersekali dengan pihak hospital yang ada 6, *One Stop Centre* ini, dengan izin telah pun mengambil ya mangsa-mangsa keganasan ini dan tinggal di kawasan mereka. Tinggal di dalam organisasi mereka untuk dibantu sehingga mereka pulih, jadi apakah mekanisme pemberian RM50 ribu ini kepada NGO-NGO yang tertentu ataupun hanya ada spesifik NGO yang akan mendapat manfaat 50ribu ini. Jika ada NGO di luar sana yang ingin memberi bantuan untuk mangsa-mangsa keganasan ini, apakah langkah atau pun mekanisme yang akan di ataupun KPI *sorry*, kriteria yang ditentukan oleh pihak kerajaan. Yang akhirnya, pihak Timbalan Speaker, saya ingin membangkitkan isu muka surat 268 PK14 *sorry*, *Vot P14 PK303100* iaitu masjid. Saya rasa ini kali ke berapa saya bangun, saya fokuskan tentang isu di kawasan saya iaitu Batu Tiga merupakan satu kawasan yang agak padat penduduknya di mana surau-suara yang ada sekarang ini telah pun banyak di naik tarafkan sebagai, apa ni, masjid, *sorry*, tempat sembahyang Jumaat. Ha macam tu. Jadi bila hari Jumaat terlalu *pack*, kawasan-kawasan perumahan ini, dan Batu Tiga ini sebenarnya kawasan perindustrian. Ramai, banyak kilang-kilang di sekitar dan bila di naik tarafkan, dan, apa ni, lokasi surau-suru itu sebenarnya tidak lah mencukupi *parking* dan sebagainya akhirnya kawasan itu sesak dan banyak komplek kita dapati daripada kawasan penduduk. Tetapi apa yang saya nak timbulkan, saya rasa dan sekian banyak kali saya bangun untuk menyatakan hasrat saya supaya memberikan tumpuan pembinaan masjid yang saya yakin, yang saya telah pun *check*, sebenarnya dah ada lokasi ya, yang ditentukan untuk didirikan masjid contohnya di Seksyen 20, Seksyen 24, di Taman Batu Tiga tetapi satu pun tidak ada di sudut perancangan ya, dalam buku ini ataupun dalam jawapan soalan bertulis saya tentang hasrat ingin melihat wujudnya masjid ini tidak dapat dijawab dengan baik. Jadi *bottom line* nya saya boleh cakap, tidak ada masjidlah yang akan didirikan dalam tempoh 5 tahun ini di Batu Tiga. Jadi saya mohon pihak EXCO memberikan tumpuan tetapi dalam masa sama saya ingin juga meminta satu penjelasan sebenarnya jika satu-satu masjid itu ingin dibina, berapakah kos minima yang ditentukan ataupun diletakkan oleh kerajaan. Dan yang keduanya berapakah sebenarnya bilangan masjid yang diluluskan untuk didirikan ataupun dibangunkan baru setiap tahun oleh pihak kerajaan. Itu sahaja Timbalan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ringkas sahaja. Perkara yang pertama, saya ingin rujuk kepada muka surat 187, PK 11. Kita berada di sebuah negeri yang *smart*, *Smart* Selangor. Kebanyakan rakyat Selangor

guna *smartphone*. Jadi saya ingin memohon kepada kerajaan negeri supaya satu *apps* Selangor dapat dibuat untuk menyenangkan orang ramai untuk buat aduan dengan cara yang *smart*. *Smartphone*, ya. Di mana semua PBT kita dapat diselaraskan dalam *apps* tersebut. Dengan adanya *apps* ini aduan-aduan daripada penduduk akan dapat disampaikan secara tetap dan cepat. Perkara yang kedua, tentang PK18 muka surat 194. Memandangkan program *Jom Shopping* sempena perayaan disambut baik oleh rakyat Selangor, saya, kita sudah ada *Jom Shopping* raya Aidilfitri, Deepavali dan raya Cina. Tetapi saya sering ditanya oleh penganut Kristian, kenapa tiada *Jom Shopping* Krismas khususnya, dari rakan-rakan India yang beragama Kristian kerana mereka tidak layak untuk dapat *shopping voucher* Deepavali. Jadi saya ingin memohon kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan untuk memberi *voucher* sempena Krismas. Dan seterusnya saya ingin rujuk kepada muka surat 228 PK Vot P12, PK2 tentang membina jambatan dan jejantas. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mengadakan satu, satu inventori untuk semua jejantas di negeri Selangor. Kerana saya dapati banyak jejantas di Selangor ini tiada dalam rekod mahupun di PBT atau JKR. Saya bagi satu contoh, di Jalan Puchong dari Batu 7 hingga ke Batu 10 ada 3 jejantas tetapi 3 jejantas ini tidak ada dalam rekod JKR dan PBT dan MPSJ. Sekarang jejantas tu bumbung dah jatuh, lampu pun jatuh tetapi tiada agensi yang boleh ambil tindakan kerana tiada tuan punya jejantas.

Dan seterusnya, untuk Muka surat 229 Kod Projek PK 101003 Memasang Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Seluruh Selangor. Saya tiada masalah besar dengan lampu jalan tetapi untuk lampu isyarat, saya ingin nak mencadangkan satu kajian dibuat supaya membenarkan kenderaan untuk *left turn* atau belok ke kiri semasa lampu merah. Kaedah ini telah dilaksanakan di Putrajaya dan saya nampak ini adalah satu kaedah yang baik dan saya ingin mencadangkan kepada negeri Selangor untuk buat satu kajian adakah ini sesuai untuk dilaksanakan supaya mengurangkan kesesakan lalu lintas di simpang *traffic light*. Dan, yang akhir sekali, saya rujuk kepada P14 PK3 Masjid, Muka surat 262. Oleh sebab cuaca sekarang sudah ubah dan pada musim yang panas, suhu boleh mencatat sehingga 35° *celcius* dan kebanyakan masjid dan surau telah memasang atau menambah *aircond* demi keselesaan Muslimin dan Muslimat. Jadi, masalahnya timbul selepas banyak *aircond* dipasang di masjid atau surau. Apabila semua *aircond* dibuka pada masa yang sama, ada kemungkinan berlaku *overload*. Atau lebih teruk sekali akan berlaku kebakaran. Saya bagi satu contoh, satu masjid, Masjid Nurul Iman di Kampung Tengah, DUN Kinrara, telah berlaku kebakaran akibat daripada *overload*. Jadi, saya ingin nak cadangkan supaya satu unit khas atau satu skuad khas ditubuhkan untuk memeriksa litar kabel di masjid dan surau yang telah lama dibina. Sekian sahaja. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : *Bismillahi Rahmani Rahim.* Assalamualaikum WBT. Terima kasih kerana diberi kebenaran berdiri hari ini. Dah bangun duduk, bangun duduk, hasil tak keluar. Pertama sekali saya nak ambil perhatian tentang P01 Pejabat Menteri Besar, PK 10 Pelancongan bahawa saya sedia maklum bahawa bukan sahaja Pantai Redang yang ingin dibangunkan tetapi Pantai BNO.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, boleh rujukkan saya muka surat berapa?

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Muka surat 176. P01 PK 10 Pelancongan di mana bajet RM7 juta dan saya haraplah, ya, oleh sebab dia satu tempat rekreasi yang paling cantik di Utara Selangor ,kita mohon ya, menaik taraf untuk *parking* kereta sebab kalau waktu puncak, terpaksa mengganggu penempatan ya, bagan-bagan di situ. Yang kedua, P08 Jabatan Pertanian Muka surat 204 PK2 Pembangunan Tanaman Kelapa, kita sedia maklum bahawa Sabak Bernam adalah tempat ataupun sebagai tapak pertanian, tempat pertanian yang hebat di mana santannya adalah yang terbaik di Malaysia, ya, santan kelapa. Oleh itu, yang menjadi masalah sekarang ya .. ya gelak, gelak jugalah tapi ini penting ni Sekinchan ya, bahawa waktu ini, penduduk-penduduk dah mula tanam kelapa balik, kelapa matang. Tapi yang menjadi masalah sekarang adalah ya, benihnya susah didapati, kadang kita tak nak benih yang *local*, kita nak benih yang baiklah ya. Selain daripada itu, kita merujuk kepada P12 JKR Muka surat 237 RM5 juta. Tapi, saya lihat dalam Buku Perbelanjaan ini telah pun dirangkakan, iaitu menaik taraf Jalan Parit Baru B46, Sungai Tengah. Yang sedia maklum, keliling jalan-jalan semuanya besar, Teluk Rhu Besar, Sungai Tawar besar tapi Sungai Tengah ni kecil. *Alhamdulillah*, nampaknya diambil perhatian. Dan satu lagi ialah jalan masuk ke sekolah berasrama penuh integrasi, jalannya terlampau kecil, walaupun 2km tetapi tidak nampak dibesarkan. Seterusnya P13 JPS Muka surat 255 Vot 06121 Mendalamkan Muara Sungai dan sedia maklum bahawa di Sungai Air Tawar juga terdapat nelayan-nelayan kecil. Di waktu ini mereka terpaksa menunggu air pasang untuk masuk ke jeti manakala bila nak masuk laut, pergi ke laut, menunggu juga air pasang sebab dia punya sungai tu terlampau cetek.

Selain daripada itu, saya juga mengambil perhatian mengenai P13 JPS Vot 3010302 Muka surat 249 iaitu Menstabilkan Pengukuhan Tebing Sungai. Kita sedia maklum ya, baru-baru ini, tebing sungai di Sungai Utara berdekatan dengan PKPS telah runtuh ya. Untuk tahun ini sahaja sebanyak 3 kali. Apa yang saya maklum daripada JPS, untuk menambak semula memakan belanja RM100,000.00. Maknanya 3 kali, sudah RM300,000.000. Oleh itu, saya berharap lah pihak JPS mengambil peranan tentang perkara ini ya, dalam peruntukan yang saya rasa sangat besar supaya mengambil perhatian, seterusnya mengenai dengan hah, ni penting, kena dengar semua lebih-lebih lagi pada EXCO Pertanian. P17 PKI Muka surat 283 Skim Ternakan *Fidlot*, lembu. Ya, PK0102 Kekurangan Lembu. Lebih-lebih lagi dalam

Korban yang lepas, ya, Dato' MB pun turun tetapi Dato' MB, lembu dia sumbangkan tu tak boleh sembelih belum cukup baligh. Belum cukup umur, belum cukup haul. Terpaksalah penduduk sekarang ya, terpaksa mengambil lembu itu dibela supaya ia lebih besar, ya. Bukan sahaja di masjid-masjid, di sekitar DUN Sungai Air tawar, saya nyatakan, Adun Ijok pun macam itu. Oleh itu, saya menyarankan lah kepada kerajaan supaya memperbanyakkan ya, menternak lembu-lembu *Fidlot* ini ya, saya sedia maklum sekarang ini, kerajaan terpaksa mengimport dari Thailand dan juga Australia untuk memenuhi keperluan semasa Raya Haji.

Dan yang lain-lain, P01 PK19, ya selama 2 minggu ini saya ulang-alik, lalu ya, saya tidak menginap sini, tetapi malanglah stadium kebanggaan kita, Stadium Shah Alam, bumbungnya terkopak-kopak, terkopak-kopak sampai dindingnya nampaknya tak cantik. Oleh itu, mungkin ada peruntukan tambahan ya, untuk mencantikkan lah Stadium Shah Alam ini. Stadium sebelumnya tu dah cantik dah. Hijau macam *colour-colour* cantik lah, macam biru-biru tapi yang besar nampak nya tak cantik. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih lah atas perhatian tentang pembangunan di negeri Selangor. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Bismillahi Rahmani Rahim.* Assalamualaikum WBT. Terima kasih Yang berhormat Speaker, Yang Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan Yang Berhormat. Saya terus sahaja kepada rujukan. Saya akan menyebut 2 sekali iaitu di bawah Vot P01 dan P08 iaitu P01 mengenai Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Muka surat?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Muka surat 176 ya. Perkara PK2 Luar Bandar dan juga 08 ada beberapa Vot yang .. ada beberapa PK yang saya akan sebut. Mengenai Luar Bandar yang diperuntukkan sebanyak RM40,480,000.00 oleh pihak kerajaan dalam pembangunan, dalam anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibawa usul oleh Yang Amat berhormat Menteri Besar. Saya hanya ingin melihat beberapa secara dasarnya, bahawa ini lah nasib Luar Bandar. (ketawa) Jadi, dengan peruntukan RM40,480,000.00, saya lihat lagi di Vot yang nombor 8, P08, saya cuba cari lagi yang melibatkan peruntukan Luar Bandar ada di bawah PK3, PK4, PK8, PK11. Jadi, kalau saya campurkan kedua-dua Vot ini, RM440,480,000.00 campur lebih kurang dalam RM9 juta daripada Vot yang di bawah Jabatan Pertanian dan ada beberapa peruntukan kecil lebih kurang dalam RM49 juta. Yang diperuntukkan untuk Luar Bandar dan kalau saya mengambil peratusan daripada RM1.440 bilion Perbelanjaan Pembangunan, Luar Bandar akan mendapat lebih kurang 3.5% lebih kurang lah, mungkin lebih sedikit atau di bawah 4% keseluruhan yang diperuntukkan untuk Luar Bandar. Sebab itulah, saya merasakan bahawa penduduk-penduduk Luar Bandar tidak begitu menikmati

ataupun tidak begitu merasai Bajet Pembangunan yang dibuat pada tahun 2016 ini. Saya katakan demikian, betul luar bandar tidak menyumbang besar kepada hasil negeri Selangor. Luar bandar tidak menyumbangkan hasil yang banyak dari segi cukai berbanding dengan Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya dan sebagainya. Tapi kita jangan lupa bahawa luar bandar ialah penyumbang terbesar kepada industri makanan, pertanian. Dalam keadaan kita seronok makan di bandar, kita jangan lupa dalam ..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Minta penjelasan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Belum habis lagi, kejam lagi saya bagi. Sikit lagi. Dalam keadaan kita sedang tidur nyenyak, orang luar bandar menyabung nyawa di laut sebagai nelayan. Pukul 6 pagi mereka bangun pergi sawah menghasilkan, hasil untuk dalam negara, di negeri Selangor. Tapi, dari segi peratusan pembangunan mereka hanya perolehi lebih kurang 3.5%. Saya percaya nanti kerajaan akan menjawab ada diselit barangkali di vot-vot yang lain. Ada mungkin di sana sini tetapi secara dasarnya ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing nak...

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Bagi saya habiskan dulu, baru saya bagi. Tadi tak banyak mencelah, ni banyak mencelah (ketawa).

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik baru minta.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, sekejap lagi, sekejap lagi. Jadi, saya habiskan ayat saya bahawa sebenarnya, betul kita tidak menyumbangkan banyak daripada segi luar bandar, apa ni, tapi kita kena ingat bahawa luar bandar penyumbang utama, beras di Tanjung Karang, di Sawah Sempadan, di Sungai Besar. Makanan-makanan utama dalam negara kita, sayur-sayuran semua dari kawasan luar bandar. Jadi, saya nak tengok kenapa terlalu kecil Yang Amat Berhormat Menteri Besar berikan kepada kawasan luar bandar ni? Apakah ini hukuman, kerana luar bandar ni semua dimenangi oleh Barisan Nasional? Ini bukan tuduhan lah tapi saya rasa begitu. Sedangkan di luar bandar ni pembangunannya perlu luas, sebab itu saya kata pembangunan ini kena seimbang. Saya tengok banyak rakan-rakan daripada sebelah sana, bila bangkitkan kepada kerajaan Persekutuan, tak adil, Selangor bagi 23% hasil cukai negeri Selangor kena bagi balik kepada Selangor, betul kerajaan *Federal* bagi dalam pelbagai projek dan pembangunan walaupun tidak bagi secara tunai ok. Tapi kita tengok. Jadi dalam keadaan sekarang ini kita tengok bagaimana negeri Selangor tidak seimbang.

Kawasan luar bandar hanya dapat lebih kurang 4% atau mungkin kurang daripada 4% daripada belanja pembangunan yang sepatutnya pembangunan luar bandar ini patut diberi pilihan..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang ini berkenaan peratus.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jalan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing minta..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya bagi lah Bukit Gasing.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila Bukit Gasing.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Atau saya nak bagi dulu ..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ini peratus yang sangat rendah ni, ada tak ambil kiraan daripada Jabatan Agama Islam, ada banyak projek-projek dari luar bandar yang disenaraikan.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Daripada JKR..JKR pun ada banyak disenaraikan,

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya ok Bukit Gasing saya tahu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : itu dia diambil kira juga.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya, saya semak. Saya belum buat kenyataan. Saya semak.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : JPS pun ada banyak *list*.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, betul tapi ..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Perlu diambil kira juga.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Betul pembangunan tu ada di bawah, tapi yang saya kata yang khusus, *Vot* yang mengkhusus mengenai pembangunan luar bandar ialah RM40 juta di bawah Menteri Besar dan SUK. Itu yang saya nak persoalkan. Jadi, soalnya, pembangunan di luar bandar, jalan di luar bandar, orang nak keluarkan hasil ya, di kawasan-kawasan untuk mengeluarkan ..

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ah saya bagi lah,

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik minta..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Kota Anggerik, kang tak tidur malam dia.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Saya rasa penduduk luar bandar, mereka berpuas hati dengan apa yang ada. Sebab itu dia menyokong UMNO. Yang kedua, peruntukan di Kementerian yang sepatutnya bernilai sekitar RM90 juta yang diberi kepada luar bandar yang sepatutnya diberi kepada kerajaan negeri tetapi diuruskan sendiri oleh kerajaan Persekutuan dan di ICU dan saya difahamkan pengerusi ICU adalah Ahli Parlimen Tanjung Karang sendiri. (Ahli dewan buat bising) Jadi, bagaimana peruntukan Persekutuan ini yang patut diagih pada luar bandar?

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ya, kalau nak bagi..bagi ulasan panjang Speaker. Saya boleh jawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Permatang, saya minta rujuk kepada buku ni. Segera.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya nak rujuk ni sebab saya katakan, apa ..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kita masa terhad ni.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Apa yang kerajaan negeri Selangor beri kepada luar bandar, itu yang saya nak maklumkan bahawa sepatutnya luar bandar ni diberi pembelaan, diberi peruntukan yang lebih, paling tidak pun 10% daripada RM1.4 bilion ataupun mungkin lebih pun diberi sebab untuk menyeimbangkan pembangunan dalam negeri Selangor di antara kawasan bandar dan luar bandar ya. Jalannya kena diperbaiki, nelayan sentiasa melihat apa yang mereka dapat daripada Bajet Pembangunan. Jeti mereka sudah diperbaiki, apa jeti-jeti baru mereka sudah dibuat, bagaimana nak meningkat nasib mereka, apakah mereka..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan minta. Sila Sekinchan, gulung.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Ya, ya. Terima kasih Yang terhormat Permatang. Saya nampak tuduhan Yang Berhormat Permatang mengatakan kerajaan negeri kurang memberi perhatian kepada luar bandar. Tak tepat! Di Sekinchan pembangunan semakin pesat. Semakin pesat! Sekarang ramai orang datang Sekinchan, cakap sahaja Sekinchan, bukan sahaja *mango* sekinchan, semua seluruhnya orang suka. Itu satu. Yang kedua, luar bandar tidak boleh hak kepada tajuk luar bandar sahaja. Dia banyak lagi, buat sekolah lagi, peruntukan kepada sekolah lagi, semua tadi masuk kira. Jadi, tuduhan daripada Permatang, tak adil. Saja cari medan ini untuk menuduh kerajaan negeri. Tak boleh macam itu, kena adil. Ok.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, Sekinchan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya tidak menuduh, saya merujuk kepada vot-vot yang ada dalam, dalam, dalam bajet ini. Saya tak tambah pun. Kalau Sekinchan dapat lebih, betul la kawasan DAP. Memang lah biasa, tu dapat lebih lah. Kawasan Permatang tak dapat. Jadi..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Noh Omar bagi banyak..

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Jadi, saya kata, saya balik kepada Kota Anggerik, sebenarnya membangunkan kawasan luar bandar ialah kerajaan Persekutuan. Itu yang banyak. Sawah padi di Tanjung Karang, RM2.8 bilion diperuntukkan dan banyak saya tak nak sebut lagi lah Yang Berhormat Speaker, kalau saya banyak kang banyak saya nak jawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya minta fokus kepada tajuk ni sebab kita memberikan ruang kepada Yang Berhormat yang lain.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, saya nak menyentuh mengenai luar bandar tadi. Mengenai.....muka surat, ok. Muka surat 178 mengenai menaiktarafkan apa ni...PK2, 02006 – naik taraf baik pulih jalan kampung. Saya nak minta sikit saja. Ada....RM10 juta. Tapi Y.A.B. Menteri Besar, RM10 juta ni nak dikongsi kawasan luar bandar, Sabak Bernam satu daerah, Kuala Selangor dua daerah, Hulu Selangor tiga daerah, Klang sebahagiannya juga ada kawasan luar bandar, Sepang sebahagian kawasan luar bandar, Hulu Langat ada kawasan luar bandar. Yang nak dikongsi RM10 juta. Jadi, soalnya saya nak kata tadi ini nak dikongsi sebahagian besar luar bandar Negeri Selangor hampir separuh kawasan yang sepatutnya mendapat pembelaan yang lebih. Saya bukan apa. Bukan kerana saya mewakili luar bandar tapi itu kenyataannya. Jadi, saya nak merujuk perkara ini

Yang Berhormat Speaker, mengenai kod yang saya sebut tadi yakni baik pulih jalan kampung, saya nak menyentuh sedikit mengenai kawasan di sawah sempadan yang mana kawasan ini satu jalan yang dipanggil jalan dipanggil ban lintang ataupun orang kampung kata *cross bun*. Ada dua *cross bun* ini iaitu Blok S dan Blok EQSW ya. Yang mana jalan ini memang terlalu kecil lah. Terlalu kecil. Bila masa musim menuai padi, langsung tak boleh berselisih kenderaan. Sekolah ada di situ, Sekolah Seri Tiram. Kalau sekolah cikgu-cikgu nak pergi sekolah, dia kena berhenti, kena bagi satu laluan supaya laluan kedua boleh mengambil giliran ya. Jadi, saya harap dengan ada peruntukan RM10 juga ini bolehlah dipertimbangkan untuk satu dua kawasan ni *cross ban* Blok S dan juga Blok EQSW. Saya menyentuh satu lagi vot 0..iaitu vot P08, minta maaf. Masih, *sorry*, masih di bawah P01 mengenai Projek Perumahan Selangorku iaitu muka surat 191. Saya menyebut perkara ini dalam Projek Rumah Selangorku bukan Rumah *Smart* Selangor. Jadi, saya nak mintalah supaya satu dasar juga apakah sebenarnya luar bandar menikmati projek Rumah Selangorku ini? Itu kita mengharap. Saya menyentuh ini kerana ada saya bawa dalam soalan mulut dah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO...apa ni...Kota Alam Shah mengenai projek perumahan mampu milik yang sepatutnya juga dinikmati oleh kawasan luar bandar. Saya menyebut ini kerana ada satu kawasan di kawasan Ladang Mary dan Ladang Sungai Tinggi yang kita berkongsi dengan Kuala Kubu Baru baru-baru ini oleh kerana pertukaran majikan sebahagian besar daripada pekerja diarahkan untuk meninggalkan kuarters mereka. Jadi, saya nak minta supaya kalau boleh dalam dasar mengenai Rumah Selangorku ini juga diberikan fokus kepada kawasan-kawasan estet dan kawasan-kawasan yang persekitaran dengannya.

Saya nak mencadangkan kepada pihak kerajaan sekiranya ada kekangan dari segi kewangan ataupun peruntukan untuk membina rumah-rumah yang sepatutnya boleh dijual kepada pekerja-pekerja estet dan juga kawasan-kawasan yang persekitaran, kita mencadangkan supaya kalau kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan beberapa lokasi ya, tanah daripada Kerajaan Negeri dan kita juga sudah menjalankan perbincangan dengan pihak pemaju-pemaju perumahan dan juga peringkat Prima SPNB mereka tiada halangan untuk bersedia untuk membantu sekiranya dengan *smart partnership* ini dengan Kerajaan Negeri memberikan peruntukan ataupun apa ni, kelulusan tanah dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan bersedia untuk sama-sama membantu membina rumah-rumah mampu milik ini supaya pekerja-pekerja dan juga penduduk-penduduk kawasan persekitaran tersebut dapat menikmati dan untuk makluman Yang Berhormat, kita juga ada mengenal pasti satu dua bidang kawasan di bawah pemilikan Kerajaan Negeri kalau boleh dipertimbangkan untuk diberi bolehlah untuk sama-sama kita membangunkan perumahan Rumah Selangorku ini untuk dinikmati bersama oleh rakyat dalam kawasan ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, masa tamat dah.

Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Itu saja ya. Ok. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya bagi Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. Teratai ingin menyentuh beberapa perkara dalam sesi perbahasan ini. Teratai merujuk kepada muka surat 178, kod PK 02007 – Pembangunan Kampung Baru. Teratai ingin mengetengahkan berkenaan dengan isu geran tanah di Kg. Cheras Baru di mana Kg. Cheras Baru ada banyak....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kejap Teratai. Bagi muka surat.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Muka surat 178 Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ok.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Iaitu kod PK 02007 – Pembangunan Kampung Baru. Teratai ingin mengetengahkan isu geran tanah Kg. Cheras Baru iaitu satu-satunya kampung di kawasan DUN Teratai. Geran tanah di Kg. Cheras Baru itu bukan isu yang baru tetapi Teratai ingin Kerajaan Negeri supaya membantu...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, ini kampung baru bukan Kg. Cheras Baru.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Kampung...oh maaf. Kampung baru. Berkenaan dengan kampung. Jadi, bagi geran-geran tanah di kawasan kampung, Teratai ingin Kerajaan Negeri supaya menolong bagi orang-orang kampung supaya mereka dapat geran secepat yang mungkin Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Minta Teratai pindah tajuk lain.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya. Teratai juga merujuk kepada muka surat 182 iaitu PK 6 – Wanita dan Kebajikan. Teratai nampak di dalam kod ini tidak ada anggaran belanjawan 2016 daripada Kerajaan Persekutuan walaupun dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11 jumlah peruntukan telah dianggarkan dan Kerajaan Negeri bersedia dengan belanjawan RM7.1 juta. Jadi, Teratai ingin mengetengahkan bahawa isu wanita selalunya diabaikan seperti mana Teratai sebelum ini bangkitkan bahawa inilah Kerajaan Persekutuan bahawa Teratai, Teratai nak mengetengahkan kepentingan wanita. Di Malaysia kita terdapat lebih kurang setengah iaitu 50% daripada jumlah pengundi wanita. Selalunya bagi hal-hal ehwal wanita diabaikan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Jadi dalam...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Boleh minta celah sikit?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sekinchan minta.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Teratai saya dah dengar tadi Teratai mengatakan bahawa hal-hal wanita sering diabaikan ya. Saya nampak kita ada PWB ya. Sampai, ada setiap DUN ada 56. DUN ada 56 PWB. Hari ni saya nampak dia tidak diabaikan, satu. Yang kedua, saya PW bukan saja diangkat termasuk dia bawa sampai ke luar negeri ni. Sampai nak bawa ke Batam. Saya pun hairan kenapa? Saya nak tanya Teratai kenapa itu hari bawak ke Batam. Buat apa kat situ?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Tu lari tajuk tu. Tak pe.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Bagi soalan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Itu bukan Teratai tau jawab tu.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Harus dijawab oleh Kerajaan Negeri. Bagi kod ini sepatutnya bagi wanita. Kita kata di Malaysia wanita memang penting. Jadi, bagi hal ehwal wanita walaupun kita ada PWB, tapi urusan berkenaan dengan wanita bukan sahaja di atas bahu golongan wanita saja. Dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, satu kempen '*He For She*' yang telah diketengahkan dalam ucapan belanjawan Y.A.B. Dato' Menteri Besar itu, seharusnya hal ehwal wanita ini haruslah dipikul bersama-sama bagi semua rakyat di Selangor. Jadi, dalam isu berkenaan dengan lawatan ke luar negara itu, saya rasa Teratai bukan seorang yang patut jawab dan selepas ini saya yakin bahawa Kerajaan Negeri akan jawab bagi soalan yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan.

Seterusnya, Teratai ingin merujuk kepada muka surat 191, kod PK 15 iaitu Perumahan dan Hartanah. Dalam kod 15007 iaitu Pembangunan Sistem. Teratai ingin menanya atas atau ingin meminta penjelasan kod ini ialah untuk pembangunan sistem yang mana merujuk Rancangan Malaysia Yang Ke-11 dan juga kod projek adalah kos yang diperlukan adalah sejumlah RM2 juta. Akan tetapi dalam Belanjawan Negeri 2016, tidak ada sebarang anggaran belanjawan 2016 telah dibahagikan untuk kod pembangunan sistem ini. Teratai seterusnya merujuk kepada

muka surat 193 iaitu PK 17 – Projek Khas Negeri. Belanjawan 2016 Kerajaan Negeri Selangor, Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah mengetengahkan sistem iaitu konsep *smart city*. Tetapi semua projek khas negeri dalam PK 17 ini, Teratai tidak nampak ada sebarang projek khas untuk *Selangor Smart City* ini. Dan tambahan pula pembangunan Pusat Kebudayaan Negeri Selangor yang selalunya telah dibangkitkan oleh wakil-wakil rakyat dalam Dewan Yang Mulia ini tidak ada sebarang peruntukan dalam projek khas negeri ini. Jadi, Teratai ingin minta penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Bagi muka surat 230 juga, iaitu kod PK 2, 02500 iaitu Membina Jambatan dan Jejantas. Di kawasan Teratai terdapat satu masalah iaitu di Jalan Melati, Taman Seraya di mana kemalangan selalu berlaku. Di kawasan tersebut juga terdapat satu Sekolah Menengah Taman Seraya dan juga kawasan perumahan yang ada ramai anak-anak, kanak-kanak dan bermain dan juga ada pelajar-pelajar sekolah. Oleh sebab itu, Teratai pernah minta supaya JKR Daerah Hulu Langat untuk membina satu jambatan atau jejantas di kawasan Jalan Melati. Jawapan yang telah diberikan semasa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah JKR Daerah Hulu Langat tidak ada peruntukan. Jadi di sini, Teratai ingin memohon supaya pihak Kerajaan Negeri Selangor dapat memasukkan perkara yang sangat penting ini dalam belanjawan 2016 ini memandangkan kemalangan ini bukan saja hanya perkataan saja. Ia selalunya meragut nyawa-nyawa terutama sekali bagi nyawa bagi kanak-kanak juga. Teratai juga ingin merujuk kepada muka surat 264, PK 1, kod 01500 iaitu Pembangunan JAIS. Teratai tidak nampak satu-satunya sekolah agama di kawasan DUN Teratai iaitu Maahad As Sobirin Botani Malaysia yang bagi sekolah agama ini mereka telah ingin, mereka membiayai pelajar-pelajar daripada keluarga yang fakir miskin supaya mereka dapat belajar di dalam institusi agama berkenaan. Tambahan juga, bagi SAR Cheras Baru iaitu Sekolah Agama Rakyat Cheras Baru, yang Teratai pernah bangkitkan tahun lepas berkenaan dengan kekurangan bilik darjah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran ini. Masalah ini masih belum selesai. Apa yang berlaku ialah dalam Belanjawan 2016 ini, Teratai tidak nampak ada sebarang nama ataupun sekolah kedua-dua sekolah agama ini telah dimasukkan dalam belanjawan dalam kod berkenaan. Tidak lupa juga Sekolah Agama Rakyat Al-Huda yang selalunya aktif dalam mengajar anak-anak bagi penduduk-penduduk di kawasan Teratai.

Teratai juga merujuk kepada muka surat 269, PK 3, kod 03500 iaitu berkenaan dengan Hal Ehwal Masjid. Teratai juga tidak nampak satu-satunya masjid di DUN Teratai iaitu Masjid Nurul Syahadah, Kampung Cheras Baru itu tidak dalam kod berkenaan yang mana selalunya Masjid Nurul Syahadah ini telah satu-satunya masjid di kawasan DUN Teratai yang mana ramai penduduk iaitu daripada Kg. Cheras Baru pergi ke masjid yang berkenaan. Jadi, Teratai memohon supaya Kerajaan Negeri Selangor lebih sensitif terhadap keperluan bagi Masjid Nurul Syahadah ini.

Muka surat 277, kod PK 1 – Rancangan Pembangunan juga. Teratai ingin mengetengahkan berkenaan dengan pengiklanan yang selalunya dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor terutama sekali berkenaan dengan Rancangan Tempatan. Teratai di sini ingin mencadangkan supaya Kerajaan Selangor pada masa hadapan apabila ingin membuat pengiklanan berkenaan dengan draf Rancangan Tempatan dan selainnya, Kerajaan Selangor boleh memaparkan iklan-iklan berkenaan di surat khabar bukan saja surat khabar Bahasa Malaysia tetapi juga Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil dan selainnya supaya penduduk-penduduk kita daripada pelbagai bahasa yang tak baca surat khabar berbagai-bagai bahasa mereka dapat diberitahu berkenaan dengan cadangan ataupun usaha baik Kerajaan Selangor.

Jadi, akhirnya Teratai juga merujuk kepada muka surat 194, PK 18 iaitu Program Merakyatkan Ekonomi Selangor. Tahun ini Teratai telah menggunakan peruntukan sendiri supaya menyambut hari jadi dengan warga emas setiap bulan dengan 50 orang warga emas yang mana telah memerlukan peruntukan lebih kurang RM60,000. Jadi sebelum ini Kerajaan Selangor pernah ada satu cadangan ataupun perancangan supaya kita dapat menyambut hari lahir warga-warga emas yang pernah menyumbang kepada pembangunan masyarakat khususnya pembangunan di Negeri Selangor. Jadi dengan hanya adanya Skim Mesra Usia Emas semata-mata yang merupakan penerima merupakan anak-anak, cucu-cucu ataupun yang orang lain jadi Teratai berharap Kerajaan Selangor boleh mengambil berat atas kebajikan warga emas iaitu satu penghargaan haruslah diberikan kepada mereka bukan banyak yang diperlukan hanyalah seorang kita kata hari lahir RM100.00 baucar boleh diberikan kepada mereka. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Timbalan Speaker. Tanjung Sepat ingin membahaskan beberapa perkara tentang pembangunan ini. Yang pertama tentang merujuk kepada muka surat 179 Vot P01 Kod Projek P.K -33001 mengenai Dana Usahawan Negeri Selangor. Alhamdulillah dalam bajet 2016 yang akan datang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah 1.8 juta dalam usaha untuk meningkatkan usahawan di Negeri Selangor ini. Jadi saya ingin bertanya dalam kesempatan ini apakah bentuk ataupun jenis program-program yang akan dilaksanakan. Ini juga merujuk kepada Kod Nombor 03002 Promosi Usahawan berkaitan dengan ini juga Kerajaan memperuntukkan 2.5 juta untuk tujuan ini jadi apakah bentuk ataupun jenis promosi yang berkaitan dengan ini. Kemudian merujuk kepada muka surat 181 Vot P01 PK-05003 Projek Bantuan Sekolah yang berjumlah RM16,000,000.00 dan ini merupakan satu bentuk bantuan Kerajaan yang sangat baik dan memberangsangkan bagi memotivasikan guru-guru ataupun pelajar-pelajar untuk keselesaan. Jadi persoalannya apakah ianya termasuk sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan sama ada Kerajaan Negeri

Selangor ataupun Sekolah Kerajaan Persekutuan itu sendiri. Kemudian ia juga merujuk kepada Vot P01 PK - 6 muka surat 182, 06001 iaitu Program Tentang Pemandayaan Wanita yang berjumlah RM 3,000,000.00, ingin bertanyakan apakah Kerajaan bersedia untuk melebarkan program ini kepada *sorry* minta maaf merujuk kepada 06002 Program Kebajikan yang diperuntukkan sejumlah RM800,000.00 adakah Kerajaan bersedia untuk memberikan kebajikan ini bukan khusus kepada wanita malah kepada kaum-kaum lelaki ataupun orang lain. Kemudian Tanjung Sepat juga ingin merujuk kepada tentang muka surat 183, P01 PK-7 berkaitan dengan Generasi Muda Sukan iaitu Kod 07002 Naik taraf Infrastruktur. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri kerana telah memperuntukkan sejumlah 6.62 juta kepada untuk menaik taraf Kemudahan Sukan di seluruh Negeri Selangor jadi saya bagi pihak rakyat ataupun penduduk di kawasan DUN Tanjung Sepat memohon supaya Kerajaan juga melihat kawasan khususnya di dataran Batu Laut itu dinaiktarafkan kerana ianya merupakan salah satu tempat tarikan ataupun latihan perahu layar dan kemudian Alhamdulillah walaupun dah pun diperuntukkan dalam bajet tahun sejumlah RM200,000.00 dalam tahun 2015 ini rasanya saya rasa tak cukup kemudahan ataupun bantuan tersebut dan ianya perlu ditingkatkan dalam bajet akan datang bagi melihat keseluruhan kemudahan asas di Pantai Batu Laut dinaiktarafkan ini juga berkaitan dengan untuk kita mempromosikan pelancongan di kawasan tersebut. Merujuk kepada muka surat 253, PK-6 ,PK-13 Kod 06201 yang berkaitan dengan JPS. Saya ucapkan terima kasih kepada JPS ataupun Kerajaan telah pun bersetuju untuk memperuntukkan sejumlah RM3,000,000.00 bagi menaik taraf ataupun membaiki tebing Pantai Batu Laut dan ini adalah merupakan keprihatinan Kerajaan dalam melihat untuk masyarakat ataupun penduduk yang berhampiran dengan tebing tersebut mendapat keselesaan. Sehubungan dengan itu juga saya mengharapkan supaya satu iaitu pantai yang bersebelahan dengan jalan di antara penghubung antara Bagan Lalang dan juga Tanjung Sepat yang betul-betul berhampiran dengan Kampung Tumbuk perlu dilihat kerana tebingnya di sana sudah melalui hakisan yang di sana mempunyai paip bekalan air yang sangat kritikal untuk dilindungi daripada hakisan. Untuk itu saya mengharapkan Kerajaan juga mempertimbangkan agar sejumlah peruntukan dikhaskan bagi membuat perlindungan tebing di kawasan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya bagi pembahas terakhir, Kajang. Pembahas terakhir Kajang.

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Terima kasih Puan Speaker, saya pendek sahaja kalau boleh saya berikan masa sebab..

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Bagi saya masa, *thank you, thank you.*

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL : Sebab saya nak masuk ke muka surat 230 , Kod Projek 02502. Terima kasih kepada Kerajaan Selangor kerana memberikan RM5,000,000.00 kerana untuk menaikkan taraf jambatan Sungai

Jerluk tebatan banjir. Jadi saya nak kalau boleh JPS, JKR dan MPKJ memberikan pemantauan juga *information* terkini tentang apa yang berlaku kerana kita tidak mahu menghadapi banjir yang kilat. Saya juga memohon agar JKR memberikan pantauan terhadap MRT khususnya kerana baru ini berlaku banjir kilat di Kampung Jambu Batu 14, Jalan Cheras, Kajang dan juga muka surat 251 Kod Objek 200500 Hulu Langat iaitu menaikkan taraf kolam takungan. Isu tasik di Sungai Chua kolam tebatan banjir ini banyak aktiviti rekreasi yang dulu sememangnya seperti memancing dan lain-lain tetapi akhirnya tidak diselenggarakan dan apakah kita boleh mohon JPS memberikan perhatian agar ia boleh dijadikan kawasan tarikan dan pelancongan dan juga kolam tersebut benar-benar boleh menampung air apabila berlakunya hujan lebat dan tidak berlakunya banjir kilat. Satunya akhirnya sekali Puan Speaker, saya nak masuk dalam muka surat 276 Vot Kod Objek PK-1 yang bukan dalam kawasan saya tetapi kawasan Bangi jadi kerana nama sekolah yang terbabit adalah Sekolah Agama Maahad Hamidiah Kajang, jadi saya mendapat banyak *whatsapp - whatsapp* dan saya memohon agar diberikan peluang kepada pihak Kerajaan menjawab kerana telah berlakunya satu laporan polis dan saya kira Kerajaan memang mempunyai jawapan-jawapan yang boleh diterima dan kita tidak mahulah apa-apa yang dilemparkan menjadi fitnah di mana-mana belah pihak. Jadi saya kira bahawa yang saya dah bercakap dan mendapat maklumat bahawa tidak berlaku apa-apa yang tidak diinginkan kerana hanya yang dikatakan tidak mengikut *specification* ataupun bagaimana hendak membuat pembangunan itu tidak berlaku dan saya kira peluang untuk Kerajaan menjawab. Terima kasih Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu lima minit.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Boleh. Terima kasih Puan Speaker. Saya mulakan dengan Pembangunan Luar Bandar muka surat 178 Vot P01 Kod Projek 02005 Kemudahan Awam Desa yang RM5 juta. Lagi satu Kod Projek 02006 Naik taraf Jalan Kampung RM10,000,000.00. Saya mempunyai pandangan yang berlainan dengan Yang Berhormat Permatang kali ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sentiasa berusaha untuk memastikan infrastruktur yang dinikmati masyarakat luar bandar adalah setanding dengan masyarakat di bandar. Walau bagaimanapun saya dapati pengagihan peruntukan berbezaan peruntukan ini mempunyai perbezaan agak besar mengikut daerah memang tidak seimbang. Jawapan kepada pertanyaan bertulis saya yang diterima pada minggu lepas menunjukkan pada tahun 2015 ada daerah menerima peruntukan lebih daripada RM2,000,000.00 seperti kawasan Permatang itu DUN Daerah Kuala Selangor 2.3 juta manakala ada daerah menerima kurang daripada 1 juta seperti kawasan Kuala Langat hanya RM958,000.00 dan Daerah Hulu Selangor hanya RM654,000.00. Jumlah ini memang agak sedikit di Hulu Selangor tetapi banyak di Hulu Langat iaitu paling tinggi peruntukan RM2.85 juta. Saya harap perkara ini boleh dibetulkan pada tahun 2016 di mana Daerah Hulu Selangor diperuntukkan jumlahnya yang secukupnya untuk melaksanakan kerja-kerja infrastruktur terutamanya balai raya. Untuk makluman dewan yang mulia ini pada tahun 2015 tiada kerja-kerja

menaiktarafkan atau baik pulih balai raya dijalankan dengan peruntukan pembangunan desa ini. Ini bukan bermakna semua balai raya itu berada dalam keadaan yang baik. Ada banyak balai raya dalam keadaan yang agak teruk yang memang memerlukan peruntukan untuk memperbaiki. Dengan ini saya juga harap Kerajaan membaiki boleh menggunakan kaedah peruntukan MARRIS yang mana setiap DUN diminta menghantar senarai kerja untuk kerja kepada pihak Kerajaan Negeri supaya dia boleh dilaksanakan kerana setakat ini ADUN tidak pernah menerima sebarang surat daripada Kerajaan Negeri bagi mencadangkan senarai projek di bawah peruntukan Pembangunan Luar Bandar ini. Ini berbeza dengan peruntukan MARRIS yang mana Pihak Berkuasa Tempatan akan mengadakan perbincangan khas dengan wakil setiap DUN bagi mengenal pasti senarai cadangan projek yang akan di pohon kepada pihak Kerajaan Negeri. Puan Speaker selain daripada itu saya juga berharap peruntukan kemudahan awam yang sebanyak RM 5 juta ini boleh digunakan untuk pembinaan lampu jalan. Saya ingin menyampaikan hasrat orang kampung kepada Kerajaan Negeri iaitu jalan kampung perlu ada lampu jalan. Saya pernah mendapat permintaan daripada satu mukim sahaja. Di Daerah Hulu Selangor yang memerlukan 99 unit lampu jalan. Ini adalah permintaan satu mukim. Kalau satu Negeri Selangor memang banyak. Memandangkan Kerajaan Negeri telah membatalkan dasar 10 lampu jalan baru setiap tahun bagi setiap mukim saya rasa permintaan lampu jalan di kawasan kampung bukan bawah jagaan JKR ataupun Pihak Berkuasa Tempatan adalah munasabah memandangkan kes samun juga berlaku di kawasan kampung. Dengan adanya lampu jalan maka penduduk kampung boleh berwaspada sekiranya terdapat orang yang tidak dikenali berada di kawasan kampung mereka. Puan Speaker saya merujuk kepada muka surat 194, Vot P01 PK-18 Kod Projek 18005 Urus Tadbir dan Pendemokrasian. Saya minta Kerajaan Negeri menggunakan peruntukan ini dengan kerjasama Pengerusi JKPP yang dilantik sebagai Pembantu Pendaftar Pemilih menggerakkan kempen pendaftaran pengundi baru dan juga membuat bantahan kepada SPR jika mendapati alamat pengundi yang dimasukkan dalam senarai tambahan pengundi itu adalah diragui. Puan Speaker saya balik kepada muka surat 189.

TUAN SPEAKER : Satu minit lagi Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ya dua *paragraph* lagi. PK-13 Adat Melayu dan Warisan. Saya minta penjelasan Kerajaan Negeri yang menyenaraikan lima projek tapi hanya bagi token RM10 bagi tahun 2016. Saya amat berharap Kod 13003 Pembangunan Muzium Daerah ada peruntukan yang secukupnya untuk mewujudkan satu Muzium di Hulu Selangor yang kaya dengan sejarah. Akhir sekali satu perkara yang saya membangkitkan ialah muka surat 237 Kod Projek 04801 yang mana peruntukannya juga token RM10. Saya mengucapkan terima kasihlah walaupun token RM10.00 kerana pertama kali Kerajaan Negeri memasukkan projek itu dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Saya harap Kerajaan Negeri boleh melaksanakan secepat mungkin memandangkan kawasan itu sering berlaku kemalangan, saya

yakin Kerajaan Negeri tidak akan menghampakan saya. Sekian sahaja, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ini betul-betul yang terakhir ya. Hulu Kelang lima minit.

Y.B. PUAN LAI NYUK LAN : Tuan Speaker, saya..

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi saya bahagian. Saya akan menyentuh P01, muka surat 176, P10 dan P16 di mana dia melibatkan tiga perkara. Pertamanya berkaitan dengan kemudahan awam, kemudahan rakyat melalui PBT. Keduanya, melibatkan kelestarian alam sekitar dan pembinaan pembangunan kawasan pelancongan di sekitar alam sekitar dan ketiganya yang berkaitan dengan pengambilan tanah dan pembangunan tanah. P01 muka surat 176, PK9, baru-baru ini di atas nama untuk memberi khidmat kepada rakyat, dua hari yang lepas, Dato' Menteri Besar bersama dengan Exco, PBT dan perumahan telah melancarkan pemberian 3,000 tong sampah pada 12 PBT dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih dan kita harap program ini akan berjalan dengan penambahan 3,000 tong sampah setiap dua bulan. Dan, keduanya juga adalah berkaitan dengan padang cergas yang telah dicetuskan, taman cergas, padang cergas yang telah dicetuskan oleh mantan Exco PBT sebelum ini di mana ini idea yang baik, program yang baik yang ditugaskan kepada PBT untuk melaksanakannya, saya rasa perlu ditolong, perlu bantuan daripada peruntukan yang ada pada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri di bawah P01. Dan oleh kerana itu, saya juga melihat bahawa kemudahan awam yang membawa imej Kerajaan Negeri Selangor iaitu medan selera dalam keadaan yang cukup tidak memuaskan. Saya tinjau di Hulu Kelang dan saya tinjau ke Pelabuhan Klang, keadaannya agak rata-rata kurang memuaskan kalau di Pelabuhan Klang itu bukan hanya kucing-kucing yang berkeliaran tetapi anjing-anjing berkeliaran mengambil, menunggu makanan dibuang kepada mereka.

Dan oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan agar cara bertahap dan cara teratur Kerajaan Negeri memperuntukkan sebahagian daripada peruntukan untuk membantu PBT-PBT untuk menceriakan, untuk mengelokkan medan-medan selera. Dan kemudian selain daripada itu, kalau di Hulu Kelang khususnya kita telah membuat permohonan kepada keperluan mini stadium di padang U2A dan saya harap perkara ini dapat dibantu oleh Kerajaan Negeri. Kemudian, beralih kepada kemudahan alam sekitar P01 – muka surat 176, PK10 – muka surat 184, Pelancongan dan Alam Sekitar – PK12, di mana dijelaskan lagi dengan P10 – Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan P16 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor dengan peruntukan masing-masing di mana penekanan adalah diberikan dalam menyegerakan satu keputusan yang telah dibuat yang berkaitan dengan Bukit Tabuh dan Permatang Kuartza dan permohonan untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai warisan negara ataupun warisan dunia dengan izin, *world heritage*. Jadi, saya berharap pada kali ini tahun depan satu usaha

dimulakan dengan gabungan Jabatan, Pejabat Dato' Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri dan juga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Dan akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang P01, PK19 iaitu satu peruntukan yang besar yang telah diperuntukkan untuk tugas-tugas aktiviti yang berkaitan dengan baik pulih bangunan kerajaan dan mengambil alih tanah. Dan, saya ingin menyentuh bagi makluman Dato' Menteri Besar dan kerajaan bahawa saya ada bertanya tentang tanah-tanah terbiar di sempadan Negeri Selangor berapa jumlah keluasan, berapa nilainya? Dijawab jumlah keluasan tanah terbiar milik individu dan Kerajaan Negeri Selangor mengikut sempadan bersebelahan dengan negeri-negeri Selangor adalah seluas 784.30 ekar dan nilai keseluruhan tanah-tanah tersebut berdasarkan data transaksi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta adalah berjumlah RM257,149,489.00. Satu *stunning* ya dengan izin, satu *figure* yang cukup besar yang terbiar. Jadi, saya berharap maklumat yang telah dibekalkan oleh pihak Urus Setia terhadap soalan saya ini dapat dimanfaatkan dalam kerajaan menstrategikan, menggunakan kawasan-kawasan tanah terbiar di sempadan. Dan dengan itu, saya ingin menarik perhatian Dato' Menteri Besar khususnya terhadap satu kes yang sudah lama yang ketika Dato' Menteri Besar menjadi ADUN Hulu Kelang, ketika saya pun penggal pertama dan kedua telah membawa usul membahaskan agar tanah itu dikembalikan kepada rakyat tetapi kesudahannya dalam penggal yang lalu Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan pendengaran terbuka melibatkan Mahkamah Tanah Gombak tanah itu bukan hak milik sesiapa, bukan milik Kelab UKRC tetapi milik kerajaan atas nama Setiausaha Kerajaan yang telah ditugaskan kepada MPAJ. Jadi, pertikaian itu saya rasa mereka memberi fokus bahawa ADUN Hulu Kelang yang ada sekarang gagal, tidak menunaikan janji, membohong, menipu kerana tanah itu walaupun dibawa usul sidang Dewan tapi akhirnya ditetapkan oleh Mahkamah Gombak, Mahkamah Tanah Gombak sebagai tanah kerajaan. Dan saya difahamkan bahawa mereka telah menghantar dokumen-dokumen untuk memujuk dan menghasut Dato' Menteri Besar agar berlawan dengan saya. Jadi, saya harap perkara ini perlu diambil perhatian semoga maklumat yang tepat dapat diperolehi daripada MPAJ yang sedang mengadakan kes mahkamah dengan pihak yang berkenaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan hari ini masih panjang, maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya persilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.30 petang”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA'. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata 'TIDAK'. Usul dipersetujui. Ya, saya silakan pihak kerajaan untuk menggulung. Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Puan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang membangkitkan beberapa perkara. Saya ingin sentuh satu perkara iaitu berkenaan dengan naik taraf kemudahan sukan atau infrastruktur sukan yang telah sedikit sebanyak disentuh oleh Taman Medan, Rawang, Sg. Air Tawar dan Tanjung Sepat dalam perbahasan isu, perbahasan pembangunan sebentar tadi. Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, untuk tahun 2016 Kerajaan Negeri memperuntukkan sekitar RM6.17 juta untuk naik taraf kemudahan sukan dan sebagaimana yang saya maklumkan tahun ini kita telah meningkatkan dana untuk naik taraf kemudahan-kemudahan massa atau kemudahan rakyat dengan kemudahan sukan yang sebelum ini bernilai RM1.12 juta atau RM1.12 juta dan tahun depan kita akan tingkatkan kepada RM2 juta. Kenapa peningkatan ini kita laksanakan? Sebab saya mendapat aduan-aduan sebelum ini bahawa kita mengekang satu Dewan Undangan Negeri dengan jumlah peruntukan RM20,000.00 untuk naik taraf dan daripada laporan dan rungutan yang kita perolehi dana itu sangat kecil dan kadang-kadang kita terpaksa menanggungkan sesuatu naik taraf itu disebabkan nilainya mencecah RM22,000.00, lebih RM2,000.00. Nilainya mungkin mencecah RM31,000.00. Jadi, saya tidak hadkan kepada angka RM20,000.00, saya akan perlu berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah untuk meletak satu siling yang tertentu mungkin dalam 40 atau RM50,000.00, saya akan buat sekitar bulan Januari nanti ataupun kita boleh dengar, kita boleh dapatkan semua daripada pihak-pihak yang ingin mencadangkan tempat-tempat mana yang harus dinaik taraf tak kira tempatnya, nilainya dan sebagainya. Namun saya rasa kita perlu letakkan siling juga supaya tidak, supaya pembangunan ataupun pengagihan yang seimbang dapat kita laksanakan termasuk untuk naik taraf kemudahan-kemudahan seperti padang, stadium dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, manakala selain itu sebagaimana yang telah disebutkan juga untuk stadium di Sungai Besar, kita akan peruntukkan sekitar RM1.2 juta dan saya mendapat permintaan untuk kita naik taraf Stadium Sabak Bernam namun begitu kita tangguhkan Stadium Sabak Bernam buat seketika mungkin saya akan, kita akan peruntukkan sekitar di bawah RM200,000.00 atau

RM300,000.00 untuk Stadium Sabak Bernam dan yang lainnya kita akan menunggu laporan daripada MSN di manakah kemudahan-kemudahan lain yang kritikal untuk diperbaiki sesuai dengan Pelan Pembangunan Sukan. Antara yang kita kenal pasti ialah gelanggang *lawn ball* ataupun boling padang yang sekarang ni kita kenal pasti tiga kawasan sama ada di Sepang, di MBSA ataupun di Majlis Daerah Kuala Selangor bersesuaian dengan lokasi dan juga kemudahan atlet-atlet kita yang akan berlatih nanti. Itu berkenaan dengan infrastruktur sukan. Manakala Sg. Air Tawar membangkitkan tentang keadaan stadium yang bumbungnya tercabut ya. Dan saya telah mendapat laporan ia adalah sebenarnya kejadian yang sangat baru, ia sekitar dalam tiga minggu yang atau dua minggu yang lalu apabila berlaku sedikit angin ribut di kawasan stadium tersebut dan beberapa belah kawasan bumbungnya terutama di bahagian kanan kalau dilihat di sebelah sini telah tercabut dan kita sedang mendapat laporan daripada MBSA. Memang benar di Stadium Melawati sekarang telah ada projek naik taraf dan sebelum ni Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sekitar RM250 juta sebenarnya bukan untuk semua tapi harus dipohon secara berperingkat daripada pihak Pengawal. Maknanya daripada masa ke semasa sama ada untuk naik taraf, setakat ini kita dah naik taraf gelanggang dan padangnya, saya lupa jumlahnya RM80,000.00 ataupun 80 CCTV yang telah kita pasang dan sekarang ini *board* LED di *score board* nya yang di sebelah kanan itu sudah boleh beroperasi dan boleh digunakan. Jadi, daripada masa ke semasa pihak pengurusan stadium akan mencadangkan apa yang harus dibuat ya. Berkenaan dengan warnanya memang daripada dulu warnanya begitu. Dia tak ada cat. Warnanya daripada dulu masa dia mula rasmikan tahun 2005 sampai...daripada mula-mula dirasmikan sampai sekarang warnanya memang tak pernah daripada warna BN ke, warna biru muda ke, warna apa ke, tak pernah. Jadi warnanya memang begitu. Memang *design* nya ataupun reka bentuknya telah dibuat begitu. Mungkin dibuat untuk elakkan penggunaan cat dan sebagainya. Kita perlu melihat balik kalau perlu ada cadangan untuk mengecat dan sebagainya.

Ahli Dewan sekalian, tadi Tanjung Sepat juga membangkitkan tentang kemudahan perahu layar. Jadi, *Insyah-Allah* ya, kita dapat senarai semua daripada pihak persatuan dan kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat juga ada cadangan-cadangan kita akan tengok kepada *priority*. Sebagai contoh tahun ni, kemudahan yang paling kritikal bagi perahu layar ialah kemudahan untuk *storage* nya ataupun kemudahan menyimpan barangnya dan sebab itulah kita meletakkan kos sekitar RM200,000.00 walaupun kita sasarkan RM50,000.00 saja dan kita letak RM200,000.00 untuk naiktaraf kemudahan di tempat perahu layar di Pantai Batu Laut sebagaimana yang dipohon oleh Sungai...oleh Sungai...oleh Tanjung Sepat, minta maaf saya. Oleh Tanjung Sepat.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, Tanjung Sepat membangkitkan berkenaan dengan Skim Usahawan Mikro. Sebenarnya Skim Usahawan Mikro ni adalah penjenamaan semula daripada program ataupun Dana Usahawan Mikro ini sebenarnya adalah penjenamaan semula daripada program Dana Industri Kampung

ataupun dipanggil DIK dulu ya. Kita tukarnya kepada Dana Usahawan Mikro sebab berkenaan dengan lokalitinya ya. Kalau kita lihat ada juga perusahaan-perusahaan kecil dan mikro yang bertempat di kawasan-kawasan....kawasan-kawasan taman, di kawasan-kawasan perumahan dan perkembangan *internet online business* atau perniagaan *online* tu di atas talian ini juga boleh meletakkan terutamanya di kawasan-kawasan perbandaran dan sebagainya. Sebab itu kita tukar namanya tapi kita letakkan namanya dengan nama Inggeris sikitlah Dana Usahawan Mikro ataupun dia punya singkatan dia SMEF ya, ataupun *Selangor Micro Entrepreneur Fund* sebab kalau Dana Usahawan Mikro kita pendekkan dia jadi DUMS, D.U.M.B. .. jadi dia jadi macam DUMB nanti susah, salah tafsir pula ya. Jadi, Dana Usahawan Mikro ini kita telah meningkatkan dana ataupun pinjamannya, ataupun bukan pinjaman, geran yang diberikan kepada penerima-penerima itu kepada RM30,000.00. Kalau dulu nilainya RM10,000.00 sekarang kita tingkatkan menjadi RM30,000.00 paling tidak satu daerah satu ya. Paling tidak satu daerah satu. Dan selepas itu daripada dahulu Dana Industri Kampung menumpukan pemberian kepada barangan-barangan, *machine*, oven dan sebagainya. Namun begitu dengan program yang dilaksanakan melalui Kerajaan Prihatin kita juga memberikan barangan-barangan sedemikian rupa, jadi kita telah mengembangkan kepada empat perkara. Yang pertamanya, barangan-barangan atau *machine*, keperluan-keperluan yang keduanya promosi sama ada ingin mempromosikan peringkat yang lebih besar. Yang ketiganya, pempakejan ataupun *labelling* dan sebagainya dan yang keempatnya meliputi aspek ataupun *intellectual properties* ataupun pempatenan. Ini saya rasa perkara baru yang perlu kita tekankan terutamanya kepada usahawan-usahawan *micro* iaitu mereka yang berniaga di bawah kitaran RM300,000.00 sebab ramai mereka ini aktif mencipta produk-produk tertentu, resipi-resipi tertentu, *design* ataupun reka bentuk tertentu tapi kita harus ajarkan juga tentang pempatenan sesuai dengan perjanjian TPPA ataupun *Free Trade Agreement* yang tidak dapat tidak saya kira kita kena bersiap sedia untuk perkara tersebut.

Jadi empat perkara yang kita kembangkan ini diharapkan dapat menyediakan platform yang baik kepada usahawan-usahawan kita supaya mereka boleh jauh dan pergi ke depan dalam dunia perniagaan.

Dibangkitkan juga tentang RM2.5 juta untuk promosi ya. Untuk promosi yang diberikan pada tahun 2016. Promosi-promosi ini adalah selain daripada kita memberikan bantuan. Selain kita memberikan sokongan dan khidmat latihan dan juga kursus-kursus yang kita anjurkan kita bagi barangan dan promosi, kita juga bagi ruang kepada mereka untuk menyertai karnival-karnival dan festival-festival yang besar antaranya kita telah bawa tahun ini sebagai contoh dalam halal festival. Halal Festival yang dianjurkan di beberapa peringkat PHACK, MIHAZ, HALAL FEST atau HAL FEST yang semuanya memberikan nilai tambah kepada usahawan-usahawan ini dan kita bagi ruang kepada usahawan-usahawan yang menunjukkan sikap yang sangat positif sama ada dalam program kursus kita, sama ada dalam program

pempakejan kita 4P ataupun dalam program-program dana usahawan *micro* yang kita laksanakan.

Dengan pendedahan-pendedahan, karnival-karnival dan EXPO Antarabangsa dan EXPO di peringkat lokal ini juga saya kira ia akan memberikan nilai tambah kepada usahawan-usahawan kita.

Program promosi lain juga selain daripada kita menyertai program-program mereka kita juga mencipta program-program dengan kerjasama pengendali-pengendali program yang sedia ada. Sebagai contoh ya, program yang kita bantu untuk laksanakan antaranya ialah Program seperti Selangor Food Festival ataupun yang kita sasarkan ialah Kedai *Made In* Selangor yang kita akan buat pada tahun hadapan dengan meletakkan mereka di beberapa kawasan-kawasan perniagaan yang besar seperti pusat-pusat beli-belah yang besar yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan Bukan Kerajaan Negeri untuk meletakkan usahawan-usahawan mikro ini atau usahawan-usahawan yang kita ada ini supaya mereka boleh berniaga dan menjual produk-produk mereka secara lebih besar ataupun dengan kadar pengunjung yang lebih besar.

Saya memang daripada masa ke semasa kita sedang cuba berbincang dengan pihak seperti TESCO, seperti ECONSAVE, seperti GIANT, yang telah kita banyak laburkan bagi program jom *shopping* saya kira ada baiknya untuk mereka sediakan tempat untuk usahawan-usahawan kita. Ini yang saya sebutkan dulu kalau kita terpaksa membina pusat-pusat pengumpulan IKS lebih baik kita meletakkan barang-barang IKS dan industri kecil ini di tempat yang sudah menjadi tumpuan awam dan tumpuan ramai dan kita lihat kepada jumlah kehadiran pengunjung-pengunjung bagi satu-satu pusat membeli belah sebagai contoh, Kompleks PKNS kita memang sudah berbincang sekarang bagaimana untuk meletakkan satu tempat yang kita namakan sebagai *Made In* Selangor ataupun produk-produk yang lahir daripada negeri Selangor dan daripada situ lah kita namakan program-program promosi ataupun program-program promosi sebagaimana yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat sebentar tadi.

Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian, yang terakhirnya ialah berkenaan dengan pusat kebudayaan. Ya memang betul pusat kebudayaan sudah tidak ada dalam projek negeri sebagaimana yang saya maklumkan sebab kita akan letakkan di bawah *STANDCO* Kebudayaan dan setakat ini *STANDCO* Kebudayaan akan menguruskan bagaimana sejauh mana kertas kerjanya untuk lengkap dan selepas itu kita akan pohon daripada pihak Kerajaan Negeri daripada dana pelbagai yang sedia ada kalau kita mampu siapkan pada bulan satu kertas kerjanya bulan enam, bulan satu daripada segi urusan tanahnya dan bulan enam insya-Allah kita akan boleh siapkan kertas kerja yang lengkap berdasarkan kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri ataupun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Dan yang terakhirnya, yang ini berkenaan dengan Damansara Utama. Damansara Utama membangkitkan tentang insentif perkahwinan yang tak nampak daripada Program MES. Sebenarnya mulai tahun 2013 lagi untuk program insentif perkahwinan belia ini kita telah letakkan di bawah sub pelbagai di bawah kepala pelbagai tapi untuk tahun 2015 dana yang telah diperuntukkan sekitar RM7.8 juta ini kita masukkan juga sebenarnya di bawah program belia ataupun program kepala belia ini iaitu program insentif perkahwinan belia memang tak ada dijelaskan kita cuma cengkil masuk program tu tetapi RM5 juta daripadanya adalah program untuk dana insentif perkahwinan belia dan insya-Allah kita akan sebab segala urusan tadbir dan pengurusannya diurus oleh STANCO Pembangunan Belia Negeri Selangor ataupun Pembangunan Generasi Muda Negeri Selangor jadi kita letakkan di bawah dana tersebut di bawah Sektor, jadi kita boleh laksanakan dan insya-Allah dananya ada Damansara Utama kalau berkahwin pun layak untuk memohon insentif perkahwinan belia.

Saya rasa dalam Dewan ini tinggal Damansara Utama aje yang layak yang lain tak layak. Ada lagi? Oh Teratai...minta maaf Teratai kat belakang tak nampak, saya nampak yang kat depan sahaja. Jadi itu sahajalah daripada saya, Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Rawang ada bertanya tentang Perpustakaan Bergerak untuk makluman kita di negeri Selangor kita ada 3 Perpustakaan Bergerak. Satu di Sabak Bernam, kedua di Klang dan ketiga di Kuala Langat dan Perpustakaan Bergerak ini berkhidmat ke 72 perhentian seperti Sekolah, Balai raya dan lain-lain lagi dan mempunyai 5,000 naskhah bacaan untuk kanak-kanak, remaja dan juga dewasa.

Seterusnya Taman Medan bertanya tentang sama ada tentang status Briged Prihatin Insan. Briged Prihatin Insan akan diteruskan pada 2016 dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM150,000.00 dan mengenai program-program Pusat Sehenti Gems kita ambil maklum di atas apa yang dibangkitkan oleh Taman Medan dan kita akan melibatkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang terlibat sama ada di kawasan Desa Mentari dan juga di kawasan Seri Perantau untuk aktiviti-aktiviti yang akan datang pada tahun 2016.

Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA : Mohon mencelah. Saya juga ada bangkitkan tentang Perpustakaan Bergerak tadi. Sebab jawapan daripada EXCO tidak memberi apa-apa tindakan. Dia hanya memaklumkan ada Perpustakaan Bergerak di kawasan-kawasan yang lain. Bagaimana dengan permohonan kami.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih saya sudah tentu akan kita akan melihat apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Taman Medan dan untuk tindakan Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor.

Seterusnya pihak Yang Berhormat Teratai membangkitkan tentang Sekolah Agama Rakyat Al-Huda. Untuk makluman ini bukan di bawah bantuan atau bukan di bawah bidang kuasa JAIS tetapi di bawah program bantuan sekolah yang berada di bawah *STANDCO* saya. Jadi apa-apa permohonan tentang peruntukan boleh dibuat untuk bantuan sekolah tahun yang akan datang.

Seterusnya pihak Yang Berhormat Tanjung Sepat ada menyebut tentang bantuan untuk dipanjangkan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan termasuk Sekolah Kebangsaan. Kita akan mengkajinya bagi masa hadapan berserta dengan bantuan untuk Sekolah Mubaligh ataupun dan juga Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

Seterusnya tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinrara untuk membangunkan *Apps* untuk Sistem Aduan. Buat masa ini rakyat boleh membuat aduan secara *online* menerusi STARS ataupun Sistem Aduan Rakyat Selangor bagi memenuhi pengguna *smartphone* yang semakin ramai Kerajaan Negeri akan menaik taraf sistem STARS ini ke versi *Apps* pada tahun hadapan. Jadi ini kita ambil perhatian tentang perkara tersebut.

Dan akhir sekali, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama tentang perincian Pembangunan Projek ICT sebanyak RM5.63 juta. Ini termasuk program peningkatan infrastruktur ICT seperti perolehan peralatan ICT, pelan strategik *sorry* perolehan peralatan ICT sebanyak RM550,000.00 ini termasuk pembelian komputer, pencetak, pengimbas dan lain-lain lagi dan kemudian pelan strategik teknologi maklumat RM250,000.00 ini meliputi 9 pejabat Daerah di negeri Selangor kerana pelan yang sedia ada telah pun tamat tempoh pada tahun 2015.

Seterusnya keselamatan dan rangkaian ICT termasuk perolehan Unifi *Trap Management System* dengan izin sebanyak RM450,000.00. Perolehan *Firewalls Stone Gate Higher Modul* secara *High Availability* sebanyak RM300,000.00 dan seterusnya Projek ICT termasuk lah Operasi iaitu perolehan *Server Fire Cloud* secara *High Availability* sebanyak RM500,000.00. Ini untuk memenuhi keperluan pertambahan aplikasi dalam *Server Fire Cloud* pada era ini dan memastikan *Server Fire Cloud* berfungsi secara *High Availability* dengan izin.

Perolehan *sand storage* sebanyak RM200,000.00 dan juga perolehan *desk talk conferencing* sebanyak RM250,000.00 ini untuk membolehkan maklumat mesyuarat-mesyuarat diadakan secara *conferencing* antara pentadbiran SUK dengan 9 pejabat Daerah dan Tanah serta 12 PBT.

Selain itu ada juga perolehan *storage backup* sebanyak RM300,000.00. Perolehan *End TP Server* sebanyak RM30,000.00. Peningkatan rangkaian, pertama capaian *internet* dan IPVPN dengan Telekom Malaysia sebanyak RM1,750,000.00 ini untuk penyediaan talian dan rangkaian *internet* dengan Syarikat Telekom Malaysia dan juga Pejabat SUK Selangor dan 9 Pejabat Tanah.

Seterusnya menaik taraf dan penstrukturan rangkaian di Pejabat SUK Selangor dan Pejabat Daerah sebanyak RM400,000.00. Pembangunan Sistem BPSM iaitu Sistem Latihan Bagi Pusat Latihan Awam Selangor Ataupun PLAS sebanyak RM250,000.00. Pembangunan dan penambahbaikan Sistem di Bahagian SUK termasuk di UPEN, Unit Integriti dan juga Unit Bencana sebanyak RM150,000.00 dan pembangunan ataupun penambahbaikan sistem di dalam Portal iaitu Unit *Webs* sebanyak RM200,000.00. Jadi jumlahnya ialah sebanyak RM5,630,000.00 dan selain daripada itu juga di bawah Projek Sains, Teknologi dan Inovasi kita ada program latihan dan kursus pembudayaan ICT, program EXPO IT Selangor, Inovasi Selangor, STAMPS Selangor, kempen program dan kesedaran ICT, media sosial berkesan, pendidikan dan pembangunan dan juga *E-Education* yang berjumlah sebanyak RM1,000,000.00 jadi itu semua *detail* daripada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Alam Shah.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian yang telah menyentuh berkenaan dengan Jawatankuasa di bawah saya berkenaan tentang cadangan dan syor daripada Yang Berhormat Sekinchan berhubung dengan cadangan kos pengangkutan. Penerima Bantuan *Voucher* pasar raya terlibat semasa program pemberian bantuan dijalankan supaya turut diambil kira dan dimasukkan ke dalam bajet peruntukan memang cadangan yang baik namun begitu sekiranya kos pengangkutan ini diambil kira ia akan melibatkan implikasi kos yang lebih besar. Oleh yang demikian, kos pengangkutan tersebut disyorkan supaya dibiayai di bawah peruntukan YB ADUN masing-masing untuk setakat ini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil maklum akan syor dan cadangan daripada Sekinchan pada sesi perbincangan belanjawan kali ini berhubung cadangan menaikkan nilai *Voucher* daripada 100 kepada 150.00. Memang saya sendiri telah mencadangkan hal ini dalam MMKN dan juga UPEN pun telah cadangkan namun begitu sebenarnya jumlah perbelanjaan sehingga 30 Oktober 2015 bagi program Pemberian Bantuan *Voucher* untuk rakyat miskin bersempena perayaan tahun 2015 Tahun Baru Cina, Raya Aidil Fitri dan Deepavali melibatkan nilai RM100.00 *voucher* adalah tinggi iaitu RM6,347,500.00.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai setiap *voucher* daripada 100 kepada 150 dijangka akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan perlu diteliti semula. Dalam pada itu, perlu juga diambil kira semua program-program di bawah

MES yang lain di mana Kerajaan Negeri telah membelanjakan begitu jumlah yang besar dalam membantu orang-orang yang sangat diperlukan di bawah program *voucher* ini namun begitu saya rasa tidak boleh tolak saya percaya disebabkan kenalan daripada GST perlunya satu peningkatan dilakukan dalam masa akan datang dan Kerajaan Negeri akan berbincang dan akan membuat 1 kertas sediaan untuk menaikkan ataupun menilai semula baucar tersebut. Bagi mengambil kira cadangan daripada.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Minta sedikit penjelasan.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Berkaitan dengan baucar *Jom Shopping* ini saya ucapkan terima kasihlah ya. Usaha kerajaan untuk meneliti dari masa ke semasa. Tapi saya cuma nampak RM150.00 ini kita sekarang ini pembelian RM100.00 untuk setiap penerima. Ini sumbangan ini diambil daripada *contribution* daripada GLC, Semesta dan sebagainya. Saya nak dapat sedikit *detail* sama ada ini daripada Semesta ataupun GLC yang lain. Bolehkah ini ditambah daripada GLC yang lain supaya boleh dijadikan RM150.00?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Terima kasih Sekinchan. Memang untuk pada masa kini peruntukannya daripada Kerajaan Negeri di bawah bajet. Memang kita dapatkan dia dulu pernah diberitahu dibawa peruntukan dibawa daripada GST khususnya daripada KSSB. Tapi apa yang saya difahamkan KSSB peruntukkan lebih kepada Kerajaan Prihatin untuk membina rumah-rumah baru. Rumah di bawah Kerajaan Prihatin. Di bawah pembasmian kemiskinan baucar ini sebenarnya datang daripada apa yang saya difahamkan adalah daripada *direct* daripada bajet Kerajaan Negeri Selangor. Itu yang difahamkan. Hanya sumbangan daripada semua GLC-GLC adalah lebih kepada Kerajaan Prihatin. Ia adalah 1 program berbeza daripada baucar kerajaan di bawah baucar *Jom Shopping* di bawah program ini.

Dan kembali kepada Yang Berhormat Kinrara berhubung program baucar perayaan ini dipanjangkan daripada penganut Kristian. Secara peribadi saya rasa saya sendiri sokong penuh cadangan Yang Berhormat. Akan saya membawa perkara ini dalam MMKN akan datang. Mungkin saya berbincang dengan yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. Dan kita tunggu dan lihat dengan *purpose* disebabkan 1 peruntukan yang perlu kos yang lebih tinggi diperlukan maka kita akan membuat kajian yang sebaik-baik mungkin. Sebab kita hanya untuk masa kini kita ambil kira Aidilfitri dan juga Tahun Baru Cina, Deepavali diraikan kaum yang, yang sebagai perayaan utama di Negeri Selangor. Saya rasa tidak salah kita ambil kira tapi biar, ia diperincikan dan juga dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Berhubung dengan cadangan daripada Selat Klang, ya, bagi, agar peruntukan di bawah Kerajaan Prihatin dipanjangkan kepada Orang Asli. Memang ini adalah 1 cadangan yang baik namun begitu sudah adanya peruntukan yang khas telah diberi kepada di bawah Orang Asli dan juga di bawah jagaan Yang Berhormat Elizabeth Wong. Mungkin, *but* namun begitu Kerajaan Prihatin di bawah *STANDCO* Jawatankuasa Kerajaan Prihatin tiada masalah sekiranya pemohon-pemohon tersebut dapat menepati syarat-syarat yang diletakkan di bawah Kerajaan Prihatin. Ya, itu satu.

Kembali kepada Damansara Utama yang telah mencadangkan supaya satu peruntukan yang lebih besar diberi dan juga program-program yang berupa motivasi dibuat lebih banyak kepada anak-anak pekerja ladang. Memang tahun ini dan tahun sebelumnya RM1 juta diperuntukkan untuk pembangunan anak-anak pekerja ladang. Peruntukan ini diguna pakai untuk tambang bas sekolah, kem motivasi, UPSR, penghargaan pencapaian anak-anak pekerja ladang dalam UPSR dan juga setakat ini kem-kem seperti memartabatkan Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik telah pun dijalankan. Namun begitu peruntukan juga diguna pakai melalui *STANDCO* daripada Pendidikan iaitu RM4 juta diberikan kepada Sekolah Tamil. Dan ini adalah dilainkan. Maka apabila dicampurkan kita dapat membuat program-program di bawah RM1 juta ini kita dapat tapi memang seperti yang diakui, saya perlu akui bahawa kita bukan ada peruntukan seperti daripada GLC mahupun mahu pun seperti JAIS di mana peruntukan yang sangat besar disalurkan untuk membangunkan anak-anak daripada SAR. Kita Sekolah Tamil ataupun sekolah yang berada di dalam kawasan yang luar bandar ini, daripada estet memang pembelaannya kurang. Namun begitu, saya, kami amat berbesar hati dengan peruntukan yang RM1 juta yang dikekalkan. Saya percaya Kerajaan Negeri akan mengkaji dalam masa-masa akan datang untuk menambahkan peruntukan yang sedia ada.

Berhubung dengan Taman Medan yang menyatakan tentang keperluannya. Kubur bagi kaum Kristian di PJ dan khususnya kepada DUN Taman Medan sendiri. Memang ini adalah daripada awal lagi diskriminasi yang telah dilakukan oleh Kerajaan masa dahulu sebarang *town planning* yang telah dilakukan dengan izin, oleh kerajaan lalu telah meminggirkan keperluan-keperluan daripada kaum minoriti khususnya tempat ibadat dan juga kubur. Kawasan PJ, Petaling Jaya adalah sudah dikatakan boleh dikatakan kawasan pembangunannya tepu. Sudah di tepu. Namun begitu dalam Jawatankuasa Hal Ehwal selain Islam yang baru lalu memang kita telah mensyaratkan supaya letakkan syarat kepada setiap pembangunan dalam kawasan di Petaling supaya tempat kubur untuk kaum minoriti diberikan khususnya kepada Kristian yang memang kritikal dalam keadaan yang kritikal di kawasan PJ sekarang. Namun begitu saya percaya dalam seperti pembangunan yang terbaru dalam kawasan lain dan juga kawasan Puchong yang sekarang kita yang baru so kita, kita meletakkan syarat supaya adakan kubur untuk kaum Kristian dan saya percaya ada

mid positive responds ya dengan izin. Saya bagaimanapun masih lagi menunggu daripada jawapan daripada Majlis Bandar Raya Petaling Jaya.

Berhubung dengan saranan daripada Rawang berkaitan dengan krematorium yang perlu dibina di kawasan Rawang, krematorium ini memang yang terbaru bukan sahaja di kawasan Rawang. Saya telah menerima beberapa surat daripada Kuala Selangor, Rawang dan juga Kuala Langat, Banting yang mereka memerlukan pembinaan krematorium yang, yang sangat penting. Memang dalam perancangan kubur untuk kaum Hindu khususnya mereka kurangkan tanah untuk kaum Hindu dikatakan disebabkan kaum Hindu lebih membakar mayat daripada menanam. Namun begitu apa yang saya nampak PBT dan juga pihak-pihak yang bertanggungjawab tidak ada satu peruntukan yang khusus untuk membina krematorium sebelum ini. Ya, ada juga program daripada pusat yang ada dikatakan saya belum dapat lagi kertas putih, kertas apa-apa *confirmation* daripada Kerajaan Pusat di mana mereka nak bina satu krematorium di Kuala Langat baru-baru. Begitu juga ada projek-projek khas daripada *PM Department* yang mana mereka nak bina dan ada pihak yang *hold* dengan program tersebut. Kita Kerajaan Negeri sebenarnya tiada sebarang halangan. Namun begitu sebagai Kerajaan Negeri yang membela semua lapisan masyarakat dan kita memang ada 1 dana untuk kubur-kubur termasuk kubur Islam. Maka saya kalau sekiranya keperluan memang di Rawang itu ada keperluan yang sangat tinggi. Saya percaya kalau sekiranya Rawang menulis kepada pihak kerajaan dan juga kepada saya, mungkin saya akan bawakan kepada dana tersebut supaya dana ini dapat diguna pakai dalam pembinaan krematorium di Rawang.

Akhir kata, akhirnya Yang Berhormat Permatang telah membawa isu dengan mengatakan rumah mampu milik untuk pekerja, untuk bekas pekerja-pekerja ladang. Memang Kerajaan Negeri sedang mengkaji sedalam-dalamnya, dalam menyelesaikan isu-isu tentang tapak perumahan bagi pekerja-pekerja ladang tersebut. Namun dengan cadangan-cadangan yang lain saya rasa terserah kepada Y.B.–Y.B. EXCO-EXCO lain untuk menjawab. Dengan itu terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih tuan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang menyentuh tentang Vot P01, PK6 Wanita dan kebajikan serta kesihatan. Saya mengalu-alukan cadangan daripada Damansara Utama agar Kerajaan Negeri mewujudkan projek perintis *affordable Child Care Centre* di kawasan Pangsapuri Kos Rendah atau PPRT bagi menggalakkan peningkatan penglibatan wanita dalam sektor tenaga kerja. Hal ini memang dalam perhatian dan perancangan Kerajaan Negeri dan juga pihak Jawatankuasa telah pun bermesyuarat pada 9 hari bulan Sebelas baru-baru ini yang mana ia melibatkan pihak Jabatan Kebajikan masyarakat serta beberapa NGO bagi tujuan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ijok yang begitu prihatin tentang program kesihatan lelaki yang mana Kerajaan Negeri tidak akan melupakan kesejahteraan kaum lelaki. Jadi untuk itu, satu program kesihatan lelaki iaitu Skim Kesihatan Lelaki iaitu pemeriksaan saringan kanser prostat secara percuma akan dirangka dan dijangka akan dilaksanakan paling lewat pada 2017. Buat masa ini kita sedang mengkaji dan menyediakan mekanisme pelaksanaan program ini.

Sementara, *concern* daripada Ijok ialah tentang ziarah pesakit terlantar. Kerajaan Negeri melalui program Ziarah Medik ada membuat lawatan ke hospital-hospital serta rumah-rumah jagaan orang tua bagi tujuan pemeriksaan kesihatan percuma bersama dengan pelbagai pihak antaranya Pejabat Kesihatan Daerah, NGO-NGO, Lembaga Zakat Selangor, sukarelawan daripada IPTS serta seperti UNISEL dan KUIS. Cadangan Ijok untuk pihak Kerajaan Negeri turun padang menziarahi orang-orang yang sakit terlantar ini boleh dilaksanakan dengan kerjasama pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan juga ADUN bagi mengenal pasti pesakit-pesakit yang perlu diziarahi di kawasan DUN masing-masing. Jadi pihak Kesihatan Daerah akan membuat pemeriksaan kesihatan secara percuma apabila turun padang.

Berkenaan dengan pecahan peruntukan kesihatan iaitu RM3.3 juta yang mana RM500,000.00 adalah untuk program Bantuan Sihat Selangor. Program ini adalah untuk memberi bantuan kewangan kepada golongan sasaran bagi meringankan kos kewangan rawatan perubatan dan permohonan ini adalah daripada pesakit yang memerlukan kewangan untuk kos rawatan katarak mata, pembedahan kecil, kaki palsu, bantuan peralatan kesihatan, bantuan susu khas dan lampin pakai buang. Untuk panel dialisis diperuntukkan RM800,000.00 yang mana ia adalah untuk memberikan ataupun menyalurkan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit di Pusat yang terpilih iaitu yang mana kita telah sebut baru-baru ini, 20 panel Dialisis Selangor yang terpilih dan ini adalah bagi meringankan kos rawatan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis.

Sementara RM500,000.00 pula adalah untuk program Sihat Selangor yang mana ia adalah untuk program-program seperti Kempen Kesihatan, seminar dan program-program daripada pihak Kerajaan Negeri. Program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan amalan gaya hidup sihat, cara pemakanan sihat serta kebersihan persekitaran.

Sementara RM1.5 juta adalah untuk aktiviti pencegahan dan kawalan denggi. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta bagi tahun 2016 untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan juga Pejabat Daerah dan Tanah, yang mana isu tentang denggi di, dikemukakan oleh Ijok dan juga Batu Tiga. Kerajaan Negeri merancang untuk melaksanakan program-program melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Daerah.

- i) Program gotong-royong dan aktiviti pencegahan denggi dengan had RM10,000.00 bagi setiap ADUN yang akan melaksanakan program ini di kawasan masing-masing. Peruntukan ini akan dipantau sepenuhnya oleh Pejabat Daerah dan Tanah
- ii) Kerajaan Negeri bercadang untuk menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak RM50,000,00.00 bagi melaksanakan Pelan Tindakan Strategik Sifar Pembiakan Aedes 2016 yang merangkumi aktiviti pencegahan dan kawalan denggi. Ini termasuk aktiviti tapak bina sifar aedes, perumahan bertingkat sifar aedes, sekolah sifar aedes, program pendidikan pencegahan denggi di peringkat sekolah dan tadika pembelian racun serangga, dan lain-lain keperluan promosi oleh pihak PBT. Selebihnya Kerajaan Negeri akan menggunakan peruntukkan sebanyak RM300,000 bagi melaksanakan Pilot Projek Teknologi Baru dengan kerjasama PBT Negeri Selangor di kawasan-kawasan *hotspot* Denggi.

Batu Tiga menanyakan tentang MAPMAS serta peruntukkan dan keahlian serta aktiviti MAPMAS. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan Negeri sedang dalam tindakan menyediakan Kertas Penambahbaikan Penstrukturan semula MAPMAS termasuklah jumlah peruntukkan baru yang diperlukan serta keahliannya. Pada 27 Oktober yang lalu satu sesi perbincangan awal dengan pihak TENAGANITA sebagai badan bertindak MAPMAS telah diadakan. Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak TENAGANITA telah bersetuju untuk melihat semula keperluan semasa serta peruntukan yang berkaitan bagi tujuan pelaksanaan program-program MAPMAS. Kerajaan Negeri juga sedang meneliti keperluan untuk melibatkan NGO-NGO dan agensi lain yang berkaitan untuk turut sama menjalankan pelaksanaan MAKMAS ini. Batu Tiga bertanya tentang kanak-kanak...

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Mohon mencelah....

TUAN SPEAKER : Sementa, Batu Tiga minta mencelah

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Minta penjelasan sedikit, kalau ikut jawapan yang diberi itu apakah ianya sudah ada bajet yang disediakan ataupun menunggu penelitian yang dibuat baru bajet akan dibentang ataupun diambil daripada mana-mana peruntukkan lain.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Batu Tiga. Buat masa ini kita tidak memperuntukkan bajet untuk MAKMAS ini tetapi dalam penggal yang lepas kita...Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah 100,000 untuk MAKMAS beroperasi dan masih ada lagi baki daripada 100,000 tersebut. Jadi kita boleh menggunakan baki tersebut dan untuk dalam masa akan datang kita akan cuba dapatkan bajet sekiranya diperlukan dalam, untuk 2016 nanti.

Seterusnya berkaitan dengan kanak-kanak, Batu Tiga bertanyakan tentang peruntukkan bagi pembangunan kanak-kanak. Perancangan bagi pembangunan kanak-kanak termasuk dalam peruntukkan jawatankuasa tetap kebajikan iaitu sebanyak RM180,000.00 daripada sejumlah RM800,000.00 bagi 2016. Berkaitan dengan 50,000 RM50,000 yang akan disalurkan kepada NGO, untuk pengetahuan ahli-ahli YB Kerajaan Negeri bercadang menyalurkan sebanyak 30,000 kepada Pertubuhan WAO *Women Aids Organization* sebagai satu pengiktirafan pada WAO dalam menangani permasalahan keganasan rumah tangga yang kebanyakan mangsa adalah terdiri daripada wanita. Ini merupakan julung kali Kerajaan Negeri mengiktiraf sumbangan dan peranan WAO dalam menyumbang kepada golongan wanita di Negeri Selangor. Baki peruntukan tersebut boleh dipertimbangkan kepada NGO wanita yang lain mengikut keperluan serta latar belakang pertubuhan terbabit.

Sementara Kampung Tunku, Batu Tiga, Teratai dan juga Tanjung Sepat memperkatakan tentang Pusat Wanita Berdaya. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua ahli-ahli YB di seluruh Negeri Selangor ini kerana telah pun memberikan sokongan dan juga sumbang saran serta cadangan yang baik kepada PWB di DUN masing-masing. Dan saya dimaklumkan semua para penyelia di setiap DUN sangat berterima kasih dan gembira atas sokongan daripada semua ahli-ahli YB dalam program-program yang dilaksanakan oleh PWB. Kampung Tunku juga mencadangkan agar tidak dilaksanakan 10 bidang fokus yang disebutkan tadi. Untuk pengetahuan ahli-ahli YB kesemua 10 bidang fokus yang disebutkan itu bukanlah perlu dilaksanakan sekali gus dalam satu tahun. Tetapi ia, bidang-bidang ini adalah difikirkan penting dalam aspek pembangunan dan pemberdayaan wanita secara jangka panjang. Oleh yang demikian pihak Kerajaan Negeri merancang melaksanakan program-program ini secara berperingkat mengikut keutamaan. Sebagai contoh untuk tahun ini kita telah pun melaksanakan bidang fokus iaitu kepimpinan, kefahaman gender dan pengurusan kewangan. Serta bagi tahun hadapan kita merancang untuk fokus kepada bidang-bidang lain iaitu hak dan undang-undang wanita, serta ekonomi. Aktiviti PWB, berkenaan kertas kerja cadangan daripada pihak ADUN.....

TUAN SPEAKER : Sementa, Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Adakah YB, saya ingin bertanya Tuan Speaker tentang keberkesanan program-program ini di mana adakah Kerajaan mempunyai satu garis panduan ataupun kayu pengukur untuk menilai keberkesanan program-program ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Kampung Tunku. Setelah program-program ini dilaksanakan, kita akan mengambil ataupun mendapatkan data-data kehadiran dan juga kita akan memberikan soal selidik kepada para peserta dan di situ kita akan cuba menilai tentang keberkesanan

program-program ini dilaksanakan. Tentang aktiviti-aktiviti PWB saya teruskan kepada seterusnya. Berkenaan kertas kerja cadangan program kepada pihak ADUN kerajaan negeri amat mengalu-alukan cadangan-cadangan aktiviti serta program untuk dilaksanakan di peringkat PWB DUN masing-masing. Ketika ini juga kita menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak penyelia PWB yang juga disahkan oleh ahli-ahli YB di DUN masing-masing. Berkenaan dengan saluran peruntukkan PWB, berhubung dengan cadangan penyaluran peruntukkan berjumlah 30,000 secara terus ke akaun setiap PWB DUN untuk pengetahuan ahli-ahli YB, penyaluran peruntukkan PWB ke setiap Pejabat Daerah dan Tanah seperti yang dilaksanakan kini adalah seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat MMKN pada peringkat awal pelaksanaan PWB. Ini bermakna kaedah ini telah disarankan dan dipersetujui pihak Perbendaharaan Negeri sebagai pihak yang menyalurkan peruntukkan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri akan mengambil maklum dan mendapatkan ulasan dan kelulusan Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut cadangan tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Berkenaan dengan saluran peruntukkan kewangan ini, sebenarnya telah pun dibangkitkan oleh ADUN di Dewan Yang Mulia ini tentang kelemahan-kelemahannya. Tadi YB EXCO mengatakan bahawa itu telah pun dipersetujui pada peringkat awal kelulusan PWB. Mungkinkah dan bolehkah keputusan ini dipinda ataupun diubah memandangkan terdapat aduan yang berterusan daripada Wakil Rakyat terhadap keberkesanan cara ini.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Kampung Tunku. Berkenaan dengan penyaluran kewangan tersebut ia adalah prosedur yang sama seperti dilaksanakan oleh seperti yang ADUN-ADUN juga Ketua-ketua Kampung. Jadi PWB juga adalah mengikut prosedur-prosedur yang sama yang mana peruntukkan tersebut di Pejabat Daerah untuk apabila berlaku di apabila ada program, maka pihak PWB akan menghantar kertas kerja dan Pejabat Daerah akan setelah kelulusan Pejabat Daerah akan mengeluarkan peruntukkan tersebut.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Speaker ingin mencelah

TUAN SPEAKER: Sri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Saya ingin bertanya pihak EXCO, seperti mana yang pihak EXCO nyatakan tadi kelulusan PWB diluluskan oleh Pihak DUN. Tapi sebenarnya tidak. Kelulusan yang dimohon oleh PWB DUN diluluskan oleh pihak EXCO. Kertas kerja yang termaktub di dalam itu kalau mengikut ADUN meluluskan tetapi bila sampai ke peringkat EXCO, EXCO telah mengurangkan jumlah untuk program tersebut.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Seri Serdang. Tentang peruntukkan ataupun kelulusan setiap Kertas Kerja yang dikemukakan oleh Penyelia

PWB, sepatutnya diluluskan oleh ADUN. Sekiranya mereka tidak, sekiranya ADUN tidak dapat ataupun mungkin tidak ada di pejabat dan ianya perlu disegerakan maka kita ingin memudahkan kepada Penyelia agar kelulusan itu diluluskan oleh peringkat Pengurusan PWB, iaitu Pengurusan PWB. Penyelaras, Penyelaras PWB. Dan....

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Tuan Speaker, saya nak tanya EXCO setakat hari ini saya rasa PWB Selat Kelang dia tak lalulah kepada ADUN. Sepatutnya kita sepadankan dia supaya apa masalah tentang wanita keperluan kita nak minta, saya juga yang membawa apa tu kepada Kerajaan supaya memberi peruntukkan khas untuk PWB ini. Jadi sekarang dia dah tak lalu, dia *parallel*, dia terus aje dia tak pandang ADUN, kenapa ya...

Y.B. PUAN DR DAROYAH ALWI: Ok terima kasih Selat Kelang. Sebab itulah saya sebutkan tadi yang pertama harus ditandatangani oleh ADUN tetapi sekiranya ADUN mungkin sibuk di luar negara atau ada hal yang lain maka kita ingin memudahkan pihak pengurusan di Pejabat EXCO yang akan meluluskan permohonan tersebut. Berkenaan dengan.....

TUAN SPEAKER: Sementa nak bagi siapa dulu...ini Selat Kelang....

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Ini tak apa...ADUN nya tak pergi luar negara dan *available*, sentiasa *available*. Sekali pun tak melalui ADUN.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Saya kira ia perlu diperbetulkan di peringkat DUN dan juga penyelia di kawasan masing-masing.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

TUAN SPEAKER: Ya Sementa, Kg. Tunku atau Sri Serdang. Sri Serdang....

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Ok terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih EXCO. Seri Serdang ingin menyarankan disebabkan PWB ini permasalahannya yang begitu banyak ketara dan kita memfokuskan supaya saranan daripada Seri Serdang 30,000 yang kami sendiri waktu pembentangan dulu memohon bajet 30,000 ini supaya dimasukkan di Pusat Khidmat DUN dan ditadbir oleh PWB DUN masing-masing sebab apabila berstruktur atau tak berstruktur dalam program-program ini yang diletakkan oleh pejabat EXCO ini tidak kena menepati daripada DUN-DUN yang lain. Sebab permintaan di DUN-DUN itu berbeza. Contoh di DUN Sri Serdang. Kita ada luas kawasannya, ramai wanitanya tapi yang dihadkan 50 orang dan ditolakkan daripada peruntukkan itu 2,500, buat dekat masjid, tak kena bayaran, makanan pagi RM1.00 saja nasi lemak. *Charge* 2,500 yang dikelolakan oleh Pusat Khidmat, Pusat PWB Pejabat EXCO. Ini satu yang tidak kena yang saya rasa supaya perubahan ini kita *revise* semula dan minta balik kita supaya meletakkan PWB ini pada tempatnya.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya ingin bertanya kepada YB EXCO, bolehkah prosedur ini diringkaskan. Tadi YB mengatakan bahawa peruntukkan akan diturunkan ke Pejabat Tanah Dan Daerah, betul. Tapi kelulusannya perlu mendapat kelulusan di peringkat Shah Alam. Jadi ada dua peringkat sekarang, bukannya satu peringkat. Dia tidak begitu sama dengan peruntukkan kawasan ADUN. Peruntukkan Kawasan ADUN kalau telah pun meluluskan kriteria-kriteria dalam pekeliling tertentu diluluskan boleh disiapkan dalam masa dua minggu. Tapi peruntukkan PWB ini kena melalui ADUN, ADUN *sign* tidak ada masalah kemudian dihantar ke pejabat EXCO untuk kelulusan dan kemudian kalau mendapat kelulusan baru dapat peruntukkan atau kelulusan daripada Pejabat Tanah dan Daerah. Itu pun kalau EXCO setuju dan itu pun kalau peruntukkan atau program itu diserahkan dalam masa yang telah pun ditetapkan. Sekiranya mana-mana satu kriteria tidak dapat dipenuhi maka akan menjadi masalah, program tergendala. Akhirnya DUN pula kena menggunakan peruntukkan kawasan sendiri untuk *top up* ataupun membiayai sesuatu program yang telah pun dirancang sebelum ini. Jadi ini masalah dia. Bolehkah kita ringkaskan menjadikannya mirip ataupun semirip mungkin yang boleh kepada pengurusan peruntukkan kawasan ADUN. Itu cadangan saya.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Ya terima kasih kepada Seri Serdang dan juga Kampung Tunku. Apa yang diperkatakan Seri Serdang tentang program yang hanya diberi peruntukkan sebanyak RM2,500 dan pihak Pejabat EXCO *slash* lagi, sebenarnya kita akan meneliti setiap permohonan dan juga apabila ianya adalah tidak munasabah maka kita akan memberikan peruntukkan sewajarnya kerana kita maklum bahawa setiap satu-satu program PWB ini adalah program yang berskala kecil tidak perlu menggunakan peruntukkan yang sangat besar. Jadi mengehaskan kepada RM250,000.00 paling tinggi supaya dengan RM30,000.00 yang diperuntukkan sekiranya satu program RM250,000.00 boleh melaksanakan sejumlah 12 program untuk PWB di kawasan masing-masing. Tetapi sekiranya '*list*' daripada kurang daripada RM250,000.00 lebih banyak lagi program-program PWB boleh dilaksanakan di kawasan masing-masing. Jadi sebab itulah kita juga maknanya kita memerhatikan setiap perbelanjaan yang dikemukakan. Berkenaan dengan cadangan Kampung Tunku untuk mempermudah atau meringkaskan perjalanan kelulusan tersebut tapi inilah yang telah pun diputuskan di peringkat MMKN bahawa perlu ada kelulusan daripada peringkat EXCO kerana PWB adalah di bawah EXCO Wanita. Jadi kita perlu '*guide*' tentang program-program PWB ini agar tidak tersasar daripada landasan yang diperlukan. Ok seterusnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, saya nampak penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO yang berkaitan dengan kita perlu berjimat cermat dan tidak tersasar daripada matlamat. Saya nak tanya minta penjelasan tentang program promosi lawatan luar negara B to B, *'table top'* Batam, Indonesia yang nak dibawa ini apa tujuan sebenarnya kena beritahu oleh Wanita ini. Saya nak minta penjelasan.

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan, berkenaan program sebenarnya ia bukanlah satu program yang rasmi daripada pejabat EXCO untuk penyelia-penyelia PWB ini turun ke Batam. Ia adalah satu inisiatif sendiri daripada pihak penyelia-penyelia memandangkan ada satu program daripada Tourism Selangor turun ke Batam untuk mempromosikan Negeri Selangor. Jadi saya kira ia mengambil kesempatan dan peluang agar PWB ini boleh membuka mata untuk melihat apa yang berlaku di luar jadi saya hanya mencadangkan kepada penyelia-penyelia siapa yang berminat dengan wang sendiri untuk turun bersama dalam delegasi tersebut dan dalam masa yang sama mereka juga perlu membawa nama PWB dan membawa nama Selangor dan mereka perlu membuat pembentangan tentang PWB dan juga produk-produk beberapa produk yang kita akan bawa ke Batam tersebut untuk diberikan, untuk diketengahkan. Jadi memang tidak ada berkaitan dengan peruntukan mana-mana Kerajaan Negeri.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Tuan Speaker, izinkan saya untuk mencelah sedikit YB. Sebenarnya ada satu macam *'fair trip fair tourism fair'* di Pulau Batam. Yang saya dimaklumkan oleh Tourism Selangor ianya diselaraskan oleh Tourism Indonesia dan Tourism Selangor diminta untuk pergi ke sana untuk buat B to B, *'business to business'*, perhubungan antara dua pihaklah. Saya ingin jelaskan kepada dewan ini bahawa saya memang tidak dimaklumkan bahawa ada rombongan yang besar dan perkara ini sepatutnya harus dibentangkan di peringkat EXCO kerana sesiapa yang pergi ke luar negara menggunakan nama Selangor atau pun Tourism Selangor harus mendapat persetujuan atau pun kelulusan daripada EXCO. So mungkin saya harap kita dapat jawab soalan daripada Sekinchan.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta Celah.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih, saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan B to B, lawatan ke luar negara ini sebab dah semak dengan penyelia PWB saya mereka memang tidak dalam kegelapan dan B to B ini kalau dia bukan satu lawatan rasmi apa yang berlaku ialah kita difahamkan

bahawa ada satu permohonan untuk tiket penerbangan RM5,500.00 seorang, sepuluh orang dan sebagainya. Boleh kita minta penjelasan, terima kasih.

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teratai, berkenaan dengan program ini yang mana sekali lagi saya sebut ia tidak melibatkan mana-mana peruntukan kewangan dan ia adalah atas inisiatif penyelia-penyelia ini sendiri. Dan oleh kerana ada kekosongan untuk daripada pihak Tourism jadi kita di antara para penyelia itu ada yang berminat untuk pergi maka tiada halangan untuk mereka menyertai perjalanan tersebut.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta celah.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Sekiranya ini bukanlah ialah satu lawatan rasmi jadi mengapakan perlu melalui Kerajaan Selangor ke atau seperti mana kita baca adalah nampaknya macam melibatkan Tourism Selangor dan juga pejabat Yang Berhormat EXCO Sementa. Jadi memang kalau ini satu lawatan rasmi bukannya patut merupakan satu urusan peribadi dan bukan melalui kerajaan, terima kasih.

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Teratai, jadi saya kira ini mungkin di peringkat teknikal yang mana ia boleh diperbaiki dan saya kira ia tidak perlu berulang lagilah di masa akan datang. Ok baik seterusnya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak tambah sedikit.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, berkenaan dengan inisiatif sendiri yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO tapi cuma PWB ini kita lantik dia sebagai pegawai penyelia di kawasan untuk PWB baru hampir setahun mereka bergelar. Jadi pihak EXCO kalau dikatakan nak membawa mereka ke luar negeri sepatutnya satu perancangan terperinci ya kalau boleh bukan sahaja inisiatif sendiri, kalau boleh masa akan datang kena bawa dan gunakan wang kerajaan, itu baru betul-betul bawa, ini suruh inisiatif sendiri dan kemudian kena datang kepada ADUN dan sebagainya. Ini menyebabkan mereka tertekan sama ada nak pergi atau tak nak pergi. Jadi kalau ini betul-betul nak bawa mereka B to B dan sebagainya pihak EXCO perlu perancangan yang teliti bukan macam ini. Saya minta ya.

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Sekinchan, saya menyambut baik cadangan Sekinchan yang mana ini adalah kali pertama dan juga cubaan untuk mereka jadi saya, mereka juga perlu membuat laporan apabila mereka pulang jadi *insya-Allah* di masa akan datang kita akan pelankan yang perkara ini dengan sebaik mungkin agar apa yang dibuat dan juga apa yang dilawat, apa yang

dilihat dapat di manfaat sebaiknya untuk kita semua. Ok seterusnya pergi kepada pecahan peruntukan pembangunan wanita yang mana RM2 juta program pembangunan dan pemerdayaan PWB RM230,000.00 program pembangunan keluarga, RM400,000.00 program pemerdayaan ekonomi hawa, RM220,000.00 program-program kempen-kempen kesedaran dan RM150,000.00 program-program sambutan wanita dan keluarga.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker, Tadi YB EXCO kata program yang mengikut jumlah-jumlah untuk diluluskan kalau jumlah itu berskala kecil dia akan diluluskan berskala kecil di sini adalah satu *evident* yang untuk saya nyatakan tadi program berstruktur di bawah Pejabat EXCO iaitu hari Sabtu 12 September 2015, Kampung Tunku, Kinrara dan Seri Kembangan dan dalam ini bilangan hadir 8 orang. Jumlah yang ditolak dari PWB 2,500 begitu juga dengan Kuang dan juga Rawang yang berlangsung di Dewan Perpustakaan Awam Selangor jumlah 23 orang sahaja dan ditolak juga 2,500 keseluruhannya yang ditolak 2,500 ini tidak sampai 50 majoriti kehadiran. Jadi saya nak bertanya YB EXCO bagaimanakah keadilan wang yang diberi kepada PWB DUN ini dikelolakan?

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Seri Serdang, program pada 12 September dan beberapa tarikh yang disebutkan tadi adalah program berstruktur yang dilaksanakan melalui penyelarasan daripada pejabat PWB negeri yang mana kita memperuntukkan atau pun kita menggabungkan beberapa DUN-DUN untuk melaksanakan program berstruktur ini di mana setiap DUN, setiap PWB diminta untuk membawa sekurang-kurangnya 20 peserta tetapi oleh kerana penyelia-penyelia ini tidak dapat gagal untuk membawa peserta tersebut maka ianya adalah satu yang malanglah kerana sayangnya kerana peruntukan sudah kita keluarkan. Penceramah telah pun kita panggil dan juga segala perbelanjaan telah pun dikeluarkan tetapi hanya beberapa orang sahaja dapat bersama dalam program seperti ini.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Adakah Kerajaan Negeri telah mengkaji bahawa kenapa PWB atau pun kenapa tiada penyertaan bagi program-program tersebut? Adakah ia tidak berkaitan atau pun tidak '*relevant*' dengan apa yang kita nak? Adakah Kerajaan Negeri akan menimbang bahawa kita menghapuskan berstruktur dan tidak berstruktur '*we live to DUN*' terima kasih?

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Damansara Utama, tentang mengapa ianya tidak mendapat mungkin sambutan daripada wanita ianya kembali semula kepada penyelia tersebut dan mungkin kerana 12 September adalah program yang pertama mungkin sebab itulah kurang sambutan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya rasa.

TUAN SPEAKER : Biar Sementa habiskan jawapan dulu, Sementa.

Y. B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Sebab itulah ia mendapat, ia kurang mendapat sambutan tetapi pada yang seterusnya apabila ia dirancang dengan baik para penyelia dapat membawa keluar para peserta-peserta wanita yang mana kita anggarkan setiap DUN hantar 20 orang jadi dalam satu-satu program 50 ke 60 orang peserta yang bersama dalam program-program yang berstruktur ini. Baiklah saya kira itu sahaja yang kita bincangkan pada hari ini jadi dengan itu saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, saya bermula dengan dua cadangan projek daripada Daerah Sabak Bernam iaitu Yang Berhormat Sekinchan dan Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Saya bermula dengan berita baik untuk Sungai Air Tawar iaitu masalah '*parking*' di Pantai BNO di kawasan pantai BNO di kawasan Majlis Daerah Sabak Bernam telah maklum kepada pejabat saya bahawa '*parking*' yang sedia ada di belakang gerai dan di tepi dan juga di bahagian belakang dan tepi akan dikekalkan dan ada sedikit kawasan di bahagian depan di mana perancangan kalau ada perancangan untuk membuat '*parking*' oleh Majlis Daerah Sabak Bernam. Maka kawasan itu akan diratakan secara kasaran tetapi tidak akan ditarkan kerana ada isu tanah mendap dan juga air pasang. Tetapi perkara ini akan dikaji oleh Majlis Sabak Bernam saya harap mulai tahun depan untuk menambah '*parking*' di sana. Saya ada berita yang kurang baik, sambung besok boleh tambah.

TUAN SPEAKER : Teruskan sehingga jam.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat Sekinchan tentang Pantai Sungai Labu tetapi saya perlu maklumkan apa masalahnya. Masalahnya yang pokok adalah apa yang dibentangkan, yang dipohon oleh pihak pemaju projek tersebut masalah pokoknya ia tidak selaras dengan pelan pengurusan pantai bersepadu Kuala Selangor Sabak Bernam yang diwartakan. Jadi kita telah memberi ulasan melalui beberapa agensi bahawa ada kesan kepada satu rangka kebun akupunktur di sana. Kalau ada cadangan alternatif boleh dibentangkan yang tidak memasuki kira penambakan laut maka saya rasa projek ataupun versi yang baru boleh kaji semula. Satu perkara.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Lanjan jam telah menunjukkan 4.30 petang boleh sambung esok.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Boleh.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan sesi dewan hari ini saya nak ingatkan kepada semua Yang Berhormat yang membangkitkan isu dalam perbahasan supaya hadir di dalam dewan untuk mendengar penjelasan daripada pihak kerajaan. Jangan bangkitkan isu tetapi tidak hadir bila pihak kerajaan menjawab. Ada juga yang langsung tidak bangkitkan dalam dewan tetapi membuat pelbagai tuduhan di luar sehingga media mencari Speaker setiap kali, saya ingatkan semua untuk mengambil peluang semasa sidang sedang berjalan untuk mengambil peluang untuk bertanya kepada pihak Kerajaan kerana ini adalah proses yang betul.

Y. B. TUAN : Yang tidak bahas pembangunan boleh tanya soal tak kepada EXCO.

TUAN SPEAKER : Tidak boleh.

Y. B. TUAN: Apa guna *you* tidak bagi peluang.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya tangguhkan sidang sehingga esok 12 November, Khamis jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 5.30 petang)